

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**CIRI-CIRI JAWATANKUASA AUDIT DAN TAHAP
KEPATUHAN LAPORAN KEWANGAN KOPERASI
DI KELANTAN**



YUSRI HUZAIMI BIN MAT JUSOH

UUM
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR PENTADBIRAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Ogos 2016**

**CIRI-CIRI JAWATANKUASA AUDIT DAN TAHAP KEPATUHAN LAPORAN
KEWANGAN KOPERASI DI KELANTAN**



Oleh

YUSRI HUZAIMI BIN MAT JUSOH

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Suatu Tesis untuk diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
bagi memenuhi sebahagian keperluan ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan**

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Dalam membentangkan tesis ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat ijazah Siswazah dari Universiti Utara Malaysia (UUM) , saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti ini boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin karya ini dalam apa-apa cara, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau jika beliau tiada, kebenaran hendaklah melalui Dekan Othman Yeop Abdullah, *Graduate School of Business* tempat saya lakukan tesis saya. Dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan karya ini atau sebahagian daripadanya untuk keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan yang sewajarnya diberikan kepada saya dan kepada UUM dalam mana-mana kegunaan kesarjanaan yang boleh dibuat daripada apa-apa bahan di dalam tesis saya.

Sebarang permohonan kebenaran untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini secara keseluruhan atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada :



Dekan
Othman Yeop Abdullah
Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kadar ketidakpatuhan terhadap ketepatan masa laporan kewangan dan piawaian perakaunan dalam kalangan koperasi di Kelantan adalah tinggi. Kesannya, terdapat koperasi yang tidak dapat mengadakan mesyuarat agung tahunan akibat daripada kegagalan mengemukakan laporan kewangan, malah ada juga koperasi yang membayar dividen tetapi mengambil tempoh masa yang lebih panjang daripada peraturan yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit sektor koperasi yang cekap dan berkesan dalam memperkasakan tahap pematuhan terhadap piawaian pelaporan kewangan. Ciri-ciri jawatankuasa audit ini telah diambil daripada amalan terbaik seperti yang ditetapkan oleh *Malaysian Code on Corporate Governance*, 2012 kepada jawatankuasa audit di syarikat senaraian awam. Ciri-ciri tersebut ialah kompetensi, kebebasan, keaktifan dan komposisi. Kompetensi diukur dengan kepakaran dan pengalaman, kebebasan diukur dengan tempoh lantikan, keaktifan diukur dengan kekerapan mesyuarat dan komposisi diukur dengan saiz jawatankuasa audit. Kajian ini bertujuan membantu koperasi di negeri Kelantan untuk menyemak dan melihat kembali ciri-ciri jawatankuasa audit yang lebih efektif dan berkesan. Data kajian ini diperolehi dari soalan kaji selidik bagi ciri-ciri jawatankuasa audit dan data sekunder untuk tahap kepatuhan. Seramai 177 ahli jawatankuasa audit memberi maklum balas soalan kaji selidik dan 59 buah koperasi digunakan untuk mengukur tahap kepatuhan. Hasil analisis menunjukkan bahawa pengalaman, tempoh lantikan dan saiz jawatankuasa audit merupakan ciri-ciri jawatankuasa audit yang signifikan terhadap tahap pematuhan ketepatan masa dan piawaian perakaunan. Antara batasan kajian ini ialah ia dijalankan di negeri Kelantan dan data pematuhan hanya dikumpulkan dalam tempoh satu tahun sahaja.

Kata kunci: *Jawatankuasa audit, koperasi, cekap, berkesan.*

ABSTRACT

The rate of non-compliance to financial reporting timeliness and accounting standards among the cooperatives in Kelantan is considered high comparatively. As a result, there are some cooperatives which are unable to conduct their annual general meetings (AGM) due to the failure to provide the financial reports on time. In some cases, there are several cooperatives which manage to pay dividends, yet the process exceeds the stipulated time. Thus, this study is carried out to investigate the criteria of effective and efficient audit committee in fostering compliance towards financial reporting standards. The criteria of audit committee have been taken from the best practices prescribed by the Malaysian Code on Corporate Governance, 2012 to the audit committee in public listed companies. Those characteristics include competency, independence, diligence and composition. Competency is measured by expertise and experience; independence is based on the duration of appointment and diligence by frequency of meetings. As for the composition, it is based on the size of audit committee. This study aims to help the cooperatives in Kelantan to identify the effective and efficient criteria of audit committee. The data for this study was obtained from questionnaires for audit committee characteristics and secondary data for compliance levels. A total of 177 audit committee members completed the questionnaires and the data on compliance levels were obtained from 59 cooperatives. The result of the analysis reveals that experience, duration of appointment and the size of audit committee are the significant attributes which affect the compliance with timeliness and accounting standards. Among the limitations of this study are; it was carried out in Kelantan and the data of the compliance was collected for one year only.

Keywords: *Audit committee, cooperatives, efficient, effective.*

PENGHARGAAN


Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianNYA dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan lengkap.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Profesor Dr Mahamad Tayib, penyelia tesis ini yang telah membantu dan memberi bimbingan yang teramat bernilai sepanjang proses penyiapan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menyumbangkan data-data yang berguna serta menjadi responden kaji selidik bagi menjayakan tesis ini secara sukarela.

Proses penyiapan tesis ini telah memberikan tekanan tambahan bagi keluarga saya dan kesempatan ini saya merakamkan setinggi terima kasih untuk isteri tercinta, Naadilla Binti Che Kamaruddin serta anak-anak, Absyar, Affan dan Ariq di atas kesabaran. Buat ibu dah ayah serta ibu mertua tersayang, terima kasih atas sokongan yang telah diberikan.

Akhirnya saya berdoa kepada Allah S.W.T mudah mudahan tesis ini dapat memberi faedah kepada kita semua.



UUM
Universiti Utara Malaysia

ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA.....	i
ABSTRAK.....	ii
ABSTACT (ENGLISH).....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Sejarah Penubuhan Jawatankuasa Audit di Malaysia	6
1.3 Pernyataan Masalah.....	12
1.4 Soalan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Signifikan Kajian.....	17
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	22
1.8 Susun atur Tesis.....	23
BAB 2: PERKEMBANGAN KOPERASI, TADBIR URUS DAN LAPORAN	
KEWANGAN	24
2.1 Takrifan Koperasi.....	24
2.2 Perkembangan Koperasi di Malaysia	27
2.3 Perkembangan Koperasi di Kelantan	31
2.4 Tadbir Urus Koperasi di Malaysia	33

2.5	Jawatankuasa Audit dalam Sektor Koperasi	36
2.6	Peranan Jawatankuasa Audit dalam Sektor Koperasi	39
2.7	Laporan Kewangan dalam Sektor Koperasi	45
BAB 3: SOROTAN LITERATUR		50
3.1	Pengenalan.....	50
3.2	Teori Kajian.....	51
3.2.1	Teori Agensi	51
3.3	Tahap Kepatuhan Laporan Kewangan	57
3.3.1	Kepatuhan Kepada Garis Pemasaran.....	58
3.3.2	Kepatuhan Kepada Piawaian Perakaunan	66
3.4	Kompetensi Jawatankuasa Audit.....	74
3.4.1	Kepakaran Jawatankuasa Audit.....	75
3.4.2	Pengalaman Jawatankuasa Audit	79
3.5	Kebebasan Jawatankuasa Audit	83
3.5.1	Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit	85
3.6	Keaktifan Jawatankuasa Audit	89
3.6.1	Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit.....	89
3.7	Komposisi Jawatankuasa Audit.....	93
3.7.1	Saiz Jawatankuasa Audit	93
BAB 4: RANGKA DAN KAEDAH KAJIAN.....		97
4.1	Pengenalan.....	97
4.2	Rangka Kajian	98

4.3	Pembentukan Hipotesis	99
4.3.1	Kepakaran Jawatankuasa Audit.....	99
4.3.2	Pengalaman Jawatankuasa Audit	101
4.3.3	Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit	103
4.3.4	Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit.....	106
4.3.5	Saiz Jawatankuasa Audit	107
4.4	Kaedah Kajian	109
4.5	Persampelan.....	112
4.5.1	Saiz Sampel	115
4.6	Soalan Kaji Selidik.....	118
4.6.1	Pembentukan Soalan Kaji Selidik	120
4.6.2	Kepanjangan Soalan Kaji Selidik.....	120
4.6.3	Format Soalan Kaji Selidik	121
4.6.4	Sumber dan Struktur Soalan Kaji Selidik.....	123
4.7	Pengukuran Pembolehubah	125
4.7.1	Pengukuran Tahap Kepatuhan.....	125
4.7.2	Pengukuran Ciri-Ciri Jawatankuasa Audit	128
4.8	Pengumpulan Data	134
4.9	Kajian Rintis.....	136
4.9.1	Analisis Kebolehpercayaan	137
4.10	Teknik Menganalisis Data.....	139
4.10.1	Pemeriksaan Data	140
4.10.2	Ujian Nilai Data Hilang.....	141

4.10.3	Penilaian Titik Terpencil	142
4.10.4	Ujian Kenormalan Data	142
4.11	Analisis Multivariat Permodelan Persamaan Struktur – PLS (SEM).....	143
4.11.1	Kenapakah Menggunakan PLS-SEM?	144
4.11.2	Prosedur PLS-SEM	145
4.11.3	Pengukuran Model Reflektif	146
4.11.4	Penilaian Model Struktur.....	149
BAB 5: ANALISIS DAN PENEMUAN		153
5.1	Pengenalan.....	153
5.2	Kadar Responden	154
5.3	Pemeriksaan Data	155
5.3.1	Analisis Nilai Data Hilang	156
5.3.2	Penilaian Titik Terpencil	156
5.3.3	Kenormalan Data.....	158
5.4	Profil Tahap Kepatuhan Koperasi	159
5.5	Responden Profil	161
5.6	Penilaian Model Pengukuran.....	164
5.7	Penilaian Model Reflektif	166
5.7.1	Kebolehpercayaan Indikator.....	166
5.7.2	Kesahihan Pemusatan	169
5.7.3	Kesahihan Diskriminan	170
5.7.4	Ketekalan Dalaman	171
5.8	Penilaian Model Struktur.....	173

5.8.1	Penilaian Kolineariti.....	174
5.8.2	Pekali Laluan.....	175
5.8.3	Pekali Penentuan (R^2).....	180
5.8.4	Saiz Kesan (f^2).....	184
5.8.5	Kerelevanan Prediktif.....	185
BAB 6: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN.....		186
6.1	Pengenalan.....	186
6.2	Perbincangan Ciri-Ciri Jawatankuasa Audit	186
6.2.1	Kepakaran Jawatankuasa Audit.....	187
6.2.2	Pengalaman Jawatankuasa Audit	189
6.2.3	Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit	191
6.2.4	Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit.....	193
6.2.5	Saiz Jawatankuasa Audit	194
6.3	Perbincangan Model Kajian	195
6.4	Kesimpulan.....	197
RUJUKAN.....		200
SOALAN KAJI SELIDIK.....		219

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Kod Amalan Terbaik Jawatankuasa Audit Bagi Keperluan Penyenaiaan Syarikat di Bursa Malaysia.....	11
Jadual 1.2	Statistik Pematuhan Akaun dan Audit Tahun 2014.....	12
Jadual 1.3	Perbandingan Ciri-ciri Jawatankuasa Audit Sektor Koperasi dan Syarikat.....	20
Jadual 2.1	Perkembangan Koperasi Negeri Kelantan.....	32
Jadual 2.2	Perbandingan Jawatankuasa Audit Koperasi di negara-negara Asia Tenggara.....	38
Jadual 3.1	Kepakaran Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan.....	78
Jadual 3.2	Pengalaman Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan	82
Jadual 3.3	Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan.....	88
Jadual 3.4	Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan.....	92
Jadual 3.5	Saiz Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan.....	96
Jadual 4.1	Bilangan Koperasi di Kelantan Berdasarkan Kluster.....	114
Jadual 4.2	Hasil Purata Berdasarkan Kluster Koperasi di Kelantan.....	114
Jadual 4.3	Populasi Koperasi di negeri Kelantan.....	116
Jadual 4.4	Kelebihan dan Kekurangan Teknik Soalan Kaji Selidik.....	118
Jadual 4.5	Jumlah Soalan Kaji Selidik.....	124
Jadual 4.6	Skala Pengukuran Tahap Kepatuhan Garis Pemasaaan.....	126
Jadual 4.7	Skala Pengukuran Tahap Kepatuhan Piawaian Perakaunan.....	127
Jadual 4.8	Skala Pengukuran Kepakaran Jawatankuasa Audit.....	129
Jadual 4.9	Skala Pengukuran Pengalaman Jawatankuasa Audit.....	130
Jadual 4.10	Skala Pengukuran Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit.....	131
Jadual 4.11	Skala Pengukuran Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit.....	132
Jadual 4.12	Skala Pengukuran Saiz Jawatankuasa Audit.....	133
Jadual 4.13	Kategori Responden Kajian Rintis.....	137
Jadual 4.14	Keputusan Ujian Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis.....	138
Jadual 5.1	Keputusan Analisis Data Hilang.....	156
Jadual 5.2	Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	158
Jadual 5.3	Profil Tahap Kepatuhan Koperasi.....	160
Jadual 5.4	Responden Profil.....	161
Jadual 5.5	Pemuatan Luar dan Silang (Sebelum Buang).....	167
Jadual 5.6	Pemuatan Luar dan Silang (Selepas Buang).....	168
Jadual 5.7	Keputusan Ujian Kesahihan Pemusatan.....	169
Jadual 5.8	Keputusan Ujian Kesahihan Diskriminan.....	171
Jadual 5.9	Keputusan Ujian Pengukuran Model Reflektif.....	172
Jadual 5.10	Keputusan VIF.....	174
Jadual 5.11	Keputusan Hubungan Pembolehubah Model Tahap Kepatuhan Garis Pemasaaan.....	176
Jadual 5.12	Keputusan Hubungan Pembolehubah Model Tahap Kepatuhan Piawaian Perakaunan.....	176
Jadual 5.13	Keputusan Hubungan Pembolehubah Model Kepatuhan Disatukan.....	178
Jadual 5.14	Saiz Kesan terhadap Pemboleh ubah Model Kepatuhan Disatukan.....	184
Jadual 5.15	Kerelevanan Prediktif Model Kepatuhan Disatukan.....	185

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Kerangka Tadbir Urus Koperasi.....	33
Rajah 3.1	Teori Agensi dan Kepentingan Jawatankuasa Audit.....	52
Rajah 4.1	Rangka Kajian Ciri-Ciri Jawatankuasa Audit dan Tahap Kepatuhan Laporan Kewangan.....	98
Rajah 5.1	Model Asal Kajian.....	165
Rajah 5.2	Keputusan Pekali Penentuan (R^2) Model Kepatuhan Garis Pemasaan.....	181
Rajah 5.3	Keputusan Pekali Penentuan (R^2) Model Kepatuhan Piawaian Perakaunan.....	182
Rajah 5.4	Keputusan Pekali Penentuan (R^2) Model Disatukan.....	183



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

AVE	: Average Variance Extracted
IAM	: Institute of Internal Auditors Malaysia
MASB	: Malaysian Accounting Standard Board
MCCG	: Malaysian Code on Corporate Governance
MFRS	: Malaysia Financial Reporting Standard
MIA	: Malaysian Institute of Accountants
MICPA	: Malaysian Institute of Certified Public Accountants
PERS	: Private Reporting Entity Standard
SKM	: Suruhanjaya Koperasi Malaysia
US	: United States
SPSS	: Statistical Package for Social Sciences
VIF	: Variance Inflated Factors



BAB 1:

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Ahli jawatankuasa audit dalam sektor koperasi adalah terdiri daripada pemegang-pemegang saham yang dilantik oleh ahli lembaga koperasi mengikut seksyen 42A, Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan 4 (2009) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Antara tugas-tugas jawatankuasa audit adalah untuk meningkatkan kredibiliti laporan kewangan, memastikan sistem kawalan dalaman yang efektif dan memantau pelaksanaan aktiviti serta operasi perniagaan (Carcello & Neal, 2003). Tanggungjawab ini adalah untuk memastikan pemegang-pemegang saham memperoleh maklumat yang tepat sebelum sesuatu keputusan ekonomi dilakukan (Saleh, Iskandar & Rahmat, 2007). Sektor koperasi di Malaysia merupakan sektor yang agak penting kerana mengikut rekod¹ 25% rakyat Malaysia memiliki kepentingan saham dalam koperasi dan merupakan penyumbang yang besar kepada hasil negara dalam bentuk cukai langsung. Oleh yang demikian, sektor koperasi mestilah mempunyai sistem tadbir urus yang baik dan ciri-ciri jawatankuasa audit yang cekap serta efektif bagi memastikan laporan kewangan yang


¹ Statistik di lawan sesawang www.skm.gov.my maklumat tersebut adalah pada tahun 2013.

disediakan mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan yang ditetapkan.

Namun begitu, Utusan Malaysia (2012) melaporkan selepas tiga tahun Garis Panduan 4 (2009) dilaksanakan, jawatankuasa audit masih tidak cekap dan kurang efektif dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kepatuhan laporan kewangan. Menurut laporan tersebut, jawatankuasa audit yang dilantik tidak membuat teguran terhadap penemuan-penemuan audit yang menyebabkan laporan kewangan tidak mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Perkara ini telah menimbulkan persoalan sama ada jawatankuasa audit yang dilantik benar-benar mempunyai kompetensi dan bebas atau saiz jawatankuasa yang tidak efektif sehingga gagal memastikan laporan kewangan koperasi mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Kesan daripada kelemahan jawatankuasa tersebut, menyebabkan berlakunya aktiviti ketidakpatuhan laporan kewangan dan memberi kesan kepada pemegang-pemegang saham (Mohamad, Othman, & Mohamed, 2013; Mohamad & Othman, 2013). Antara ketidakpatuhan laporan kewangan yang melibatkan koperasi ialah Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional (NARSCO) yang berlaku pada tahun 2006 dan

membawa kerugian RM20 juta. Manakala Koperasi Kakitangan Kerajaan Selangor dan Wilayah Persekutuan (KOSWIP) yang berlaku pada tahun 2010 melibatkan kes penyelewengan tender menyebabkan kerugian RM1.5 juta dan kesannya KOSWIP gagal mematuhi garis pemasaan yang ditetapkan. Skandal-skandal yang berlaku ini menunjukkan kegagalan jawatankuasa audit untuk mengesan di peringkat awal aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan akhirnya membawa kegagalan dalam mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Kajian yang dijalankan oleh Kamarudin, Ismail dan Mustapha (2012), mendapati kelewatan menghantar laporan kewangan kepada pihak berwajib adalah petunjuk utama berlakunya penipuan seterusnya membawa kepada ketidakpatuhan garis pemasaan dan juga ketidakpatuhan piawaian perakaunan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Bagi menguatkan lagi hujah di atas, kajian yang dilakukan oleh Abdul Hamid, Shafie, Othman, Wan Hussin dan Fadzil (2013) melaporkan skandal penipuan Transmile Group Berhad bermula dengan kelewatan dalam menyediakan laporan kewangan tahun 2006 seterusnya membawa kegagalan mematuhi garis pemasaan kepada Bursa Saham dan akhirnya menyebabkan skandal penipuan dan ketidakpatuhan piawaian perakaunan yang berlaku terdedah. Salah satu daripada kesimpulan kajian tersebut ialah kelemahan dalam kawalan dalaman dan tadbir urus syarikat. Oleh itu peranan ahli jawatankuasa audit

adalah penting bagi memastikan laporan kewangan yang mematuhi garis pemaasan dan piawaian perakaunan. Namun demikian, hasil temuduga² bersama pegawai audit Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan mendapati 52% koperasi di Kelantan gagal mematuhi garis pemaasan³ dan 58% koperasi menyediakan rekod perakaunan secara asas tunai maka koperasi tersebut tidak mematuhi piawaian perakaunan MFRS101⁴ sepertimana yang telah ditetapkan.

Ketidakpatuhan garis pemaasan boleh menimbulkan krisis keraguan kepada pemegang saham dan juga pihak berkepentingan (Bank, Pemiutang, Pemberi Pinjaman). Krisis ini timbul apabila pihak-pihak berkepentingan tidak mendapat maklumat pada masa yang diperlukan (Ika & Ghazali, 2012) dan seterusnya boleh membantut perkembangan koperasi. Kecenderungan koperasi menyediakan rekod perakaunan secara asas tunai juga boleh menyebabkan hasil dan perbelanjaan direkod pada jumlah yang tidak tepat (Kwon, 1989). Ini disebabkan oleh segala hasil dan perbelanjaan yang terakru tidak diambil kira dalam rekod perakaunan. Oleh yang demikian, laporan

² Data tersebut diperolehi hasil daripada temuduga pegawai audit Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Temuduga tersebut dibuat pada 6 Mei 2015 pada jam 10:23 pagi di Bangunan Persekutuan, Kota Bharu.

³ Garis masa yang ditetapkan mengikut seksyen 58, Akta Koperasi 1993 ialah setiap koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi hendaklah menghantar laporan kewangan untuk tujuan diaudit dalam masa 2 bulan selepas tamat tahun perakaunan.

⁴ Piawaian Perakaunan MFRS101 menetapkan setiap daripada entiti perniagaan dihendaki menyediakan rekod perakaunan secara asas akruan, agar laporan kewangan menggambarkan kedudukan saksama dan tepat.

kewangan yang disediakan tidak menggambarkan kepada prestasi dan kedudukan sebenar sesebuah koperasi tersebut maka seterusnya boleh menimbulkan krisis ketidakpercayaan terhadap laporan tersebut.

Oleh itu bagi mengurangkan masalah ketidakpatuhan maka Dasar Koperasi Negara diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2011. Dasar tersebut mensasarkan sebanyak 90% koperasi mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan kepada pemegang-pemegang saham terhadap laporan kewangan. Dasar tersebut juga menggariskan agar jawatankuasa audit diperkasakan. Oleh itu bagi mencapai matlamat tersebut, maka kajian ini akan mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi bagi meningkatkan tahap kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Sepanjang sorotan literatur dilakukan (setakat pengetahuan penyelidik), tidak ada kajian yang dibuat mengenai ciri-ciri jawatankuasa audit sektor koperasi. Namun begitu, *Malaysian Code on Corporate Governance* (2012) telah mengeluarkan garis panduan amalan terbaik jawatankuasa audit bagi dijadikan praktis untuk syarikat-syarikat senaraian awam di Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian ini mengguna pakai amalan terbaik jawatankuasa audit yang dicadangkan oleh *Malaysian Code on*

Corporate Governance (2012) untuk diuji kepada jawatankuasa audit di sektor koperasi. Matlamat mengguna pakai ciri-ciri di dalam garis panduan tersebut adalah untuk memastikan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi dapat memainkan peranan yang berkesan dan efektif bagi meningkatkan lagi tahap kepatuhan garis pemaasan dan piawaian perakaunan.

1.2 Sejarah Penubuhan Jawatankuasa Audit di Malaysia

Kemuncak kesedaran bagi menubuhkan jawatankuasa audit di Malaysia bermula selepas krisis kewangan pada tahun 1977. Krisis ini telah menyebabkan bank dan institusi kewangan pada masa itu mengalami masalah dari segi pengurusan aliran wang tunai (Choudry, 2008). Menurut Yaacob, Ahmad dan Zabaria (2010), hanya bank dan institusi kewangan yang mempunyai tadbir urus yang baik sahaja mampu bertahan semasa krisis tersebut berlaku. Sehubungan dengan itu, penubuhan jawatankuasa audit di Malaysia adalah untuk meningkatkan tadbir urus hanya bermula pada tahun 1985. Pada tahun tersebut, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mewajibkan penubuhannya dalam kalangan institusi kewangan di negara ini⁵.

⁵ BNM/RH/GL005-4 Garis Panduan Piawaian Tadbir Urus Korporat berhubung jawatankuasa audit bagi institusi kewangan.

Penubuhannya jawatankuasa audit di Malaysia dirasakan sangat perlu setelah terjadi kes skandal korporat (Sori, Ali & Hamid, 2008) seperti kes Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong pada tahun 1984 yang melibatkan kerugian sehingga RM2.4 bilion, kegagalan syarikat Carrian Group pada tahun 1984 dan kejatuhan syarikat Pan Pacific Group pada tahun 1985. Kerugian pada syarikat berkepentingan kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1988 telah mempercepatkan proses penubuhan jawatankuasa audit.

Peristiwa tersebut telah mendorong *Malaysian Institute of Accountants (MIA)* dan *Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA)*, sekarang dikenali sebagai *Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)* serta *Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM)* mengemukakan cadangan supaya syarikat yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia harus membentuk jawatankuasa audit bermula 1 Ogos 1993. Jawatankuasa audit yang dibentuk mestilah dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang majoritinya pengarah bukan eksekutif syarikat dan bebas.

Fungsi utama jawatankuasa audit di Malaysia ialah bertanggungjawab untuk meningkatkan kredibiliti laporan kewangan (Azizah, Abidin & Ahmad, 2007). Di samping itu, meluluskan rancangan kerja audit

dalam beraskan kewajaran skop dan risiko, memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, menyemak laporan audit dalam bagi membolehkannya memberi nasihat serta cadangan yang wajar kepada Lembaga dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan (MIA, 1999). Seterusnya untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat milik kerajaan, garis panduan⁶ mengenai penubuhan jawatankuasa audit bagi syarikat kerajaan juga dikeluarkan (Rahmat, Iskandar & Saleh, 2009). Objektif penubuhannya adalah untuk memelihara kepentingan pemegang saham (kerajaan) melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan wang awam di syarikat induk dan semua lapisan syarikat subsidiari dan bersekutu.

Pada masa ini, penubuhan jawatankuasa audit adalah merupakan syarat wajib bagi syarikat yang ingin berdaftar dan tersenarai dengan Bursa Malaysia⁷. Penubuhannya oleh syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia adalah satu usaha untuk memperkemas tadbir urus korporat ke tahap yang lebih baik. Usaha untuk memperkukuhkan tadbir urus korporat berlaku apabila penubuhan jawatankuasa audit mula dititikberatkan pada awal tahun 1990-an. Suruhanjaya Sekuriti


⁶ Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 mengenai Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan Bagi Syarikat-Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan.

⁷ *Listing Requirement of Bursa Malaysia Regulation* dan seksyen 132 (1F) dan (1G), Akta Syarikat, 1965

ditubuhkan pada tahun 1993 dengan peranan utama mengawal dan menyelia pasaran. Akta Laporan Kewangan 1997 pula digubal sebagai usaha meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan laporan kewangan kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Bagi meningkatkan tadbir urus yang lebih baik, satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1998. Jawatankuasa tersebut dikenali sebagai Jawatankuasa Kewangan dan Tadbir Urus Korporat.

Jawatankuasa Kewangan dan Tadbir Urus Korporat (FCCG), kemudiannya menubuhkan *Malaysian Institute of Corporate Governance* (MICG) yang dianggotai oleh *Federation of Public Listed Companies, Malaysian Institute of Accountants, Malaysia Association of the Institute of Chartered Secretaries and Administration, Malaysian Institute of Certified Public Accountants* dan *Malaysian Institute of Directors*. Tujuan utama penubuhan MICG ini adalah untuk membentuk prinsip tadbir urus korporat dan termasuk juga amalan terbaik jawatankuasa audit. Hasilnya pada Mac 2001, MICG telah mengeluarkan *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG).

Tujuan utama MCCG diterbitkan adalah sebagai garis panduan kepada syarikat supaya mengamalkan ciri-ciri amalan terbaik dalam tadbir urus syarikat. Kod ini amat relevan, terutamanya kepada syarikat senaraian awam yang bertanggungjawab kepada pemegang sahamnya selaku penyumbang modal, bagi memastikan laporan kewangan yang mematuhi garis pemaasan dan piawaian perakaunan agar ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti wujud di dalam laporan tersebut (Aswadi, Wahab, How & Verhoeven, 2008). Oleh yang demikian kod ini juga relevan kepada sektor koperasi memandangkan pemegang saham koperasi juga adalah penyumbang modal kepada koperasi. Jadual 1.1 menerangkan Kod amalan terbaik jawatankuasa audit bagi keperluan penyenaian syarikat di Bursa Malaysia.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Jadual 1.1:

Kod Amalan Terbaik Jawatankuasa Audit Bagi Keperluan Penyenaiaan Syarikat di Bursa Malaysia

Petunjuk MCCG	Ciri-ciri	Deskripsi amalan
KOMPETENSI	Kepakaran Pengalaman	Sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa audit adalah ahli MIA atau jika tidak, ia perlu lulus peperiksaan Bahagian 1, Jadual 1 Akta Akauntan 1967 atau menjadi ahli salah sebuah badan profesional perakaunan yang tersenarai di Jadual 1 Akta Akauntan 1967. Salah seorang ahli jawatankuasa audit mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun.
KEBEBASAN	Lantikan	Ahli jawatankuasa audit yang dilantik adalah terdiri daripada kalangan pengarah bukan eksekutif yang majoritinya adalah pengarah bebas. Lembaga hendaklah menilai prestasi ahli jawatankuasa setiap 3 tahun sebelum perlantikan semula dilakukan.
KEAKTIFAN	Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa audit disarankan bermesyuarat sekerap mungkin bagi memastikan isu-isu yang dijumpai dapat diselesaikan pada waktu yang sama dengan kitaran audit dan sebelum waktu penerbitan laporan kewangan.
KOMPOSISI	Saiz jawatankuasa	Jawatankuasa audit yang dilantik terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang. Pengerusi jawatankuasa audit dalam kalangan pengarah bukan eksekutif yang bebas.

Sumber: Adaptasi Bursa Malaysia Listing Requirement (2015)

Oleh yang demikian, amalan terbaik jawatankuasa audit (MCCG, 2012) adalah untuk memperkukuh dan memperkasakan jawatankuasa audit di Malaysia kerana peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa tersebut adalah begitu signifikan dalam menjaga kepentingan pemegang saham agar laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemaasan dan piawaian perakaunan yang ditetapkan. Namun begitu, ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi masih belum dikenal pasti (setakat pengetahuan penyelidik) bagi memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemaasan dan piawaian perakaunan.



1.3 Pernyataan Masalah

Tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi di Kelantan adalah terendah berbanding dengan tahap kepatuhan di peringkat nasional. Pencapaian di peringkat nasional adalah seperti berikut:

Jadual 1.2:
Statistik Pematuhan Akaun dan Audit Tahun 2014

Bil	Kluster	Bilangan Koperasi	% Pematuhan Seksyen 58 (3)		% Pematuhan Seksyen 59 (5)	
			Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Besar	186	85	15	82	18
2	Sederhana	507	76	24	70	30
3	Kecil	1,289	41	59	40	60
4	Mikro	9,889	22	78	16	84
Peratus Purata Pematuhan			56%	44%	52%	48%

(Sumber: Bahagian Audit & Pegawai Kewangan Koperasi)

Sebanyak 52% koperasi di Kelantan tidak mematuhi garis pemaasan dan 58% pula menyediakan rekod perakaunan secara asas tunai tanpa mematuhi keperluan piawaian perakaunan MFRS101 (Pegawai Audit, SKM Kelantan)⁸, berbanding tahap ketidakpatuhan garis pemaasan diperingkat nasional adalah sebanyak 44% dan 48% untuk ketidakpatuhan piawaian perakaunan. Kesan daripada ketidakpatuhan garis pemaasan telah menimbulkan krisis keyakinan dalam kalangan pemegang saham akibat kelewatan dalam mengadakan mesyuarat agung dan akhirnya pembayaran dividen juga mengalami kelewatan (Sirait & Siregar, 2014). Selain daripada itu, laporan kewangan yang tidak mematuhi piawaian perakaunan boleh mengundang krisis keraguan kepada pengguna laporan tersebut (Dang-Duc, 2011). Krisis-krisis yang berlaku ini boleh merencat perkembangan sektor koperasi secara langsung boleh memberi impak negatif kepada hasil cukai kerajaan.

Oleh yang demikian, menjadi persoalan sama ada jawatankuasa audit yang diberikan kuasa melalui perundangan sebagai pemantau laporan kewangan memainkan peranan yang efektif dan cekap dalam memastikan permasalahan kepatuhan dapat dikurangkan. Kajian yang dijalankan oleh Hashim, Zakaria dan Fawzi (2014) melaporkan

⁸ Statistik tersebut diperolehi hasil daripada temuduga pegawai audit Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Temuduga tersebut dibuat pada 6 Mei 2015 pada jam 10:23 pagi di Bangunan Persekutuan, Kota Bharu.

bahawa faktor penyumbang kepada ketidakpatuhan adalah disebabkan oleh kelemahan jawatankuasa audit untuk bertindak secara efektif dan cekap. Perkara ini konsisten dengan kajian Mohamad *et al.* (2013) dan laporan Utusan Malaysia (2012), menyatakan jawatankuasa audit sektor koperasi yang dilantik gagal menjalankan tanggungjawab secara profesional kerana tidak membuat teguran apabila menemui kelemahan terhadap ketidakpatuhan.

Bagi menyelesaikan krisis keyakinan dan keraguan, Ika dan Ghazali (2012) dan Agoglia, Douplik dan Tsakumis (2011) melakukan kajian ke atas syarikat senaraian awam dan mendapati jawatankuasa audit yang mempunyai ciri-ciri tertentu dapat mengurangkan ketidakpatuhan garis pemeasaan dan piawaian perakaunan. Antara ciri-ciri tersebut ialah kepakaran, kekerapan mesyuarat dan kebebasan jawatankuasa audit. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi bagi meningkatkan kredibiliti laporan kewangan serta memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan terhadap laporan tersebut.

1.4 Soalan Kajian

Kadar kepatuhan laporan kewangan sektor koperasi di Kelantan adalah rendah (Pegawai Audit, SKM Kelantan). Perkara ini telah menimbulkan persoalan tentang keberkesanan jawatankuasa audit di dalam melaksanakan peranannya dan apakah ciri-ciri jawatankuasa audit di sektor koperasi bagi membantu penyediaan laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan adalah penting kerana pemegang-pemegang saham koperasi dapat mengetahui prestasi keuntungan semasa koperasi dan dividen yang bakal mereka perolehi. Bagi pemberi pinjaman seperti bank dan pemiutang, mereka ingin mengetahui sama ada koperasi berkemampuan untuk menjelaskan bayaran balik setelah pinjaman diberikan. Manakala kepatuhan piawaian perakaunan adalah penting, kerana ianya memberi gambaran kesaksamaan dan ketepatan laporan kewangan koperasi. Oleh itu, kajian ini akan cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah ciri-ciri yang dominan antara kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit yang dapat mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan di

dalam model yang berbeza antara model kepatuhan garis pemeasaan dan model kepatuhan piawaian perakaunan yang ditetapkan?

2. Apakah ciri-ciri kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit yang dapat mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan dalam model yang disatukan antara model kepatuhan garis pemeasaan dan model kepatuhan piawaian perakaunan yang ditetapkan?



1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tentang ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi dan sama ada ciri-ciri tersebut dapat mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan mengikut garis pemeasaan dan piawaian perakaunan. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengetahui ciri-ciri yang dominan antara kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit yang dapat mempengaruhi tahap kepatuhan

laporan kewangan didalam model yang berbeza antara model kepatuhan garis pemsasaan dan model kepatuhan piawaian perakaunan yang ditetapkan.

2. Mengenal pasti ciri-ciri kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit yang dapat mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan dalam model yang disatukan antara model kepatuhan garis pemsasaan dan model kepatuhan piawaian perakaunan yang ditetapkan.



1.6 Signifikan Kajian

Peranan jawatankuasa audit adalah untuk meningkatkan kredibiliti laporan kewangan, memastikan sistem kawalan dalaman berfungsi secara cekap, memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar bagi memastikan laporan kewangan mematuhi garis pemsasaan dan piawaian perakaunan yang ditetapkan. Namun demikian kelemahan yang timbul pada jawatankuasa audit dalam sektor koperasi sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Utusan Malaysia (2012), Mohamad *et al.* (2013), Mohamad & Othman (2013), Hashim *et al.*, (2014) dan Harian Metro, (2015)

menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui ciri-ciri amalan terbaik jawatankuasa audit dalam sektor koperasi bagi memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Kesan perlaksanaan dan penggunaan amalan terbaik jawatankuasa audit (MCCG, 2012) dalam syarikat senaraian awam mendapati penambahbaikan kepada tahap kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Perkara ini telah dibuktikan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Puasa dan Ahmad (2014) dan Bepari dan Mollik (2015).

Puasa dan Ahmad (2014) membuat kajian terhadap syarikat senaraian awam mengenai tahap kepatuhan garis pemasaan sebelum dan selepas pelaksanaan amalan terbaik jawatankuasa audit. Hasil daripada kajian tersebut, mendapati tahap kepatuhan garis pemasaan laporan kewangan mengalami penambahbaikan yang ketara disebabkan oleh kepakaran dan kebebasan jawatankuasa audit menjalankan tugas-tugas pemantauan.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Bepari dan Mollik (2015) terhadap 911 buah syarikat senaraian awam antara tahun 2006 sehingga tahun 2009, mendapati tahap kepatuhan laporan kewangan terhadap piawaian perakaunan semakin meningkat kadar kepatuhan apabila ahli jawatankuasa audit dianggotai oleh mereka yang mempunyai latar belakang perakaunan dan kewangan.

Jadual 1.3 menunjukkan perbandingan ciri-ciri jawatankuasa audit antara syarikat dan koperasi.




Jadual 1.3:***Perbandingan Ciri-ciri Jawatankuasa Audit Sektor Koperasi dan Syarikat***

Petunjuk MCCG	Ciri-ciri	Syarikat	Koperasi
KOMPETENSI	Kepakaran Pengalaman	Mempunyai seorang ahli jawatankuasa audit yang menganggotai badan profesional atau berpendidikan perakaunan. Memiliki 3 tahun pengalaman.	Tidak memerlukan pendidikan secara formal. Hanya mereka yang arif dan memahami asas perakaunan. Jika tiada latihan akan diberikan. Pengalaman tidak diperlukan.
KEBEBASAN	Lantikan	Lantikan terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan majoritinya pengarah bebas. Dibuat penilaian selepas 3 tahun sebelum dilantik semula.	Lantikan terdiri daripada pemegang saham koperasi. Tempoh lantikan adalah 1 tahun. Tidak perlu kepada penilaian untuk dilantik semula.
KEAKTIFAN	Kekerapan mesyuarat	Tiada had kekerapan mesyuarat. Disarankan untuk bermesyuarat sekerap mungkin apabila menemui penemuan audit yang luar biasa agar dapat diselesaikan sebelum penerbitan laporan kewangan.	Mesyuarat diadakan sekurang-kurang 4 kali setahun.
KOMPOSISI	Saiz jawatankuasa	Sekurang-kurangnya 3 ahli jawatankuasa audit. Jumlah maksimum tidak ditetapkan	Sekurang-kurangnya 3 ahli jawatankuasa audit dan maksimum adalah 5 ahli jawatankuasa audit.

Sumber: Bursa Malaysia (2015) dan Garis Panduan 4 (2009)

Oleh yang demikian kajian ini adalah signifikan dijalankan bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi kerana terdapat perbezaan antara ciri-ciri jawatankuasa audit syarikat dan koperasi. Ciri-ciri jawatankuasa audit syarikat adalah lebih baik selepas pelaksanaan amalan terbaik jawatankuasa audit (Puasa & Ahmad, 2014). Oleh itu diharapkan penemuan kajian ini dapat memberi sumbangan praktikal kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk tujuan penambahbaikan Garis Panduan 4 (2009) dan bagi Ahli Lembaga Koperasi, mereka boleh menggunakan ciri-ciri jawatankuasa audit yang signifikan sebelum pelantikan ahli jawatankuasa audit dibuat supaya laporan kewangan dapat mematuhi garis pemeasaan dan piawaian perakaunan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat mengisi kekurangan literatur dalam jawatankuasa audit sektor koperasi. Soratan literatur yang dibuat terhadap kajian-kajian terdahulu antaranya Hamid, Othman dan Rahim (2015), Sun, Lan dan Liu (2014), Abernathy, Beyer, Masli dan Stefaniak (2014), Nelson dan Devi (2013), Iyer, Bamber dan Griffin (2012), Afify (2009), Rahmat *et al.* (2009) dan Abbott, Park dan Parker(2000) memfokuskan jawatankuasa audit kepada pematuhan laporan kewangan syarikat senaraian awam sahaja.

1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Skop kajian ini adalah dalam kalangan koperasi yang berdaftar di negeri Kelantan. Koperasi yang berdaftar di Kelantan dipilih kerana mempunyai tahap kepatuhan yang terendah berbanding di peringkat nasional. Kajian yang dilakukan oleh Ika dan Ghazali (2012) dan Agoglia *et al.* (2011) mendapati ciri-ciri jawatankuasa audit seperti kepakaran, pengalaman dan kebebasan dapat meningkatkan tahap kepatuhan laporan kewangan dalam syarikat senaraian awam. Sehubungan dengan itu, skop kajian ini adalah koperasi di negeri Kelantan bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit yang dapat meningkatkan kadar kepatuhan laporan kewangan.

Limitasi kajian ini adalah mengguna pakai soalan kaji selidik bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit. Penggunaan kaedah soalan kaji selidik ini adalah selari dengan kajian yang dibuat oleh Iyer *et al.* (2012). Kaedah ini digunakan kerana tidak ada data sekunder yang disediakan untuk sektor koperasi di Malaysia bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit. Oleh yang demikian, data kajian ini adalah berdasarkan maklum balas yang diterima oleh ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman untuk mengenal pasti ciri-ciri yang diperlukan oleh jawatankuasa tersebut.

1.8 Susunatur Tesis

Bab pengenalan ini akan disusuli dengan beberapa bab lain yang disusun mengikut tertib. Bab 2 memberi gambaran tentang koperasi dan perkembangannya di Malaysia. Bab ini menyentuh sejarah koperasi dan perkembangan jawatankuasa audit di Malaysia. Bab 3 menyusul dengan sorotan literatur mengenai ciri-ciri jawatankuasa audit dan tahap kepatuhan laporan kewangan. Bab 4 akan membicarakan kaedah kajian, membincangkan kerangka kajian, pembentukan hipotesis dan kaedah persampelan. Bab 5 akan membentangkan penemuan kajian yang diperolehi dengan menggunakan kaedah analisis PLS-SEM. Akhir sekali, Bab 6 akan memberi perbincangan dan membuat kesimpulan terhadap penemuan kajian ini. Bab ini juga akan membicarakan implikasi dari segi teori dan praktikal serta mengesyorkan kajian masa depan dengan berasaskan penemuan daripada kajian ini.

BAB 2:

PERKEMBANGAN KOPERASI, TADBIR URUS DAN LAPORAN KEWANGAN

2.1 Takrifan Koperasi

Koperasi atau “Syarikat Kerjasama” adalah terjemahan langsung daripada “Co-operation” yang berasal daripada perkataan Latin “Co-operari” yang terdiri daripada 2 suku kata iaitu “Co” yang membawa maksud “bersama” manakala “operari” pula bermaksud “bekerja”(Novkovic, 2008). Dalam bahasa Inggeris, “Co-operative” bermaksud kerjasama, tolong-menolong dan bantu-membantu. Justeru itu, koperasi dapat disimpulkan sebagai organisasi yang diwujudkan atas asas bekerjasama serta perpaduan antara pemegang-pemegang sahamnya bagi mencapai matlamat berekonomi. Bagi mencapai matlamat tersebut, perkara yang penting adalah peranan pemegang sahamnya sebagai pemilik, pengguna dan pengawal. Sebagai pemilik, pemegang saham bukan saja mempunyai tanggungjawab untuk melaburkan modal dan menyokong aktiviti koperasi tetapi juga mengawal koperasi dengan konsep “satu pemegang saham satu undi” dan menerima faedah atas langganan yang dibuat (Spear, 2000). *International Cooperative Alliance (ICA)* di Kongres Manchester pada tahun 1995 telah menerima pakai *Penyataan Identiti Koperasi* yang menyenaraikan nilai-nilai utama koperasi dan juga satu set prinsip-

prinsip koperasi yang telah dikaji semula. Malaysia adalah merupakan ahli yang aktif dalam *International Cooperative Alliance (ICA)*. Keanggotaan dalam *ICA* membolehkan proses pertukaran pengalaman dan pembelajaran antara koperasi dapat dilakukan di peringkat global.

Dalam kongres ini juga koperasi telah ditakrifkan sebagai sebuah pertubuhan manusia yang berautonomi bergabung secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi bersama di dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui pertubuhan yang dimiliki bersama dan dikawal secara demokratik. Daripada definisi di atas, koperasi mempunyai maksud yang luas dan berbeza daripada bentuk perniagaan yang lain. Identiti koperasi yang dinyatakan dalam definisi adalah pemegang saham dan pemegang saham itu sendiri berganding bahu, mengamalkan sikap tolong-menolong dan bekerjasama dalam menentukan hala tuju koperasi bagi meningkatkan sosioekonomi mereka.

Koperasi merupakan organisasi perniagaan yang ditubuhkan, diuruskan dan bermodalkan wang daripada pemegang-pemegang sahamnya untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan ke arah meningkatkan dan memajukan taraf sosioekonomi mereka dan masyarakat umumnya (Nilsson, 2001). Sebagai kesimpulannya,

koperasi adalah sejenis perniagaan atau organisasi yang berasaskan kepada keuntungan dan memberi faedah dan kepentingan kepada pemegang-pemegang saham koperasi. Kewujudannya merujuk kepada sekumpulan manusia yang bekerja bersama-sama untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di dalam organisasi dan mencapai keperluan mereka. Antara koperasi yang dianggap berjaya di Malaysia ialah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Menurut rekod yang diperolehi di laman sesawang Bank Rakyat, selama 5 tahun berturut-turut Bank Rakyat mengekalkan kadar kepatuhan garis pemaasan dan piawai perakaunan. Kesan daripada pematuhan tersebut menyebabkan urusan pembayaran dividen dibuat pada masa yang telah ditetapkan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Oleh itu, konsep berkoperasi adalah sesuatu yang unik dari segi pewujudannya dan tidak dapat diperolehi di mana-mana perusahaan. Koperasi berbeza dengan organisasi yang lain yang berpegang kepada empat peraturan utama iaitu:

- i. Layanan yang sama rata antara pemegang saham tanpa mengira pangkat dan darjat.

- ii. Menggalakkan atau meningkatkan tahap penglibatan pemegang saham untuk bekerja bersama-sama dalam setiap aktiviti demi menyelesaikan masalah bersama.
- iii. Menyediakan produk dan perkhidmatan untuk mencapai keperluan pemegang saham bukan kepada tujuan mendapat keuntungan semata-mata.
- iv. Mendapatkan pulangan atas keuntungan yang diperolehi oleh koperasi.

2.2 Perkembangan Koperasi di Malaysia

Fasa pertama kemunculan kegiatan koperasi di Tanah Melayu pada ketika itu adalah hasil idea daripada penjajah British. Matlamat penubuhan koperasi pada fasa permulaan adalah untuk menyelesaikan masalah hutang yang serius dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Setelah undang-undang koperasi yang pertama diluluskan pada 28 Jun 1922, maka koperasi yang pertama berasaskan kredit didaftarkan dengan nama "*The Federated Malay States Posts and Telegraphs Co-operative Thrift and Loan Society Limited*" pada 21 Julai 1922 (Othman & Kari, 2008). Di kawasan luar bandar pula, koperasi pinjaman desa dipelopori oleh "Syarikat Bekerjasama-sama Kerana Meminjamkan Wang Kampung Tebuk Haji Musa, Mukim Titi

Serong, Krian Dengan Tanggungan Tidak Berhad” didaftarkan pada 3 Disember 1923. Organisasi kerajaan yang mengawal selia gerakan koperasi ini adalah Jabatan Kemajuan Kerjasama yang telah ditukar kepada Jabatan Pembangunan Koperasi untuk memandu dan memajukan gerakan ini (Manap & Tehrani, 2014).

Fasa kedua adalah fasa pertumbuhan gerakan koperasi, iaitu selepas daripada penaklukan Jepun ke atas Tanah Melayu. Sebelum penaklukan tersebut, gerakan koperasi berkembang dengan baik semenjak diperkenalkan sehinggalah terhenti apabila Jepun menakluki Malaya. Selepas itu atas kesedaran rakyat, koperasi telah dibangunkan semula (Othman & Kari, 2008). Pertumbuhan koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1954, di mana sebanyak 172 koperasi telah didaftarkan dengan modal permulaan sebanyak RM10.5 juta. Pada tahun yang sama, 11 gerakan koperasi di Malaysia telah bergabung membentuk Bank Agung Kampung Berhad dan sejarah tercipta kerana koperasi kredit pertama didaftarkan dengan modal berbayar melebihi RM2 juta⁹. Kemuncak kepada fasa pertumbuhan koperasi adalah gerakan koperasi di sekolah. Matlamat penubuhan koperasi di sekolah adalah sesuai dengan konsep jimat-cermat dan mewujudkan budaya usahawan dalam pengurusan di sekolah. Namun demikian, tahap

⁹ Sejarah dan penubuhan Bank Agung Kampung Berhad boleh dirujuk di laman sesawang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad di alamat www.bankrakyat.com.my.

pengurusan koperasi pada ketika itu adalah terlalu lemah dan mempunyai jurang kemahiran pengurusan yang ketara di antara koperasi bandar dan luar bandar (Fauzi & Aimi, 2004). Menyedari kepentingan sektor koperasi di Malaysia, satu kongres telah diadakan bagi membincangkan penyatuan dalam kalangan koperasi di Malaysia. Pada tahun 1971, penubuhan Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) ditubuhkan dan menjadi badan persendirian yang memayungi gerakan koperasi serta memberi pendidikan dan latihan kepada pengurusan (Fauzi & Aimi, 2004).

Fasa ketiga adalah fasa kritikal kepada sektor koperasi kerana kes kejatuhan Bank Kerjasama Rakyat Berhad pada tahun 1970-an, manakala dalam tahun 1980-an berlaku kejatuhan Bank Pusat Kerjasama Malaysia (CCB) serta 24 koperasi penerima deposit telah digantung urusniaga. Dalam tahun 1990-an juga berlaku kegawatan ekonomi yang memberi impak negatif kepada segelintir koperasi yang melabur menggunakan sumber pinjaman daripada institusi kewangan. Kesan daripada rentetan peristiwa tersebut, perkembangan sektor koperasi terbantut akibat tidak mempunyai sistem tadbir urus yang baik (Hashim *et al.*, 2014). Menurut kajian yang dibuat oleh Kaur, Nordin, Ramli, Abdullah dan Aspan (2007), keperluan menubuhkan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi perlu diwujudkan kerana krisis kejatuhan adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan.

Pada tahun 1994, Jabatan Koperasi Malaysia telah memainkan peranan dengan menggalakkan kesemua koperasi untuk menubuhkan jawatankuasa audit yang memberi fokus secara langsung kepada kredibiliti laporan kewangan (Mohamad & Othman, 2013). Penubuhan jawatankuasa audit juga bertujuan untuk memperkukuhkan tadbir urus koperasi. Kerajaan sentiasa memberi sokongan dengan melancarkan pelbagai dasar agar gerakan koperasi seiring dengan pembangunan negara (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2011). Antara strategi dan dasar yang telah dilaksanakan untuk memperkukuhkan dan meningkatkan tadbir urus koperasi bagi mengelak dari berlaku krisis adalah seperti berikut:

- i. Mewajibkan Jawatankuasa Audit ditubuhkan dengan menguatkuasa Seksyen 42A, Akta Koperasi 1993.
- ii. Memperkenalkan jawatankuasa audit bagi mengukuhkan tadbir urus koperasi, Garis Panduan 4 (2009).
- iii. Mewajibkan setiap ahli lembaga pengarah yang dilantik mengikuti kursus perakaunan dan kewangan, agar ahli lembaga pengarah juga berkemahiran dalam bidang tersebut dan tidak hanya mahir dalam bidang pengurusan sahaja Garis Panduan 5 (2012).
- iv. Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengarahkan setiap koperasi yang berdaftar memfailkan laporan kewangan di dalam sistem laporan elektronik bagi tujuan auditan berkala.

Namun begitu, masih terdapat koperasi-koperasi yang masih gagal mematuhi garis pemasaran dan piawaian perakaunan yang ditetapkan, sehingga menjadi pertanyaan adakah penubuhan jawatankuasa audit mengikut peraturan di atas kurang berkesan dan apakah ciri-ciri jawatankuasa audit untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah kegagalan mematuhi garis pemasaran dan piawaian perakaunan?

2.3 Perkembangan Koperasi di Kelantan

Kajian ini menggunakan koperasi di negeri Kelantan disebabkan oleh pencapaiannya di peringkat nasional. Perkembangan koperasi di negeri Kelantan bermula seawal tahun 1940-an lagi dengan penubuhan Pejabat Kemajuan Kerjasama di negeri tersebut. Koperasi yang pertama didaftarkan ialah Koperasi Pegawai Melayu Kelantan Berhad pada 24 Julai 1934. Aktiviti utama koperasi-koperasi yang berdaftar pada ketika itu adalah jimat cermat dan pinjaman kredit sahaja mengikut undang-undang koperasi yang diluluskan pada tahun 1922.

Pada masa sekarang, aktiviti-aktiviti koperasi yang berada di negeri Kelantan telah berkembang. Antara aktiviti-aktiviti baru ialah pembinaan, perladangan, pengangkutan dan perkhidmatan. Jadual 2.1

menunjukkan perkembangan koperasi negeri Kelantan sejak 5 tahun yang lepas.

Jadual 2.1
Perkembangan Koperasi Negeri Kelantan¹⁰

Tahun	Bil. Koperasi	Pemegang Saham	Modal (RM)	Asset (RM)	Hasil (RM)
2010	546	317,924	189 juta	367 juta	233 juta
2014	736	335,835	261 juta	1,333 juta	484 juta

Berdasarkan Jadual 2.1 dapat disimpulkan bahawa sektor koperasi negeri Kelantan berkembang secara positif. Pencapaian koperasi menjana pemilikan aset melebihi 100 peratus serta peningkatan dalam semua aspek. Namun demikian, tahap kepatuhan garis pemaasan dan piawaian perakaunan koperasi di negeri Kelantan masih terendah berbanding peringkat nasional dan masih tidak mencapai sasaran matlamat yang ditetapkan di dalam Dasar Koperasi Negara.


Oleh itu untuk mencapai sasaran tersebut, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan telah memperuntukkan seramai 10 orang tenaga kerja untuk mengaudit akaun-akaun koperasi dan memberi nasihat bagi menyelesaikan masalah ketidakpatuhan dalam kalangan koperasi di Kelantan.

¹⁰ Maklumat perkembangan koperasi negeri Kelantan boleh di dapati dengan melayari laman sesawang [www.skm.gov.my/Jadual Statistik Am Koperasi mengikut negeri](http://www.skm.gov.my/Jadual%20Statistik%20Am%20Koperasi%20mengikut%20negeri).

2.4 Tadbir Urus Koperasi di Malaysia

Tadbir urus ialah satu sistem penyeliaan, kebertanggungjawaban dan kawalan yang formal terhadap keputusan, operasi dan tindakan yang perlu diwujudkan untuk memastikan laporan kewangan yang mematuhi peraturan (garis pemasaan dan piawaian perakaunan) bagi mendapatkan kepercayaan pihak pemegang saham, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan secara berterusan (Larcker, Ormazabal & Taylor, 2011). Rajah 2.1, menerangkan fungsi tadbir urus

Rajah 2.1
Kerangka Tadbir Urus Koperasi



Sumber: Adaptasi Cohen et al. (2004)

Berdasarkan kepada definisi di atas, fungsi tadbir urus adalah seperti berikut:

a. Penyeliaan

Penyeliaan merujuk kepada langkah-langkah pemantauan yang dimiliki oleh jawatankuasa audit dan juruaudit luar (Abdelsalam & Street, 2007). Oleh itu penyeliaan membenarkan keputusan pengurusan disoal dan dicabar untuk memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemaasan dan piawaian perakaunan.

b. Kebertanggungjawaban

Kebertanggungjawaban merujuk kepada cara keputusan yang diambil oleh pihak pengurusan selari dengan objektif dan janji-janji kepada pihak berkepentingan dan pemegang saham (Al-Moataz, 2003). Segala keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan dan ahli lembaga koperasi hendaklah memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemaasan dan piawaian perakaunan.

c. Kawalan

Kawalan ialah satu proses auditan dan menambah baik keputusan dan tindakan organisasi (Aldamen, Duncan, Kelly, McNamara, & Nagel,

2012). Pada peringkat ini, prestasi sebenar organisasi akan dibandingkan dengan bajet dan matlamat yang telah ditetapkan, bagi memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Oleh itu tujuan tadbir urus diwujudkan adalah untuk mengimbangi kuasa, menangani kesilapan yang berlaku serta kecuaiian oleh pihak pengurusan demi memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan (Jones, 2011).

Oleh yang demikian bagi memastikan laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan, maka kedudukan jawatankuasa audit harus diperkasakan. Di Malaysia gerakan tadbir urus koperasi masih lemah dan penyebab kepada berlaku krisis keyakinan dalam kalangan pemegang saham (Hashim *et al.*, 2014).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit agar dapat memperkasakan tadbir urus koperasi di Malaysia.

Ciri-ciri jawatankuasa audit seperti kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit digunakan dalam kajian ini sebagai pembolehubah untuk mengenal pasti sejauhmanakah amalan terbaik yang dinyatakan di dalam MCCG

(2012) tersebut dapat digunakan di dalam sektor koperasi bagi meningkatkan tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi di negeri Kelantan dan seterusnya dijadikan model jawatankuasa audit sektor koperasi terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan.

2.5 Jawatankuasa Audit dalam Sektor Koperasi

Jawatankuasa audit dalam sektor koperasi mula dibincangkan secara meluas tentang keperluannya selepas berlaku ketidakpatuhan laporan kewangan yang melibatkan koperasi iaitu Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional (NARSCO) yang berlaku pada tahun 2006 dan membawa kerugian RM20 juta. Perkara ini telah memberi impak secara langsung kepada sektor koperasi sehingga Garis Panduan 4 (2009) dikeluarkan dan diguna pakai secara menyeluruh.

Jawatankuasa audit di syarikat dan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi mempunyai fungsi yang sama. Namun begitu, perbezaan nama disebabkan oleh pelantikan jawatankuasa audit dibuat dalam kalangan ahli-ahli koperasi dan bukan dalam kalangan pengarah bebas seperti jawatankuasa audit di syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia (Kaur *et al.*, 2007).

Menurut seksyen 42A, ahli jawatankuasa audit sektor koperasi hendaklah dilantik oleh ahli lembaga koperasi mengikut Akta Koperasi, 1993. Bagi memastikan penubuhan jawatankuasa ini dipatuhi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan satu garis panduan pelantikan dan fungsi jawatankuasa audit iaitu Garis Panduan 4 (2009). Di dalam garis panduan tersebut di bawah perenggan 12, jawatankuasa audit diberi kuasa untuk membuat pemeriksaan segala rekod perakaunan koperasi, menyemak segala keputusan dalam mesyuarat agung dan memerlukan pengurusan koperasi menyerahkan semua maklumat dan buku yang berkaitan kepada jawatankuasa tersebut.

Jadual 2.2 menunjukkan perbandingan jawatankuasa audit sektor koperasi di rantau asia tenggara. Perbandingan tersebut adalah dari segi keperluan penubuhan dan kuasa-kuasa jawatankuasa audit sektor koperasi.

Jadual 2.2:
Perbandingan Jawatankuasa Audit Koperasi di negara-negara Asia Tenggara

Ciri-ciri	Malaysia	Singapura	Indonesia	Filipina
Peraturan/ Undang-undang	Akta Koperasi 1993 Garis Panduan SKM	Akta Koperasi 1979 Pindaan 2009	Undang-undang dasar 1945 Bapak Koperasi	Akta Republik No 9520 Kod Koperasi 2008
Penubuhan	Peruntukan undang-undang	Peruntukan undang-undang	Peruntukan undang-undang	Penubuhan secara sukarela.
Komposisi jawatankuasa	Sekurang-kurangnya 3 tidak melebihi 5 pemegang saham.	Sekurang-kurangnya 3 pemegang saham.	Sekurang-kurangnya 3 pemegang saham.	Sekurang-kurangnya 3 pemegang saham.
Kemahiran perakaunan	Tidak memerlukan kemahiran perakaunan yang spesifik. Ahli-ahli yang dilantik dikehendaki menghadiri kursus dalam tempoh 6 bulan semasa pelantikan di buat.	Tidak memerlukan kemahiran perakaunan yang spesifik.	Mesti mempunyai kemahiran perakaunan dan sekurang-kurangnya berpengalaman selama 2 tahun.	Memerlukan kemahiran perakaunan dan kewangan.
Lantikan	Pelantikan dibuat oleh ahli lembaga koperasi dan jika ianya berlaku kekosongan kepada JA, pelantikan hendaklah dibuat dalam masa 30 hari. Tempoh lantikan JA adalah selama 1 tahun.	Pelantikan di buat oleh lembaga pengarah tanpa melalui mesyuarat agung tahunan. Jika berlaku kekosongan hendaklah dilantik dalam masa 90 hari.	Pelantikan dibuat oleh lembaga pengarah dan tempoh perkhidmatan yang dibenarkan selama 5 tahun sahaja.	Pelantikan dibuat oleh lembaga pengarah.

2.6 Peranan Jawatankuasa Audit dalam Sektor Koperasi

Penguatkuasaan penubuhan jawatankuasa audit adalah mandatori melalui Akta Koperasi 1993 mengikut seksyen 42A dan juga Garis Panduan 4 (2009). Matlamat jawatankuasa audit koperasi adalah bagi membantu pemegang saham, lembaga koperasi serta pihak pengurusan melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan cekap dan berkesan melalui penganalisan angka-angka dan juga manual prosedur bagi meningkatkan tahap kepatuhan laporan kewangan.

Perenggan 13, Garis Panduan 4 (2009) telah menggariskan tugas-tugas jawatankuasa audit seperti berikut:

- a. Memastikan pihak pengurusan mempunyai dan mematuhi dasar dan prosedur mengenai kawalan dalaman.
- b. Meluluskan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko.
- c. Memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, juruaudit dalam dan pandangan Suruhanjaya.
- d. Menyiasat perkara-perkara yang diarahkan oleh Lembaga.

- e. Memaklumkan kepada lembaga sebarang ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan koperasi dengan serta-merta.
- f. Menyemak laporan Audit Dalaman bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.
- g. Mengadakan mesyuarat, sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan.
- h. Mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- i. Mengkaji dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan.

Antara keperluan penubuhan jawatankuasa audit adalah memastikan supaya sistem kawalan dalaman berjalan lancar dan berkesan agar sebarang bentuk kelemahan dan kekurangan dalam sistem dapat dibuat penambahbaikan semasa proses pengauditan dilakukan dan jika berlaku pelanggaran peraturan maka tindakan pembetulan dapat dilakukan dengan segera melalui mesyuarat bersama ahli lembaga koperasi (Goh, 2009). Di samping itu juga, penubuhan jawatankuasa audit adalah bertujuan untuk mengesan sebarang bentuk kecuaiian, kesilapan dan penipuan pada peringkat awal supaya tindakan

pengecahan dan pembetulan dapat dilakukan lebih awal (Matsumura & Tucker, 1992). Adalah menjadi satu kesalahan jika mana-mana koperasi tidak atau gagal menubuhkan jawatankuasa tersebut.

Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa audit koperasi dalam membuat pemeriksaan terhadap rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan koperasi bagi mempertingkatkan tahap kepatuhan laporan kewangan (Christopher, Sarens, & Leung, 2009). Jawatankuasa audit dalam sektor koperasi akan mengemukakan laporan dalam mesyuarat agung tahunan tentang pengurusan dan hal ehwal koperasi termasuk apa-apa pelanggaran undang-undang¹¹. Selain daripada itu, jawatankuasa audit dalam sektor koperasi akan bermesyuarat dan membuat syornya kepada ahli lembaga koperasi dan menghantar laporan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dua kali dalam setahun.

Pelantikan ahli jawatankuasa ini hendaklah dibuat dengan memastikan salah seorang ahli jawatankuasa adalah arif dalam bidang perakaunan dan kewangan. Jika tidak arif, mereka dihendaki

¹¹ Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa audit koperasi seperti mana termaktub di dalam arahan Garis Panduan 4, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

menghadiri kursus sepertimana arahan yang telah dibuat melalui Garis Panduan 5 (2012). Kegagalan menghadiri kursus tersebut mengakibatkan pelantikan tersebut terbatal dan mereka tidak layak untuk dilantik semula selama tempoh 3 tahun. Namun begitu persoalan yang timbul adalah adakah dengan menghadiri kursus tersebut mereka boleh dianggap kompeten? Menurut Bursa Malaysia (2015), definisi kompeten di dalam Peraturan Penyenaraian Syarikat Awam itu adalah dengan memastikan salah seorang ahli yang dilantik terdiri daripada akauntan bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia atau mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan selama 3 tahun. Perkara ini menimbulkan jurang dari segi kompetensi dalam kalangan ahli jawatankuasa audit syarikat dengan ahli jawatankuasa audit koperasi.

Menurut tafsiran yang dibuat di dalam kod etika¹² profesional, kebebasan merupakan tindakan secara bebas, objektif, adil dan saksama. Tindakan tersebut hendaklah diterjemahkan dari segi pemikiran, niat atau perbuatan kerana ini dapat menambahkan keyakinan terhadap kredibiliti juruaudit (Malaysian Institute of Accountants, 2012). Kebebasan merupakan ciri-ciri yang harus dimiliki oleh mana-mana ahli jawatankuasa audit (Larry & Taylor,

¹² Kod etika profesional Malaysia Institute of Accountants, etika kebebasan seorang juruaudit mestilah bebas *in fact and appearance*.

2012). Dalam sektor koperasi, kebebasan juga dititik berat di dalam urusan pelantikan jawatankuasa audit mereka. Seseorang pemegang saham tidak layak dipilih sebagai ahli jawatankuasa audit jika mereka pernah menjadi ahli lembaga koperasi. Jika pemegang saham mempunyai apa-apa hutang yang tertunggak melebihi tempoh tunggakan selama 6 bulan daripada mana-mana koperasi maka pemegang saham tersebut hendaklah ditamatkan perkhidmatan sebagai ahli jawatankuasa audit. Jika belum berkhidmat maka hilang kelayakan untuk dilantik secara automatik. Perkara ini amat ditekankan bagi memastikan ahli-ahli jawatankuasa audit tidak menggunakan kuasa yang diberikan kepada mereka untuk tujuan peribadi. Selain daripada itu mana-mana ahli yang pernah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah akta atau mana-mana pemegang saham yang pernah dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, maka dengan sendirinya hilang kelayakan untuk dipilih dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit koperasi.

Menurut Sharma, Naiker dan Lee (2009) keaktifan jawatankuasa audit boleh meningkatkan tadbir urus yang baik dengan memastikan kekerapan mesyuarat dapat dilakukan. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu arahan kepada ahli jawatankuasa audit koperasi

mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan. Ahli jawatankuasa audit koperasi juga dikehendaki mengemukakan laporan bertulis kepada lembaga dan suruhanjaya sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh setahun. Oleh sebab itu, keaktifan jawatankuasa audit koperasi juga memainkan peranan dan menyumbang kepada keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa tersebut.

Komposisi sebuah jawatankuasa audit ini penting kerana bagi memastikan jawatankuasa tersebut dapat menjalankan tugas dengan efektif dan cekap (Vuniarti, 2011). Menurut seksyen 42A dan Garis Panduan 4 (2009), komposisi jawatankuasa audit koperasi hendaklah tidak kurang daripada tiga orang pemegang saham dan tidak melebihi daripada lima orang pemegang saham yang dilantik dengan sewajarnya oleh lembaga koperasi. Namun begitu pengecualian diberi kepada mana-mana koperasi yang mempunyai purata pendapatan tidak melebihi RM200,000¹³ setahun dan bersifat mikro, dengan sekurang-kurangnya memiliki seorang ahli jawatankuasa audit yang dilantik dan memenuhi kriteria kebebasan seperti mana yang

¹³ Garis Panduan 4 perkara 9 memperuntukan jika purata pendapatan koperasi tidak melebihi RM200,000 hanya perlu melantik sekurang-kurangnya 1 ahli jawatankuasa audit yang arif dalam bidang perakaunan dan kewangan.

dibincangkan. Komposisi jawatankuasa audit yang munasabah boleh melahirkan laporan audit yang berkualiti.

Sebagai kesimpulan, jawatankuasa audit koperasi mempunyai tugas dan tanggungjawab kepada pemegang-pemegang saham koperasi untuk memastikan laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Laporan kewangan adalah dokumen yang penting dan merupakan bahasa perniagaan yang menggambarkan prestasi dan kedudukan semasa perniagaan (Cohen *et al.*, 2004).

Justeru itu, jawatankuasa audit bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan (Costello & Regina, 2011). Oleh yang demikian, laporan kewangan mestilah mematuhi garis pemasaan dan mengikuti piawaian perakaunan (Iatridis, 2010) supaya segala keputusan yang dibuat oleh pengguna laporan tersebut menggambarkan laporan yang tepat dan mewakili ekonomi semasa (Jara, Ebrero, & Zapata, 2011).

2.7 Laporan Kewangan dalam Sektor Koperasi

Laporan kewangan merupakan dokumen penting dalam sesuatu organisasi perniagaan. Tujuan laporan kewangan disediakan adalah

untuk memberi maklumat tentang kedudukan kewangan serta pencapaian koperasi. Holthausen (2009) menyatakan laporan kewangan merupakan dokumen untuk menggambarkan kedudukan kewangan dan prestasi semasa perniagaan. Pengguna laporan tersebut bukan sahaja dalam kalangan pihak dalaman koperasi tetapi juga pihak luar koperasi. Oleh yang demikian, laporan kewangan mestilah mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan (Iatridis, 2010). Laporan kewangan di Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor di antaranya ialah sosial, ekonomi, politik dan undang-undang (Muniandy & Ali, 2012).

Faktor yang sama juga terpakai untuk laporan kewangan koperasi. Laporan kewangan koperasi adalah mengikut seksyen 59, Akta Koperasi 1993, MFRS dan Garis Panduan 23 (2010). Laporan kewangan koperasi disediakan adalah untuk menunjukkan struktur organisasi koperasi, kedudukan hasil dan perbelanjaan tahun semasa serta juga melaporkan prestasi aset yang dimiliki dan tanggungan koperasi yakni liabiliti. Laporan tersebut digunakan oleh pemegang-pemegang saham koperasi dan pihak yang berkepentingan untuk membuat keputusan. Garis Panduan 4 (2009), menyatakan salah satu tugas jawatankuasa audit koperasi adalah mengesan dan mengkaji serta memaklumkan kepada lembaga koperasi apa-apa transaksi yang

meragukan bagi meningkatkan keyakinan pemegang-pemegang saham koperasi terhadap laporan kewangan.

Laporan kewangan dalam sektor koperasi juga dikehendaki mematuhi garis pemasaan yang telah ditetapkan mengikut seksyen 58, Akta Koperasi 1993. Menurut seksyen tersebut, koperasi wajib menghantar laporan kewangan tidak lewat dari 2 bulan selepas tamat tempoh perakaunan. Penghantaran laporan kewangan adalah membawa maksud pengauditan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ataupun juruaudit yang bertauliah. Laporan kewangan yang telah diaudit dan disahkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan bagi tujuan agihan dividen kepada pemegang saham. Namun demikian, 52% koperasi di Kelantan tidak mematuhi garis pemasaan dan 58% pula menyediakan rekod perakaunan secara asas tunai tanpa mematuhi keperluan piawaian perakaunan MFRS101.

Sehubungan dengan itu, jawatankuasa audit berperanan dan bertanggungjawab dalam memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi garis pemasaan dan juga piawaian perakaunan dengan melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan pengawasan

(Lindberg, 2004). Laporan kewangan yang disediakan mengikut garis pemeasaan menggambarkan kecekapan pengurusan sesebuah organisasi perniagaan (Dezoort, Hermanson, Archambeault, & Reed, 2002). Oleh itu, jawatankuasa audit koperasi bertanggungjawab untuk membuat pemantauan dan pengawasan terhadap laporan kewangan agar laporan tersebut telus dan tepat.

Tanggungjawab jawatankuasa audit adalah menjalankan tugas dengan bebas supaya dapat mengembalikan keyakinan pemegang saham terhadap laporan kewangan. Perkara ini telah disokong oleh penemuan Sharma & Kuang (2014) dan Ismail, Iskandar, & Rahmat (2008) yang mendapati jawatankuasa audit yang majoritinya dianggotai oleh pengarah bebas adalah lebih telus dalam memantau proses perakaunan syarikat. Abbott, Parker dan Peters (2004) berpendapat jawatankuasa audit juga seharusnya dapat membantu menambahkan lagi kualiti laporan kewangan secara langsung dengan meningkatkan tahap kepatuhan terhadap garis masa dan piawaian perakaunan yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya pengguna laporan kewangan mengharapkan organisasi mematuhi garis pemeasaan dan piawaian perakaunan agar

laporan kewangan yang disediakan bebas daripada penipuan, salah nyataan yang material dan maklumat yang boleh mengelirukan (Rupley, Almer, & Philbrick, 2011). Oleh itu, aktiviti semakan secara berkala dan berjadual, dapat mempertingkatkan lagi pencapaian tahap kepatuhan. Jelaslah, adalah penting setiap koperasi memiliki ciri-ciri jawatankuasa audit yang cekap bagi memastikan laporan kewangan mematuhi garis pemeasaan serta bebas daripada penipuan, salah nyataan yang material dan tidak menyimpang dari piawaian perakaunan yang telah ditetapkan.



BAB 3:

SOROTAN LITERATUR

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan sorotan literatur mengenai ciri-ciri jawatankuasa audit. Teori kajian yang dibincangkan adalah Teori Agensi yang menjelaskan bahawa pengasingan kuasa antara pemegang saham dengan pengurusan telah menyebabkan timbulnya keperluan jawatankuasa audit sebagai pemantau disebabkan oleh tindakan agen yang lebih mementingkan keuntungan diri sendiri berbanding dengan pemegang saham. Seterusnya, perbincangan mengenai kepentingan laporan kewangan koperasi mematuhi garis pemasaan serta piawaian perakaunan dan terakhir adalah untuk mengenal pasti beberapa pembolehkan ciri-ciri jawatankuasa audit bagi membantu mencapai laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Justeru itu kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan ciri-ciri jawatankuasa audit dan ketidakpatuhan akan dibincangkan. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang kedudukan pembolehkan ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi dan ketidakpatuhan laporan kewangan.


3.2 Teori Kajian

Teori kajian mempunyai peranan penting dalam melakukan penelitian secara kuantitatif (Harp & Sayer, 1986). Dengan teori kajian, penelitian dapat menjustifikasi ada masalah dalam kajian yang dilakukan. Oleh itu, teori kajian digunakan adalah untuk menunjukkan kepentingan permasalahan yang timbul untuk dikaji. Teori agensi akan menjadi sandaran kepada kajian ini.

3.2.1 Teori Agensi

Model tadbir urus korporat wujud hasil daripada kajian yang dibuat oleh Berle dan Means (1932) yang mengkaji kesan pengasingan kuasa antara penyumbang modal iaitu pelabur dengan pengurusan yang mempunyai kuasa mengawal sesebuah badan perniagaan. Rajah 3.1 menerangkan hubungan antara teori agensi dan kepentingan jawatankuasa audit:

Rajah 3.1:
Teori Agensi dan Kepentingan Jawatankuasa Audit



Sumber: Adaptasi Jensen dan Meckling (1976)

Model tadbir urus korporat pada Rajah 3.1 adalah memfokuskan usaha-usaha untuk menyelesaikan krisis di antara pemegang saham dengan pengurusan. Krisis ini timbul kerana perhubungan di antara pemegang saham sebagai pemilik dan pengurusan sebagai agen yang mempunyai kepentingan peribadi yang bertentangan menyebabkan laporan kewangan tidak mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Jensen dan Meckling (1976) menjelaskan bahawa pengurusan dalam sesuatu perniagaan adalah bersikap individualistik dan kebendaan, suka mengambil kesempatan atas peluang yang ada dan mempunyai sifat kepentingan peribadi berbanding dengan mengoptimalkan kekayaan pelabur. Perkara ini telah menimbulkan krisis kepercayaan antara pelabur dengan pengurusan kerana

kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam laporan kewangan.

Salah satu penyebab kepada wujudnya krisis di atas, adalah kerana pengagihan maklumat yang tidak selari antara kedua-dua belah pihak. Maklumat yang tidak selari ini wujud kerana pengurusan mempunyai peluang untuk memanipulasi piawaian perakaunan disebabkan oleh pengurusan mempunyai masa yang lebih lama dalam kerja-kerja mengurus berbanding dengan pelabur yang hanya menyumbangkan modal dan mengharapkan pulangan atas modal yang disumbangkan (Aboody & Lev, 2000). Oleh yang demikian, wujudnya maklumat yang tidak tepat dalam laporan kewangan antara kedua-dua belah pihak. Perkara ini telah menyebabkan kesulitan pelabur untuk memantau dan mengawal tindakan-tindakan yang dibuat oleh pengurusan. Perkara ini juga telah menimbulkan krisis ketidakpercayaan pemegang saham kepada pengurusan dan menyebabkan kepatuhan laporan kewangan diragui. Kesan kepada pengagihan maklumat yang tidak selari ini telah membawa kepada dua masalah. Masalah-masalah tersebut ialah krisis keyakinan moral dan juga krisis pemilihan pengurusan. Krisis keyakinan moral merujuk kepada pengurusan mengambil kesempatan atas maklumat yang diperolehi dan menggunakannya bagi kepentingan mereka

seterusnya membawa kesan negatif kepada syarikat dan juga pemegang saham. Tindakan yang dibuat oleh pengurusan adalah secara tersembunyi. Manakala krisis pemilihan pengurusan pula terjadi apabila pengurusan gagal memberi maklumat yang tepat akibat daripada kecuaiian ataupun tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam menjalani tugas-tugas yang diamanahkan. Kedua-dua masalah ini telah memberi kesan kepada kepatuhan laporan kewangan dari segi pematuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Bagi meningkatkan kepatuhan laporan kewangan, supaya tidak memberi kesan yang negatif kepada syarikat, Jensen dan Meckling (1976) mencadangkan untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan cara syarikat perlu melakukan dua perbelanjaan. Perbelanjaan tersebut dikenali sebagai kos kontrak dan kos pemantauan. Kos kontrak ialah kos bagi mewujudkan ikatan antara pelabur (diwakili ahli lembaga pengarah) dengan pengurusan. Antara kos-kos yang wujud dalam kos kontrak ini ialah insentif-insentif kepada pengurusan seperti bonus, pampasan dan apa-apa sahaja yang mampu memberi keuntungan kepada pengurusan. Objektif kepada kos kontrak adalah untuk memberi rasa tanggungjawab dan kepuasan kepada pengurusan dalam menjalani tugas-tugas mereka. Mallin (2012) telah membahaskan

bahawa pemberian saham kepada pekerja dan pengurusan ialah salah satu mekanisme yang baik untuk menimbulkan rasa yang lebih bertanggungjawab kepada pemegang saham syarikat. Bagi meningkatkan tadbir urus yang baik, syarikat terpaksa melantik jawatankuasa audit untuk mengadakan kerja-kerja pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pengurusan.

Jawatankuasa audit adalah dianggotai oleh ahli lembaga pengarah bebas syarikat. Objektif penubuhannya adalah untuk memastikan akauntabiliti dan integriti dalam pelaporan kewangan syarikat terjaga. Jawatankuasa audit merupakan sebahagian komponen bagi mengurangkan krisis keyakinan moral akibat daripada kegagalan mematuhi garis pemasaan dan piawai perakaunan. Menurut kajian yang dibuat oleh Adams (1994) penubuhan jawatankuasa audit yang efektif dan berkesan dapat mengurangkan tahap ketidakpatuhan laporan kewangan dan menyelesaikan masalah pengagihan maklumat daripada agen atau pengurusan kepada penyumbang modal. Laporan kewangan selepas penubuhan jawatankuasa audit ini akan menjadi lebih berkredibiliti (Wallace, 2004). Selain itu, penubuhan jawatankuasa audit ini menjadikan maklumat yang dilaporkan dalam laporan kewangan menjadi lebih telus kerana telah disemak dan disahkan oleh jawatankuasa audit yang mempunyai kompetensi dan

kebebasan (Magrane dan Malthus, 2010). Vance (1978) melaporkan adalah penting sesebuah jawatankuasa audit itu mempunyai kebebasan untuk bertindak. Oleh sebab itu jawatankuasa audit hendaklah dianggotai oleh pengarah-pengarah syarikat yang bebas dan tidak memiliki apa-apa kepentingan dalam syarikat kerana mampu memberi maklumat yang tidak menyebelahi mana-mana pihak. Perkara ini telah disokong dengan penemuan Bronson, Carcello, Hollingsworth dan Neal (2009).

Sebagai kesimpulannya, teori agensi merupakan teori yang bersangkutan dengan kajian ini. Oleh kerana pemegang saham atau pelabur itu terpisah daripada pengurusan syarikat, maka ianya mempunyai risiko untuk mendapat maklumat yang tidak tepat akibat kegagalan mematuhi garis pemeasaan dan piawaian perakaunan. Oleh yang demikian, teori agensi ini menerangkan bahawa terdapat risiko kepada pelabur (prinsipal) kerana ada perbuatan tidak jujur telah dilakukan oleh pengurusan (agen) dalam mengurus modal yang dilaburkan oleh pelabur. Oleh itu bagi mengembalikan tahap keyakinan kepada pelabur maka pematuhan laporan kewangan perlu dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, jawatankuasa audit yang dilantik mestilah kompeten, bebas, aktif dan mempunyai komposisi yang munasabah untuk memastikan keberkesanan dalam menjalankan

tugas-tugas pemantauan dan pengawasan demi memastikan segala maklumat yang dilaporkan itu tepat dan benar agar kepentingan pemegang-pemegang saham (prinsipal) terjaga.

3.3 Tahap Kepatuhan Laporan Kewangan

Tahap kepatuhan laporan kewangan merupakan perkara penting bagi memberi keyakinan kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan terhadap laporan kewangan (Hodgdon, Tondkar, Adhikari, & Harless, 2009). Tahap kepatuhan dalam kajian ini ialah tahap kepatuhan garis pemasaan dan tahap kepatuhan piawaian perakaunan. Kajian yang dijalankan Shaw (2003), mendapati syarikat-syarikat mematuhi garis pemasaan memiliki pendedahan maklumat yang berkualiti dalam laporan kewangan apabila mempunyai jawatankuasa audit yang efektif dan berkesan.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Agoglia *et al.* (2011), terhadap kepatuhan piawaian perakaunan terhadap Ketua Pegawai Kewangan syarikat-syarikat di United States. Hasil kajian tersebut, Ketua Pegawai Kewangan di syarikat yang menggunakan piawaian perakaunan yang tidak spesifik, lebih cenderung untuk terlibat dalam

aktiviti manipulasi pendapatan. Oleh itu jika sesebuah syarikat itu mempunyai jawatankuasa audit yang cekap, maka Ketua Pegawai Kewangan yang mengguna piawaian perakaunan tidak spesifik akan menjadi kurang agresif untuk melakukan aktiviti manipulasi dan penipuan dalam laporan kewangan.

Kesimpulannya, untuk memastikan laporan kewangan mematuhi garis pemsasaan dan piawaian perakaunan, jawatankuasa audit yang dilantik mestilah mempunyai kompetensi, kebebasan dan komposisi yang munasabah (Ika & Ghazali, 2012). Oleh itu, jawatankuasa audit yang dilantik perlu menjalankan peranan yang efektif dan cekap bagi membantu koperasi mencapai tahap kepatuhan yang telah ditetapkan.


3.3.1 Kepatuhan Kepada Garis Pemsasaan

Maklumat yang berkualiti perlu mematuhi garis pemsasaan iaitu maklumat tersebut perlu tersedia pada ketika pengguna memerlukannya untuk membuat keputusan (McGee, 2009). Akta Koperasi, 1993 dan juga Garis Panduan 23, (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2010) menyatakan bahawa setiap koperasi mestilah menghantar laporan kewangan yang lengkap dalam tempoh 2 bulan

selepas berakhirnya tahun perakaunan untuk tujuan pengauditan. Oleh yang demikian, pematuhan garis masa adalah penting terutama kepada pemegang saham (Roychowdhury & Watts, 2007). Antara kepentingan tersebut ialah proses untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan koperasi. Jika koperasi gagal mengemukakan laporan kewangan dalam tempoh yang ditetapkan maka mesyuarat agung perlu ditangguhkan dan ini akan memberi kesan dari segi pembayaran dividen kepada pemegang saham koperasi tersebut.

Mesyuarat agung tahunan koperasi adalah penting bagi setiap pemegang saham koperasi kerana melalui mesyuarat tersebut, ahli lembaga koperasi akan membentangkan pencapaian tahunan koperasi dan faedah-faedah yang bakal pemegang saham koperasi perolehi. Jika dirasakan ahli lembaga koperasi itu tidak cekap maka, segala pertanyaan boleh dilakukan semasa mesyuarat agung tahunan itu berlangsung. Melalui mesyuarat agung ini juga, pemegang-pemegang saham akan berpeluang untuk membuat undian. Semasa mesyuarat agung ini berlangsung pihak ahli lembaga koperasi akan mengumumkan dividen tahunan yakni pulangan modal atas caruman yang dibuat oleh pemegang saham koperasi. Walaupun tujuan utama koperasi bukanlah berasaskan keuntungan semata-mata, namun menurut Barnea, Cronqvist dan Siegel (2010), perangai dan tingkah

laku seorang pelabur adalah mengharapkan pulangan atas modal yang telah dilaburkan oleh mereka. Dalam kes koperasi, pemegang-pemegang saham koperasi dikehendaki membeli saham koperasi dan membuat caruman kepada koperasi dalam bentuk bulanan, suku tahunan ataupun tahunan maka secara normalnya mereka juga mengharapkan pulangan atas pelaburan dan caruman yang dibuat oleh mereka. Selain itu, pematuhan garis pemsasaan ini penting kepada pemegang saham bagi mengetahui kedudukan projek-projek semasa yang akan dilaksanakan oleh koperasi.



Pematuhan laporan kewangan terhadap garis pemsasaan adalah penting kerana ianya dapat meningkatkan keyakinan kepada pelabur. Jika koperasi memerlukan tunai tambahan untuk melaksanakan projek, maka pematuhan laporan kewangan juga dapat memberi keyakinan kepada pemberi pinjaman seperti pemiutang dan bank (Bakar, Rahman, & Rashid, 2005). Nilai serta nama baik koperasi juga akan meningkat kesan daripada pematuhan laporan kewangan. Jika laporan kewangan dipatuhi nama baik koperasi itu juga akan lebih tinggi bukan sahaja dalam kalangan pemegang saham tetapi juga dalam kalangan badan-badan pengawasan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Menurut Whittred dan Zimmer (1984), syarikat yang mematuhi garis pemsasaan dapat


menarik minat pelabur untuk memiliki saham dalam syarikat tersebut. Oleh itu, jika koperasi mematuhi garis pemasaan, koperasi tersebut boleh terus berkembang secara positif. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, kegagalan koperasi mematuhi garis pemasaan ini adalah disebabkan oleh masalah dalam menyimpan rekod perakaunan dengan baik. Sehubungan dengan itu, kompetensi jawatankuasa audit untuk membantu koperasi dalam menyediakan laporan kewangan adalah dituntut.

Laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan yang ditetapkan adalah penting untuk dipatuhi kerana menunjukkan laporan tersebut lebih telus dan tepat (Whittred & Zimmer, 1984). Laporan kewangan yang mematuhi garis masa dapat memberi keyakinan kepada pihak pemberi pinjaman kerana laporan kewangan koperasi tersebut dianggap telus (Sharani, Arshad, Abu Hassan, Abdullah, dan Mohd Roslin, 2013). Kajian yang dijalankan oleh Bakar, Rahman dan Rashid (2005) terhadap pegawai-pegawai bank yang menguruskan pinjaman syarikat di Malaysia mendapati pegawai-pegawai lebih cenderung dan yakin jika syarikat tersebut mampu mematuhi garis pemasaan yang ditetapkan. Perkara sama juga terpakai untuk koperasi. Selain berpeluang memenangi anugerah daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pematuhan kepada undang-undang

dalam menyediakan laporan kewangan juga dapat menarik pemberi pinjaman untuk memberi kemudahan kredit. Perkara ini telah disokong oleh Kim, Song dan Tsui (2013) dan Graham, Li dan Qiu (2008). Mereka mendapati jika sesebuah syarikat itu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, maka pihak pemberi pinjaman akan lebih cenderung untuk menurunkan kos pinjaman iaitu nilai faedah berbanding syarikat-syarikat yang bermasalah dengan kadar keuntungan yang dicajkan oleh bank adalah lebih tinggi. Oleh yang demikian, jika sesebuah koperasi itu ingin maju dan berkembang, mereka tidak mempunyai pilihan kecuali mematuhi garis pemasaran dan piawaian perakaunan yang telah ditetapkan bagi meningkatkan lagi tahap keyakinan pemberi pinjaman.

Selain itu, pematuhan pada garis pemasaran ini, dapat meningkatkan lagi nilai firma itu sendiri (Zimmerman, 2013). Kajian oleh Beltratti, Spear dan Szabo (2013) melaporkan bahawa laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaran yang ditetapkan membawa kesan yang positif terhadap nilai firma tersebut. Perkara ini disokong oleh Dimitropoulos dan Asteriou (2009) menurut kajian yang dibuat, jika laporan kewangan itu telus dan mematuhi garis pemasaran maka nilai saham juga menjadi positif. Laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaran, dapat membantu syarikat memperuntukkan sumber yang

dimiliki dengan lebih cekap serta dapat mengurangkan jurang maklumat antara pengurus dengan pengguna laporan kewangan. Begitu juga dengan sektor koperasi, jika sektor tersebut dapat mematuhi garis pemasaan, maka hal ini menunjukkan bahawa ahli lembaga koperasi itu cekap dan jawatankuasa audit koperasi juga berjaya menjalankan tugas mereka dalam memantau aktiviti-aktiviti perakaunan koperasi. Tahap kepercayaan pihak luar kepada koperasi juga akan bertambah dan seterusnya dapat meningkatkan nilai serta nama baik koperasi itu sendiri secara tidak langsung.



Setelah kepentingan kepada pematuhan garis pemasaan dibincangkan secara terperinci, faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan dan kejayaan mematuhi perkara tersebut pula akan dibahaskan. Menurut Al-Ajmi (2008), kajian yang dijalankan di *Bahrain Stock Exchange*, faktor kejayaan yang menyumbangkan kepada pematuhan adalah disebabkan oleh tadbir urus syarikat yang baik dan hal ini menyumbang kepada tahap kepatuhan. Maksud tadbir urus yang baik ialah setiap daripada syarikat mempunyai ahli lembaga pengarah dan juga jawatankuasa audit yang aktif. Dalam kajian yang dibuat oleh Appah dan Emeh (2013) terhadap syarikat-syarikat senaraian awam, mereka mendapati kebebasan ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif dengan tahap kepatuhan garis pemasaan. Selain itu,

Abdelsalam dan Street (2007) memaklumkan bahawa saiz ahli jawatankuasa audit memainkan peranan yang penting dalam tahap kepatuhan garis pemsasaan. Brick dan Chidambaran (2010) menyatakan pengalaman ahli jawatankuasa audit memainkan peranan yang penting dalam memastikan tahap kepatuhan laporan kewangan. Dalam sektor koperasi ahli jawatankuasa audit mempunyai peranan dan fungsi yang sama dimainkan sepertimana jawatankuasa audit di syarikat-syarikat senaraian awam di bursa saham. Sehubungan dengan itu, ahli jawatankuasa audit koperasi juga hendaklah mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ahli jawatankuasa audit syarikat. Ahli jawatankuasa audit hendaklah mempunyai saiz yang munasabah, kepakaran serta bebas dalam memastikan aktiviti pemantauan dan pengawasan dalam koperasi dapat dilakukan secara berkesan. Ahli jawatankuasa audit perlu cekap dan efektif memainkan peranan agar tahap kepatuhan laporan kewangan dapat dipertingkatkan.

Kawalan dalaman memainkan peranan yang penting untuk memastikan kepatuhan laporan kewangan terhadap garis pemsasaan. Baatwah, Salleh dan Ahmad (2013) dan Abdullah (2006) dalam kajian mereka dengan jelas menyatakan bahawa jawatankuasa audit memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan laporan kewangan mengikuti garis pemsasaan yang telah ditetapkan. Dalam

sektor koperasi tugas-tugas pemantauan proses laporan kewangan adalah terletak dalam bidang kuasa jawatankuasa audit seperti yang termaktub dalam undang-undang dan garis panduan jawatankuasa audit koperasi. Salleh dan Stewart (2012) berpendapat, jika berlaku ketidaksefahaman antara pengurusan dan juruaudit luar, kelewatan laporan kewangan boleh berlaku. Oleh yang demikian jawatankuasa audit mestilah menjadi perantaraan untuk menyelesaikan isu yang timbul. Maka jawatankuasa audit mesti mempunyai kepakaran dan pengalaman terhadap perakaunan syarikat untuk memahami fungsi kawalan dalaman bagi menjalankan tugas dan peranan dengan lebih cekap dan berkesan.

Kesimpulannya, pematuhan laporan kewangan terhadap garis pemasaan adalah penting kepada koperasi kerana dapat meningkatkan keyakinan pihak luar, meningkatkan nilai dan nama baik koperasi serta dapat mengadakan mesyuarat agung tahunan demi kepentingan pemegang saham. Pemantauan dan pengawasan kepada laporan kewangan ini tidak terletak di atas bahu jawatankuasa audit sahaja namun perlu disokong oleh ahli lembaga koperasi. Seterusnya jawatankuasa audit haruslah memainkan peranan yang cekap dan berkesan bagi mencapai tahap kepatuhan laporan kewangan sepertimana yang telah ditetapkan.

3.3.2 Kepatuhan Kepada Piawaian Perakaunan

Pada tahun 1996, kerajaan Malaysia telah menubuhkan *Financial Reporting Foundation* yang dianggotai ahli-ahli MACPA (kini MICPA), MIA, para akademik dan pihak-pihak yang berkepentingan. Hasilnya pada tahun 1997, parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Laporan Kewangan, 1997¹⁴ dan akta ini telah menubuhkan badan piawaian perakaunan Malaysia iaitu *Malaysian Accounting Standard Board* (MASB). Tugas dan peranan MASB adalah untuk mengeluarkan piawaian perakaunan baru serta mengkaji semula atau mengguna pakai piawaian perakaunan yang sedia ada. MASB bertanggungjawab mengeluarkan piawaian perakaunan dan meluluskannya untuk digunakan. Pada peringkat awal penubuhannya, lembaga ini berusaha dengan gigih menilai kesesuaian Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standard Board*) dan membuat beberapa pengubahsuaian terhadap piawaian perakaunan tersebut dan menamakannya sebagai piawaian MASB (Saleh & Pendlebury, 2006).

¹⁴ Seksyen 26C Akta Pelaporan Kewangan 1997 menyatakan mana-mana organisasi yang menjalankan aktiviti yang bermotif keuntungan dikehendaki mematuhi piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standard Board* (MASB).

Piawaian antarabangsa (*International Financial Reporting Standards*¹⁵) telah diadaptasikan di Malaysia secara berperingkat-peringkat dan diberi nama *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*. MFRS (2012) adalah diguna pakai untuk institusi yang perlu melaporkan kepada atau dikawal selia di bawah Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, serta anak-anak syarikat atau syarikat usahasama yang perlu melaporkan pada badan-badan di atas. Syarikat-syarikat atau organisasi yang entitinya persendirian pula adalah tertakluk di bawah piawaian perakaunan *Private Entity Reporting Standard (PERS)*. Entiti persendirian bermaksud entiti yang tidak perlu melaporkan kepada badan-badan yang dinyatakan di atas¹⁶.

Majoriti koperasi di Malaysia menyediakan laporan kewangan mengikut piawaian PERS. Namun begitu, ada juga koperasi-koperasi yang mengikut piawaian perakaunan MFRS kerana anak syarikat atau syarikat yang bersekutu tersenarai di Bursa Malaysia. Suruhanjaya Koperasi Malaysia tidak menetapkan setiap koperasi perlu mengikut mana-mana piawaian perakaunan, namun perlu berdasarkan kepada

¹⁵ Garis Panduan 23 menetapkan laporan kewangan koperasi hendaklah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang telah diluluskan oleh *Malaysian Accounting Standard Board (MASB)* dan jika IFRS adalah diadaptasi oleh MASB maka koperasi juga perlu mematuhi piawaian tersebut.

¹⁶ Definasi tersebut adalah mengikut Kerangka Konsep MASB (*MASB Conceptual Framework*).

kesesuaian koperasi itu sendiri. Walau bagaimanapun, setiap koperasi yang memilih piawaian perakaunan itu hendaklah dibuat secara tekad dan menyeluruh untuk memastikan kerelevanan serta konsisten dan keboleh bandingan laporan kewangan itu tercapai. Oleh itu, penyeragaman laporan akan memudahkan pengukuran prestasi koperasi secara khususnya atau gerakkan koperasi secara amnya.

Maklumat dalam laporan kewangan mestilah bebas daripada kesilapan yang material dan mengikut piawaian perakaunan bagi memastikan angka-angka yang laporkan dalam laporan tersebut menggambarkan prestasi sebenar koperasi. Terdapat hubungan antara kebolehpercayaan pengguna laporan kewangan dengan ciri-ciri jawatankuasa audit. Secara amnya, ciri-ciri jawatankuasa audit yang baik akan meningkatkan kebolehpercayaan pengguna laporan kewangan. Carcello dan Neal (2000) mengkaji hubungan antara ciri-ciri jawatankuasa audit dan kebolehpercayaan laporan kewangan dengan mengukur teguran juruaudit luar. Teguran juruaudit luar biasanya menggambarkan perkara-perkara yang tidak mematuhi piawaian perakaunan dalam laporan kewangan. Mereka mendapati semakin banyak pengalaman dan tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit yang panjang maka semakin kurang teguran yang dibuat oleh juruaudit luar. Jika teguran juruaudit luar berkurangan, maka ini akan

meningkatkan lagi tahap kepatuhan laporan tersebut. Oleh itu, semakin banyak pengalaman dan tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit yang panjang, semakin tinggi kebolehpercayaan laporan kewangan. Pematuhan piawaian perakaunan mempunyai hubungan positif dengan kepakaran jawatankuasa audit (Aldamen *et al.*, 2012). Penemuan ini selari dengan tuntutan yang memerlukan jawatankuasa audit mestilah mempunyai kepakaran dalam menjalankan tugas-tugas pemantauan terhadap transaksi-transaksi kewangan syarikat.

Kebolehpercayaan laporan kewangan adalah bergantung kepada ciri-ciri maklumat itu sendiri. Maklumat dalam laporan kewangan mestilah mematuhi piawaian perakaunan agar ianya bebas daripada manipulasi perakaunan (*creative accounting*) dan salah nyataan. Salah satu manipulasi perakaunan adalah amalan pengurusan perolehan. Amalan pengurusan perolehan dapat dikurangkan apabila jawatankuasa audit itu mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang perakaunan (Lin & Hwang, 2010). Kajian di Malaysia juga membuktikan wujudnya hubungan di antara kepakaran perakaunan ahli jawatankuasa audit dengan amalan pengurusan perolehan (Saleh, Iskandar & Rahmat, 2007). Hasil kajian tersebut, mereka mendapati aktiviti pengurusan perolehan berkurangan apabila ahli jawatankuasa audit mempunyai kepakaran perakaunan. Oleh itu, kepakaran

perakaunan juga adalah salah satu ciri-ciri yang perlu ada dalam jawatankuasa audit.

Kebolehpercayaan kepada laporan kewangan adalah penting kerana keputusan yang berkaitan dengan pelaburan dan ekonomi adalah menggunakan maklumat yang terdapat dalam laporan kewangan. Dari segi pengukuran kebolehpercayaan pula, kebanyakan kajian tidak dapat mengasingkan kebolehpercayaan dengan kerelevanan maklumat. Rose (2007) berpendapat jika maklumat tersebut membantu penilaian peristiwa yang berlaku pada masa lepas dan digunakan untuk membuat jangkaan masa hadapan, maka maklumat itu dikategorikan sebagai kebolehpercayaan. Penggunaan maklumat perakaunan yang boleh dipercayai dapat dikesan melalui hubungan antara pulangan saham dan penggunaan maklumat itu sendiri. Bagi menyokong dapatan ini, Suijs (2008) melaporkan jika pelabur menggunakan laporan kewangan untuk dijadikan alat pengukuran dan hasilnya adalah positif, maka maklumat itu boleh dipercayai.

Jara, Ebrero dan Zapata (2011) mendapati penggunaan piawaian perakaunan dapat menambah kualiti maklumat kepada laporan kewangan. Keputusan ini selaras dengan kajian Iskandar, Mohit, dan

Ismail (2008) yang mendapati piawaian perakaunan merupakan penyumbang utama kepada maklumat yang berkualiti. Oleh yang demikian, kombinasi antara jawatankuasa audit yang kompeten, bebas dan komposisi yang munasabah dengan pematuhan piawaian perakaunan dapat memberi maklumat yang berkualiti dan tepat serta telus kepada pengguna laporan kewangan.

Kesan positif kepada pematuhan piawaian perakaunan adalah apabila risiko perniagaan dapat dikurangkan. Risiko adalah unsur penting dalam kerangka tadbir urus dan ianya mempunyai kaitan dengan kawalan dalaman. Perniagaan sentiasa berhadapan dengan risiko. Risiko meningkat apabila pemilik syarikat terpisah dengan pihak yang mengurus perniagaan (Donaldson & Davis, 1991). Perkara sama juga yang berlaku dalam sektor koperasi, yakni pemegang-pemegang saham adalah penyumbang modal dan caruman namun ianya diuruskan oleh barisan pengurusan yang berasingan. Sehubungan dengan itu, koperasi juga berdepan dengan risiko yang sama. Risiko yang berlaku jika gagal mematuhi piawaian perakaunan ialah penguncupan modal akibat pengurus gagal membuat pendedahan yang diperlukan oleh piawaian perakaunan (Biddle, Hilary & Verdi, 2009). Antara risiko yang lain adalah penurunan nilai firma jika wujud unsur-unsur penipuan pada laporan kewangan

(Barton & Waymire, 2004). Oleh itu, jawatankuasa audit dapat mengukuhkan keupayaan pihak pengurusan dengan mengenal pasti risiko yang dihadapi oleh syarikat. Ini adalah disebabkan jawatankuasa audit mempunyai kuasa pemantau sepertimana termaktub dalam Seksyen 42A, Akta Koperasi 1993. Jawatankuasa audit juga seharusnya mampu meningkatkan kualiti pengauditan dalaman mereka bagi memastikan risiko yang berkaitan dapat dikurangkan. Pendapat ini telah disokong oleh Krishnan dan Lee (2009) berdasarkan kajian yang dibuat terhadap 1,000 buah syarikat di *US Stock Exchange*. Mereka mendapati kadar risiko semakin berkurangan jika jawatankuasa audit mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan. Laporan kewangan yang mematuhi piawaian perakaunan juga adalah salah satu punca kepada pengurangan risiko. Oleh itu, jelaslah jawatankuasa audit memainkan peranan yang penting untuk mengurangkan kadar risiko sesebuah syarikat dengan memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan.

Pematuhan kepada piawaian perakaunan adalah penting kerana melalui pematuhan ini, koperasi boleh membuat perbandingan pencapaian mereka mengikut industri ataupun mengikut tahun kewangan bagi memastikan koperasi berada pada landasan yang betul. Begitu juga dengan kerelevanan angka-angka dalam laporan

kewangan yang boleh memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur dan pemegang saham. Hubungan antara ciri-ciri jawatankuasa audit yang cekap dan kepatuhan piawaian perakaunan boleh menyebabkan laporan kewangan itu relevan dan boleh dibuat perbandingan. Krishnan, Wen dan Zha (2011) mendapati jika laporan kewangan mematuhi piawaian perakaunan, maka pengguna laporan tersebut akan lebih yakin. Faktor penyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan, antaranya ialah ahli jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan dan kewangan. Ahli jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman mampu menyumbang kepada kerelevanan dan kebolehbandingan laporan kewangan. Dapatan ini juga disokong juga oleh Cohen, Hoitash, Krishnamoorthy dan Wright (2014).

Sebagai kesimpulan, kepatuhan piawaian perakaunan amatlah dituntut. Perkara ini penting kerana pemegang-pemegang saham koperasi yang juga bertindak sebagai pengguna laporan kewangan semestinya mengharapkan laporan kewangan berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga adalah pengguna kepada laporan kewangan koperasi yang berdaftar dengan mereka. Pihak SKM akan menbandingkan setiap angka dalam laporan kewangan koperasi untuk menyediakan status laporan

pencapaian gerakan koperasi negara. Sehubungan dengan itu, kepentingan kerelevanan dan kebolehbandingan laporan kewangan sektor koperasi juga terpakai. Jawatankuasa audit koperasi juga memainkan peranan yang penting untuk mencapai perkara tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini mampu membantu pihak SKM mempertingkatkan kualiti laporan kewangan sektor koperasi dengan mengenal pasti model ciri-ciri jawatankuasa audit untuk diterima pakai dalam sektor koperasi.

3.4 Kompetensi Jawatankuasa Audit

Menurut Seol, Sarkis dan Lefley (2011), kompetensi membawa takrifan sebagai kepakaran dan pengalaman untuk melakukan sesuatu dengan cekap dan berkesan. Sejar dengan peranan jawatankuasa audit sebagai pemantau kawalan dalaman kepada proses laporan kewangan, maka jawatankuasa itu perlu dianggotai oleh ahli yang memiliki kompetensi iaitu kepakaran tentang perakaunan dan perniagaan serta memiliki pengalaman dalam bidang perakaunan dan pengauditan (Cohen *et al.*, 2014). Ciri-ciri yang sama juga perlu ada kepada jawatankuasa audit dalam sektor koperasi.

3.4.1 Kepakaran Jawatankuasa Audit

Kajian yang dibuat oleh Yatim (2009) terhadap syarikat senaraian awam di Malaysia mendapati jawatankuasa audit yang mempunyai kepakaran dalam bidang perakaunan, perniagaan dan kewangan dapat mengurangkan risiko ketidakpatuhan laporan kewangan yang disediakan oleh pengurusan. Maksud kepada risiko ialah aktiviti seperti manipulasi piawaian perakaunan bagi tujuan pengurusan perolehan. Kepakaran dalam kalangan ahli jawatankuasa audit dalam bidang perakaunan, kewangan dan perniagaan dapat membantu syarikat atau koperasi khususnya ahli lembaga pengarah atau ahli lembaga koperasi mengenal pasti dan melaporkan dengan jelas sebarang aktiviti kewangan atau bukan kewangan yang tidak mematuhi peraturan (Salleh & Stewart, 2012). Namun begitu, hal ini bertentangan dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Apadore & Mohd Noor (2013), mereka mendapati kepakaran ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan yang negatif dengan garis pemaasan. Mereka berpendapat kepakaran tidak boleh diukur melalui kepakaran ilmu perakaunan sahaja bahkan perlu melihat kepada kepakaran dalam bidang yang lain seperti perundangan dan pengurusan.

Kepakaran kepada ilmu perakaunan dan kewangan serta perniagaan memberikan asas kepada jawatankuasa audit untuk menganalisis dan memeriksa maklumat kewangan. Krishnan dan Lee (2009) dalam kajian mereka mendapati, jawatankuasa audit yang mempunyai kepakaran perakaunan dan kewangan dapat mengurangkan risiko pelanggaran piawaian perakaunan dalam kalangan syarikat senaraian awam. Selain daripada itu, Nelson dan Devi (2013), menyatakan jawatankuasa audit yang berkepakaran dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan dan efisien dalam urusan kawalan dalaman. Jawatankuasa audit berkepakaran dapat mengurangkan aktiviti ketidakpatuhan piawaian perakaunan bagi tujuan manipulasi pendapatan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Banyak institusi kewangan di United Kingdom mengalami kegagalan kerana jawatankuasa audit tidak dianggotai oleh ahli yang mempunyai kepakaran dalam perbankan dan pengurusan kewangan (Kalbers, 1992). Penemuan oleh Raghunandan dan Rama (2007) menyokong dakwaan tersebut apabila mendapati ahli jawatankuasa audit yang memiliki kepakaran dalam bidang perakaunan dan kewangan boleh membantu mengurangkan aktiviti-aktiviti penipuan dalam syarikat yang menghadapi masalah. Peningkatan kepakaran jawatankuasa audit dapat memperbaiki kualiti laporan kewangan kerana mereka

lebih memahami kehendak dan keperluan pengguna laporan kewangan. Kesan kepakaran ahli jawatankuasa audit terhadap keupayaan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan juga diuji oleh Carol Liu, Tiras dan Zhuang (2014). Hasil kajian menunjukkan ahli jawatankuasa audit yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengauditan mampu membuat pertimbangan kawalan dalaman secara konsisten dengan pertimbangan yang dibuat oleh juruaudit luar. Kajian yang dibuat oleh Ika dan Ghazali (2012), kepakaran jawatankuasa audit dapat mengurangkan kadar ketidakpatuhan garis pemasaan dalam kalangan syarikat senaraian awam.



Jadual 3.1: Kepakaran Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan


Pengarang	Sampel Penyelidikan	Penemuan
Raghu­nandan dan Rama (2007) <i>Accounting Horizons</i>	Kajian yang dijalankan dengan menggunakan 319 buah syarikat yang tersenarai dan bermasalah pada tahun kewangan yang berakhir 2003.	Kepakaran ahli jawatankuasa audit dalam bidang perakaunan dapat mengurangkan aktiviti-aktiviti berunsur penipuan terhadap syarikat yang mengalami masalah serta dapat membaiki kualiti pelaporan ke arah yang lebih baik.
Yatim (2009) <i>Malaysian Accounting Review</i>	Kajian kes terhadap 690 syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia.	Kepakaran jawatankuasa audit dapat membantu syarikat mengawal risiko ketidakpatuhan. Kepakaran perakaunan mempunyai hubungan negatif dengan aktiviti ubahsuai perolehan pendapatan
Krishnan dan Lee (2009) <i>Manegerial Auditing Journal</i>	1000 buah syarikat digunakan untuk membuktikan kepakaran perakaunan dapat membantu syarikat mengurangkan masalah ketidakpatuhan laporan kewangan.	Penemuan daripada kajian tersebut, mendapati ahli-ahli jawatankuasa audit yang mempunyai latar belakang pendidikan perakaunan dapat mengurangkan risiko kepada aktiviti-aktiviti ketidakpatuhan laporan kewangan.
Nelson dan Devi (2013) <i>Corporate Governance</i>	300 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia diambil. Tempoh kewangan antara tahun 2008 hingga 2009.	Kepakaran jawatankuasa audit dapat mengurangkan aktiviti penipuan dan manipulasi pendapatan yang dilakukan dalam kalangan pengurusan syarikat serta meningkatkan kadar kepatuhan laporan kewangan
Carol Liu <i>et al.</i> (2014) <i>Journal of Accounting and Public Policy</i>	Kajian yang dibuat terhadap 19,752 laporan tahunan syarikat di US Stock exchange bermula dari tahun 1998 sehingga 2008.	Hasil kajian menunjukkan ahli jawatankuasa audit yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengauditan mampu membuat pertimbangan kawalan dalaman secara konsisten dengan pertimbangan yang dibuat oleh juruaudit luar.

3.4.2 Pengalaman Jawatankuasa Audit

Ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman dapat menghasilkan pertimbangan yang tekad, sepakat dan berobjektif (DeZoort, 1998). Ahli jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman dalam perakaunan dan perniagaan juga mampu meningkatkan pencapaian syarikat dengan mengenal pasti risiko perniagaan dengan tepat (Saat, Karbhari, Xiao, & Heravi, 2012). Jawatankuasa audit yang berpengalaman dapat membantu syarikat menyediakan struktur kawalan dalaman bagi menghadapi risiko perniagaan dan ketidakpatuhan laporan kewangan. Kepatuhan laporan kewangan adalah penting supaya ahli lembaga pengarah dapat melihat jawatankuasa audit sebagai pemantau yang mempunyai nilai tambah yang mampu meningkatkan tahap kepercayaan pemegang saham kepada laporan kewangan bagi tujuan perkembangan modal perniagaan.

Pengalaman dalam bidang perakaunan dan kewangan juga dapat membantu jawatankuasa audit memahami dengan lebih mendalam selok-belok pelaporan supaya pengurusan syarikat dapat meningkatkan tahap kepatuhan laporan kewangan. Pengalaman dalam bidang perakaunan dan kewangan dapat mengelakkan pihak

pengurusan bertindak sesuka hati terhadap pengurusan sumber syarikat dan membantu syarikat mematuhi piawaian perakaunan dalam laporan kewangan tahunan dan secara langsung dapat membantu meningkatkan prestasi syarikat (Aldamen *et al.*, 2012). Keberkesanan jawatankuasa audit memantau sistem laporan kewangan dapat meningkatkan kualiti maklumat yang didedahkan dalam laporan tahunan syarikat. Oleh itu, pengalaman ahli jawatankuasa audit dapat meningkatkan kepatuhan pelaporan syarikat (Knapp & Knapp, 2001).



Kajian yang dilakukan oleh Barua, Rama dan Sharma (2010) melaporkan ahli jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan dan pengauditan dapat membantu bahagian audit dalaman syarikat meningkatkan kadar kepatuhan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan syarikat tersebut. Abdelsalam dan Street (2007) membuat kajian terhadap syarikat yang disenaraikan di *London Stock Exchange*, pengalaman ahli jawatankuasa audit dalam bidang pengauditan dapat membantu bahagian audit dalaman meningkatkan kadar kepatuhan garis pemsasaan syarikat-syarikat tersebut. Pengalaman boleh menjadi penentu penting kepada pelaksanaan tugas jawatankuasa audit yang baik kerana ahli yang berpengalaman adalah lebih profesional dalam tindak tanduk dan boleh menerima pendapat

yang inovatif, memilih untuk mengamalkan akauntabiliti dan menawarkan kredibiliti kepada syarikat (Iyer *et al.*, 2012). Kajian yang dibuat oleh Sultana, Singh dan Van der Zahn (2015) mendapati pengalaman dalam bidang pengauditan dan kewangan dalam kalangan ahli jawatankuasa audit mempengaruhi kepatuhan garis pemaasan dikalangan syarikat. Oleh yang demikian, pengalaman jawatankuasa audit adalah sesuai untuk dikaji memandangkan penemuan kajian-kajian lepas tidak konsisten antara satu sama lain.



Jadual 3.2: Pengalaman Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan

Pengarang	Sampel Penyelidikan	Penemuan
DeZoort (1998) <i>Accounting, Organisation Society</i>	Sampel kajian terhadap 87 ahli jawatankuasa audit syarikat senaraian awam di US Stock Exchange.	Pengalaman merupakan satu keperluan yang penting dan mempengaruhi pendapat profesional dalam kalangan jawatankuasa audit terhadap laporan kewangan syarikat.
Saat <i>et al.</i> (2012) <i>World Review Business Research</i>	Data yang digunakan dalam kajian ini adalah laporan kewangan syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia. Sebanyak 221 syarikat dianalisa bagi menentukan ciri-ciri jawatankuasa audit terhadap tahap kepatuhan.	Pengalaman ahli jawatankuasa merupakan ciri-ciri jawatankuasa audit yang signifikan terhadap tahap kepatuhan. Jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman berupaya mengenal pasti risiko bagi mengurangkan ketidakpatuhan laporan kewangan.
Iyer <i>et al.</i> (2012) <i>Managerial Auditing</i>	Kajian yang dilakukan ke atas 118 ahli jawatankuasa audit yang berkepakaran perakaunan dan 49 ahli jawatankuasa audit berpengalaman dalam bidang perakaunan.	Ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kepatuhan laporan kewangan manakala ahli jawatankuasa audit yang pakar pula memberi kesan yang signifikan kepada tahap kepatuhan.
Aldamen <i>et al.</i> (2012) <i>Accounting & Finance</i>	Kajian terhadap 300 buah syarikat semasa krisis kewangan global.	Pengalaman ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif dengan kepatuhan laporan kewangan dan prestasi syarikat.
Sultana <i>et al.</i> (2015) <i>International Journal of Auditing</i>	Dengan menggunakan 494 buah syarikat senaraian awam di Australia bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit iaitu pengalaman terhadap kepatuhan garis pemasaan.	Dapatan daripada kajian, menunjukkan syarikat-syarikat yang mempunyai ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan dan pengauditan dapat mematuhi garis pemasaan. Selain daripada itu, syarikat-syarikat tersebut bebas daripada masalah manipulasi piawaian perakaunan.

3.5 Kebebasan Jawatankuasa Audit

Kebebasan adalah merupakan tindakan mempertahankan kebenaran yang tidak dipengaruhi semasa menjalankan tugas pengauditan. Kebebasan meliputi bebas dalam kenyataan (*in fact*) dan juga kelihatan (*in appearance*)¹⁷. Kebebasan banyak dikaji dalam konteks keanggotaan ahli jawatankuasa audit yang bebas. Kebebasan ditentukan berdasarkan peratusan keahliannya yang tidak berkait terus dengan pengurusan, sama ada pengurusan yang membuat dasar (ahli lembaga koperasi) atau pengurusan langsung (pengurus) (Chan & Li, 2008). Kebebasan merupakan ciri-ciri penting bagi memastikan jawatankuasa audit memenuhi fungsi pengawasan secara objektif dan pemantauan yang berkesan (Adelopo, 2010). Kepentingan kebebasan jawatankuasa audit daripada pengaruh pengurusan ditekankan oleh Vicknair, Hickman dan Carnes (1993). Mereka menyatakan ahli jawatankuasa audit yang bebas daripadapengaruh pengurusan kanan sesebuah syarikat akan menjadikan mereka lebih efektif. Profesion-profesion seperti perubatan, undang-undang dan perakaunan telah menerima pakai bahawa ciri-ciri kebebasan adalah aspek yang terpenting dalam profesion masing-masing (Carey & Doherty, 1966).

¹⁷ Etika Profesional, Insititut Akauntan Malaysia

Bagi ahli jawatankuasa audit, kebebasan adalah ciri utama yang mesti dimiliki untuk melaksanakan tugas secara bebas dan berobjektif (Robinson & Owens-Jackson, 2010). Jawatankuasa audit perlu membuat pertimbangan secara bebas supaya keputusan yang diambil tidak menyalahbelahi mana-mana pihak yang berkepentingan. Kebebasan jawatankuasa daripada pengaruh pengurusan syarikat membolehkan ahlinya tidak berat sebelah atau hanya memihak kepada ahli lembaga pengarah dan pengurusan sahaja. Kebebasan jawatankuasa audit daripada pengaruh pengurusan adalah faktor penting bagi memastikan keberkesanan pengawasan dan pemantauan laporan kewangan dipertingkatkan. Justeru, kehadiran anggota audit yang dilantik dari luar syarikat iaitu sebagai eksekutif bebas syarikat, sangat dialu-alukan kerana dapat membantu meningkatkan kebebasan jawatankuasa audit tersebut (Bull & Sharp, 1989).

Kebebasan dalam jawatankuasa audit adalah penting kerana para pelabur tidak dapat melihat sendiri cara modal yang dilaburkan dalam organisasi diuruskan dan diniagakan. Oleh itu mereka akan bergantung sepenuhnya kepada laporan kewangan tahunan yang akan memberikan maklumat sama ada modal pelaburan mereka digunakan dengan betul, cekap dan menguntungkan atau sebaliknya (Watts & Zimmerman, 1990). Begitu juga dalam konteks koperasi kerana

modal yang diperolehi oleh koperasi adalah terdiri daripada pelaburan yang dibuat oleh orang awam dan mereka tidak dapat melihat sendiri bagaimana wang mereka diuruskan.

3.5.1 Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit

Tempoh lantikan yang lama juga boleh menyebabkan ciri-ciri kebebasan dipertikaikan. Ahli jawatankuasa audit menjadi kurang bebas sekiranya mereka berkhidmat dalam tempoh yang panjang dan menerima ganjaran daripada syarikat atau anak syarikat (Lennox & Park, 2007). Apabila ahli jawatankuasa audit melibatkan diri dengan syarikat, maka kebebasan ahli jawatankuasa audit tersebut boleh dipersoalkan. Keadaan ini menyebabkan fungsi pemantauan dan pengawasan jawatankuasa audit terhadap laporan kewangan tidak dapat dilakukan secara bebas dan berkesan (Kuppusamy, Nazim, dan Shanmugam, 2003).

Menurut Chen, Lin dan Lin (2008) tempoh perlantikan juruaudit yang panjang akan memberi kesan yang negatif kepada laporan kewangan kerana membuka ruang kepada pengurusan menjalankan aktiviti manipulasi pendapatan. Hal ini selaras dengan penemuan Geiger dan

Raghunandan (2002) yang menyatakan jawatankuasa audit yang berkhidmat terlalu lama dipengaruhi pengurusan dalam membuat laporan audit. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengurusan dapat mempengaruhi ahli jawatankuasa audit kesan daripada tempoh lantikan yang lama. Oleh itu, tempoh perantikan yang panjang boleh menimbulkan aktiviti yang tidak sihat kepada syarikat.

Pelantikan jawatankuasa audit mestilah dalam tempoh yang munasabah dan sebarang penyambungan semula pelantikan hendaklah dijustifikasi kepada pencapaian ahli tersebut dan bukannya atas dasar hubungan antara ahli jawatankuasa audit dengan lembaga pengarah (Yang & Krishnan, 2005). Juruaudit yang berkhidmat terlalu lama juga tidak meningkatkan kualiti auditan terhadap sesebuah syarikat. Kajian yang dilakukan oleh Kosnik (1987), tempoh perantikan juruaudit luar yang lama tidak memberi kesan kepada kualiti audit tetapi tahap kebebasan mereka adalah semakin diragui dalam memberi status kewujudan berterusan dalam laporan audit. Walau bagaimanapun, Manry, Mock dan Turner (2003) melaporkan tempoh perantikan jawatankuasa audit tidak mempengaruhi laporan yang dibuat terhadap syarikat, kerana juruaudit juga terikat dengan peraturan dan undang-undang. Oleh itu, tempoh perantikan tidak mempengaruhi kredibiliti laporan kewangan.

Kredibiliti laporan kewangan dan keberkesanan kawalan dalaman boleh ditingkatkan jika ahli jawatankuasa audit itu berkhidmat dalam tempoh yang panjang (Caskey, Nagar, & Petacchi, 2010). Namun demikian, Sharma dan Iselin (2012) berpendapat hasil daripada kajian mereka terhadap syarikat senaraian awam di US, jika jawatankuasa audit yang berkhidmat terlalu singkat dalam sesebuah syarikat, jawatankuasa tersebut mempunyai hubungan yang positif dengan aktiviti-aktiviti penipuan dan pematuhan terhadap piawaian perakaunan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh, tempoh perlantikan yang terlalu singkat memberi kesan dalam memberi pertimbangan dan pendapat yang profesional (Sharma & Iselin, 2012). Oleh yang demikian, kebebasan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi sering kali dibahaskan kerana ahli jawatankuasa audit sektor koperasi terdiri daripada pemegang saham bukan dalam kalangan pengarah yang bebas (pihak luar). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat dari perspektif tempoh perlantikan ahli jawatankuasa audit yang dilantik bagi mengetahui ciri-ciri jawatankuasa audit sektor koperasi yang cekap dan berkesan.

Jadual 3.3: Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan

Pengarang	Sampel Penyelidikan	Penemuan
Kosnik (1987) <i>Journal of Accounting, Auditing and Accountability</i>	Kajian dibuat di syarikat senaraian awam di US Stock Exchange.	Pelantikan juruaudit yang lama tidak memberi kesan kepada kualiti audit, tetapi meningkatkan keraguan terhadap laporan audit. Tempoh perkhidmatan juruaudit yang lama menyebabkan kebebasan diragui.
Geiger & Raghunandan (2002) <i>Managerial Auditing</i>	Analisa dibuat dengan menggunakan syarikat senaraian awam di US Stock Exchange.	Tempoh perkhidmatan yang terlalu lama dalam kalangan juruaudit memberi kesan yang tidak sihat kerana juruaudit boleh dipengaruhi oleh pengurusan. Memberi kesan kepada tahap kepatuhan laporan kewangan.
Manry <i>et al.</i> (2003) <i>Journal of Accounting, Auditing & Finance</i>	Data yang digunakan daripada 3 firma audit antarabangsa yang berpangkalan di US untuk dianalisa.	Pelantikan juruaudit dalam tempoh yang lama tidak akan memberi kesan negatif kepada etika juruaudit itu sendiri.
Yang & Krishnan (2005) <i>International Journal of Auditing</i>	Sampel dalam kalangan 896 syarikat di US di antara tahun 1996-2000.	Tempoh pelantikan juruaudit mempunyai hubungan negatif dengan aktiviti manipulasi pendapatan. Oleh itu perlantikan semula juruaudit yang tamat tempoh hendaklah dijustifikasi sebelum perlantikan dibuat.
Chen <i>et al.</i> (2008) <i>Contemporary Accounting Research</i>	Analisa dibuat dengan menggunakan syarikat senaraian awam di Taiwan.	Pelantikan juruaudit yang terlalu lama akan membuka ruang kepada pengurusan untuk melakukan aktiviti manipulasi pendapatan disebabkan oleh juruaudit kurang efektif.
Sharma & Iselin (2012) <i>Managerial Auditing</i>	382 syarikat di US yang membuat semakan semula terhadap laporan kewangan.	Jawatankuasa audit yang berkhidmat terlalu singkat mempunyai hubungan positif dengan aktiviti manipulasi pendapatan. Tempoh pelantikan yang terlalu singkat memberi kesan dalam memberi pertimbangan dan pendapat yang profesional.

3.6 Keaktifan Jawatankuasa Audit

Tugas jawatankuasa audit adalah memastikan laporan kewangan yang mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan yang ditetapkan. Oleh yang demikian untuk menjalankan tugas dengan baik, jawatankuasa perlu aktif. Menurut kajian-kajian terdahulu seperti Menon dan Williams (1994), Razman dan Iskandar (2003) dan Song dan Windram (2004), mereka menggunakan kekerapan mesyuarat sebagai pengukur kepada keaktifan jawatankuasa audit.



3.6.1 Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Kekerapan dan keaktifan mengadakan mesyuarat membolehkan jawatankuasa audit membincangkan permasalahan berkaitan dengan kepatuhan laporan kewangan. Semakin kerap mesyuarat diadakan, maka semakin banyak ruang untuk membolehkan jawatankuasa audit membincangkan isu terkini yang dihadapi oleh syarikat dan memikirkan jalan penyelesaian yang perlu diambil untuk mengurangkan ketidakpatuhan laporan kewangan yang membawa kesan kepada ketidakseimbangan maklumat antara pemegang saham dengan pengurusan (Yin, Gao, Li, & Lv, 2012). Perkara ini disahkan dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Mohd Mohid, Iskandar

dan Mohd Salleh (2009) sebanyak 11% daripada jawatankuasa audit syarikat bermasalah kewangan (PN4) mengadakan mesyuarat melebihi enam kali setahun berbanding hanya 4.1% sahaja dalam syarikat yang tidak bermasalah (bukan PN4).

Oleh yang demikian, mesyuarat jawatankuasa audit yang kerap boleh mengurangkan masalah ketidakpatuhan dan dapat menambahkan kualiti laporan kewangan (Abdullah, 2006). Namun demikian, tidak ada bilangan mesyuarat jawatankuasa audit yang sesuai yang boleh dijadikan tanda aras kerana kesesuaiannya bergantung kepada saiz, keadaan semula jadi perniagaan dan keperluan syarikat serta kemahiran pengerusi jawatankuasa audit itu sendiri (Sori *et al.*, 2006).

Kajian yang dijalankan oleh Kang, Kilgore dan Wright (2011) menunjukkan kekerapan mesyuarat yang dijalankan oleh jawatankuasa audit dapat meningkatkan kualiti dan mengelakkan penipuan dalam laporan kewangan. Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit adalah mempunyai hubungan yang positif dengan kadar ketidakpatuhan. Aktiviti-aktiviti manipulasi piawaian perakaunan berkurangan jika jawatankuasa audit sesebuah syarikat itu aktif (Saleh *et al.*, 2007). Kajian yang dilakukan oleh Xie, Davidson

Iii dan DaDalt, (2003), terhadap syarikat senaraian awam di US selepas daripada pelaksanaan undang-undang Sarbanes-Oxly Act (SOX, 2012), mereka mendapati kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit dapat membantu syarikat mengurangkan aktiviti penipuan dan seterusnya meningkatkan kadar kepatuhan piawaian perakaunan.

Oleh yang demikian, di Malaysia pihak MICG menyarankan dalam MCCG (2012), jawatankuasa audit perlu mengadakan mesyuarat dengan kerap jika terdapat masalah dalam syarikat bagi memastikan kredibiliti laporan kewangan dapat dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, kekerapan mesyuarat tidak dinyatakan secara jelas. Namun demikian dalam sektor koperasi, jawatankuasa audit koperasi mestilah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun bagi memastikan kadar pematuhan garis pemeasaan dan piawaian perakaunan dapat dipatuhi (Garis Panduan 4, 2009). Seterusnya dapat mencapai sasaran sepertimana yang telah ditetapkan dalam Dasar Koperasi Negara (2011) untuk memastikan sebanyak 90% koperasi mematuhi garis pemeasaan dan piawaian perakaunan.

Jadual 3.4: Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan

Pengarang	Sampel Penyelidikan	Penemuan
<i>Xie et al. (2003) Journal of Corporate Finance</i>	Syarikat senaraian awam di US selepas daripada pelaksanaan SOX, 2012.	Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif untuk mengurangkan aktiviti penipuan di syarikat senaraian awam.
<i>Saleh et al. (2007) Asian Review of Accounting</i>	Data diperolehi daripada Laporan Tahunan syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia. 6 jenis industri dianalisis dengan menggunakan 548 buah syarikat.	Hasil daripada kajian tersebut mendapati, kekerapan jawatankuasa audit dapat mengurangkan aktiviti-aktiviti pengurusan perolehan dalam syarikat-syarikat tersebut yang membawa kepada pelanggaran piawaian perakaunan.
<i>Mohd Mohid et al. (2009) Managerial Auditing Journal</i>	Sampel kajian yang digunakan adalah 73 buah syarikat yang mengalami masalah kewangan (PN4) dan 73 buah syarikat yang tidak bermasalah (bukan PN4).	Kajian mendapati jawatankuasa audit syarikat yang bermasalah kewangan (PN4), bermesyuarat melebihi daripada syarikat yang tidak bermasalah kewangan. Jawatankuasa audit syarikat (PN4) yang kerap bermesyuarat dapat keluar daripada senarai PN4 lebih cepat berbanding dengan syarikat yang tidak aktif jawatankuasanya.
<i>Kang et al. (2011) Managerial Auditing Journal</i>	Sampel kajian dengan menggunakan 388 syarikat senaraian di Australia Stock Exchange.	Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit dapat membantu meningkatkan kualiti laporan kewangan.
<i>Yin et al. (2012) Managerial Auditing Journal</i>	Menggunakan data panel terhadap 102 syarikat untuk di analisa.	Mesyuarat jawatankuasa audit yang kerap dapat memberi peluang untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pengagihan maklumat kepada pemegang saham.

3.7 Komposisi Jawatankuasa Audit

Peranan utama jawatankuasa audit adalah memantau dan mengawasi laporan kewangan serta meningkatkan kawalan dalaman bagi pihak berkepentingan seperti pemegang saham dan pemberi pinjaman. Untuk menjadi pemantau yang baik, jawatankuasa audit memerlukan komposisi yang munasabah (Greco, 2011). Komposisi jawatankuasa audit adalah saiz jawatankuasa audit.

3.7.1 Saiz Jawatankuasa Audit


Saiz atau bilangan ahli jawatankuasa audit penting dalam menentukan keberkesanan sesebuah jawatankuasa audit yang ditubuhkan. Bilangan ahli jawatankuasa audit yang mencukupi perlu bagi memastikan semua peranan dan tanggungjawab jawatankuasa audit dapat digalas dengan baik. Bilangan ahli yang terlalu kecil dijangka tidak mampu melaksanakan peranan dan tanggungjawab jawatankuasa audit (Lin & Hwang, 2010), apatah lagi fungsi jawatankuasa audit yang semakin meluas dan mencabar.

Sebaliknya, bilangan ahli jawatankuasa audit yang terlalu besar pula boleh menyebabkan ahlinya kurang fokus, kurang penyertaan dan tidak mempunyai peranan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Larry dan Taylor (2012) mendapati saiz jawatankuasa audit boleh mempengaruhi jumlah syarikat yang membuat laporan kewangan yang dinyatakan semula (*Restatement*). Oleh itu, bilangan ahli jawatankuasa audit hendaklah pada kadar yang mencukupi bagi membolehkan setiap ahli menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk membantu syarikat melaksanakan sesuatu tugas agar menjadi lebih baik dan menyumbang kepada kualiti laporan kewangan (Abdullah, 2006).

Saiz jawatankuasa audit yang munasabah dapat membantu operasi meningkatkan lagi kadar kepatuhan garis pemasaan dan juga tahap kepatuhan piawaian perakaunan. Walau bagaimanapun kajian yang dilakukan oleh Hussain Alkdai dan Hanefah (2012), mendapati saiz jawatankuasa audit tidak mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan terhadap syarikat patuh syariah di Malaysia. Penemuan Mohd Mohid *et al.*(2009) mendapati syarikat yang bermasalah kewangan, iaitu syarikat yang disenaraikan di bawah PN4 Bursa Malaysia, juga mempunyai jawatankusa audit yang dianggotai oleh tiga hingga empat orang ahli. Oleh yang demikian, saiz jawatankuasa

audit adalah penting untuk dikaji bagi mengenal pasti saiz yang tepat dalam memastikan jawatankuasa audit benar-benar bertindak secara efektif dan berkesan.

Oleh kerana peranan utama jawatankuasa audit koperasi adalah untuk memastikan laporan kewangan yang disediakan oleh pengurusan mematuhi garis pemasaan dan piawaian perakaunan yang ditetapkan, maka saiz jawatankuasa audit juga memainkan peranan penting terutama sekali mengenai keberkesanan penubuhan jawatankuasa tersebut. Saiz jawatankuasa audit bergantung kepada jenis-jenis perniagaan koperasi, latar belakang ahli jawatankuasa sepertimana yang dibahasakan melalui penemuan literatur di atas.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Jadual 3.5: Saiz Jawatankuasa Audit dan Laporan Kewangan

Pengarang	Sampel Penyelidikan	Penemuan
Abdullah (2006) <i>Unpublished thesis</i>	40 syarikat senaraian awam termasuk 20 syarikat yang memenangi anugerah laporan kewangan Malaysia pada tahun 2003.	Hasil daripada kajian mendapati saiz jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif dengan kualiti laporan kewangan.
Mohd Mohid <i>et al.</i> (2009) <i>Managerial Auditing Journal</i>	Sampel kajian yang digunakan adalah 73 buah syarikat yang mengalami masalah kewangan (PN4) dan 73 buah syarikat yang tidak bermasalah (bukan PN4).	Kajian mendapati saiz jawatankuasa audit syarikat yang bermasalah kewangan (PN4) mematuhi peraturan penyenaaraian Bursa Malaysia dan sama syarikat yang tidak bermasalah kewangan (bukan PN4).
Lin & Hwang (2010) <i>International Journal of Auditing</i>	Menggunakan kaedah meta analisa terhadap 48 kajian lepas.	Kajian mendapati saiz jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif dengan aktiviti manipulasi pengurusan tetapi berhubung negatif dengan kualiti laporan audit.
Larry dan Taylor (2012) <i>Managerial Auditing Journal</i>	Sampel kajian diambil daripada 180 buah syarikat yang disenaraikan di <i>Australia Stock Exchange</i> . Laporan kewangan pada tahun 2004 sehingga 2009 dianalisis.	Saiz jawatankuasa audit memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan laporan kewangan yang diagihkan kepada pemegang saham menggambarkan keadaan sebenar. Saiz jawatankuasa audit mempengaruhi jumlah syarikat yang membuat laporan kewangan yang dinyatakan semula (<i>Restatement</i>).
Hussain Alkdai & Hanefah (2012) <i>Business & Management review</i>	270 syarikat patuh shariah untuk dianalisa.	Saiz jawatankuasa audit adalah penting untuk dikaji bagi mengenal pasti saiz yang tepat dalam memastikan jawatankuasa audit benar-benar bertindak secara efektif dan berkesan

BAB 4:


RANGKA DAN KAEDAH KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mendapat keputusan kajian. Bab ini bermula dengan menerangkan rangka kajian. Pembangunan hipotesis dibuat melalui sorotan literatur dalam bab tiga. Perbincangan dalam membangunkan hipotesis mengambil kira pemboleh-pemboleh ubah yang berkaitan dengan tahap kepatuhan laporan kewangan seperti kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit koperasi. Namun begitu, kajian lepas yang diambil untuk rujukan dalam kajian ini adalah daripada penyelidikan yang dibuat di syarikat senaraian awam kerana kekurangan kajian dalam sektor koperasi. Seterusnya perbincangan mengenai kaedah kajian yang digunakan serta kajian rintis yang dijalankan bagi mendapat analisis kebolehpercayaan terhadap soalan kaji selidik. Seterusnya justifikasi koperasi negeri Kelantan diambil sebagai sampel juga dibincangkan. Kaedah pungutan data dibuat dan teknik-teknik analisis data menggunakan *Partial Least Square (PLS)* untuk mendapat hasil kajian turut dibincangkan.

4.2 Rangka Kajian

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibahaskan dalam Bab 3, maka adalah dicadangkan rangka kajian ini adalah seperti rajah 4.1:



Rajah 4.1:
Rangka Kajian Ciri-Ciri Jawatankuasa Audit dan Tahap Kepatuhan Laporan Kewangan

4.3 Pembentukan Hipotesis

Bahagian ini membincangkan mengenai pembentukan hipotesis yang diuji dalam kajian ini.

4.3.1 Kepakaran Jawatankuasa Audit

Kepakaran jawatankuasa audit merupakan salah satu ciri yang penting bagi memastikan keberkesanan dalam memantau proses-proses penyediaan laporan kewangan agar ianya mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pucheta-Martínez dan De Fuentes (2007) menyatakan bahawa jawatankuasa audit yang berkepakaran dalam bidang perakaunan dapat meningkatkan lagi tahap kepatuhan kepada piawaian perakaunan yang ditetapkan.

Davidson, Xie dan Xu (2004) dan DeZoort dan Salterio (2001) melaporkan bahawa jawatankuasa audit yang mempunyai kepakaran dalam bidang perakaunan mempunyai lebih kecekapan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah apabila berhadapan dengan situasi perakaunan yang kompleks. Namun demikian, hasil kajian yang dijalankan oleh Puasa dan Ahmad (2014) mendapati kepakaran dalam

kalangan ahli jawatankuasa audit di Malaysia mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan garis pemasaan. Menurut Shukeridan Islam (2012), kepakaran jawatankuasa audit tidak boleh tertumpu kepada kemahiran kewangan dan perakaunan sahaja, walaupun piawaian perakaunan yang semakin kompleks namun perlu juga mengambil kira bidang-bidang kepakaran lain yang lain seperti pengurusan dan undang-undang.

Kajian dijalankan di Malaysia oleh Apadore dan Mohd Noor (2013) dan Hashim dan Rahman (2011) mendapati jawatankuasa audit yang mempunyai kepakaran dalam bidang perakaunan dan kewangan juga mempunyai hubungan yang negatif kepada tahap kepatuhan garis pemasaan yang telah ditetapkan. Dalam sektor koperasi tempoh masa yang ditetapkan untuk menghantar laporan kewangan untuk tujuan pengauditan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah dalam tempoh 2 bulan selepas tamat tempoh perakaunan. Berdasarkan huraian di atas, hipotesis yang dicadangkan adalah seperti berikut:

H1: Kepakaran ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.


4.3.2 Pengalaman Jawatankuasa Audit

Alba dan Hutchinson (1987) menyatakan bahawa kualiti membuat keputusan meningkat selari dengan peningkatan pengalaman pembuat keputusan. Ini adalah kerana pengalaman mengenai perkara tertentu dapat mengurangkan kognitif yang diperlukan untuk membuat keputusan. Ini bermakna pengalaman dapat mempengaruhi pembuat keputusan membuat keputusan yang lebih baik kerana telah memiliki pengalaman dalam sesuatu perkara.

Setiap tugas pemantauan dan pengawasan memerlukan ahli jawatankuasa audit membuat pertimbangan. Pertimbangan tersebut memerlukan pengalaman kerana melibatkan situasi yang tidak jelas kebenaran atau kesalahannya dan ada kalanya pula bersifat kompleks (DeZoort, 1997). Ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman luas dalam tugas pengauditan dan pemantauan laporan kewangan syarikat, dikatakan mempunyai pengalaman perakaunan teknikal yang relevan dan mampu menyumbang kepada pematuhan laporan kewangan (DeZoort, 1998). Penemuan ini telah disokong oleh Vera-Muñoz (2005), yang melaporkan pengalaman formal dalam perakaunan dan pengauditan dianggap dapat meningkatkan kebolehan ahli jawatankuasa audit untuk memahami isu-isu teknikal perakaunan.


Pengalaman tersebut digunakan untuk menyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan.

Pengalaman ahli jawatankuasa audit penting bagi meningkatkan pemahaman terhadap pelbagai tugas pengawasan (Knapp & Knapp, 2001). Oleh itu, ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman luas dalam pengauditan dan pemantauan laporan kewangan syarikat dijangka membuat pertimbangan yang berbeza dalam memastikan laporan kewangan mematuhi tempoh masa yang ditetapkan (Aktaş & Karğın, 2011).




Kajian yang dibuat oleh Carcello dan Neal (2003) dan Srinivasan dan Richardson (2005) menjelaskan bahawa ahli jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan dapat meningkatkan kepatuhan dalam laporan kewangan. Selain itu, Ika dan Ghazali (2012) menyatakan ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman mempunyai cadangan penambahbaikan yang sangat praktikal apabila menemui kelemahan dalam organisasi semasa menjalankan kerja-kerja pemantauan. Kesan daripada cadangan audit yang efektif secara langsung dapat memperbaiki tahap kepatuhan laporan kewangan.

Pengalaman ahli jawatankuasa audit menjadi konstruk yang tidak boleh diamati secara langsung melainkan diukur melalui dua penunjuk (Libby & Tan, 1994). Petunjuk pertama ialah tempoh pengalaman sebagai ahli jawatankuasa audit. Petunjuk yang kedua pula ialah pengalaman sebagai ahli lembaga pengarah yang juga dikenali sebagai pengalaman tadbir urus korporat. Dalam sektor koperasi pula, pengalaman jawatankuasa audit juga merupakan ciri-ciri yang penting bagi memastikan tahap kepatuhan laporan kewangan dapat dicapai dan diperbaiki.



Oleh yang demikian, hasil daripada huraian di atas, hipotesis yang dicadangkan adalah seperti berikut:



H2: Pengalaman ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemaasan dan piawaian perakaunan.

4.3.3 Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit

Tempoh lantikan jawatankuasa audit juga adalah salah satu faktor penting untuk menentukan kebebasan dan keberkesanan jawatankuasa

audit dalam menjalankan tugas pengawasan dan pemantauan. Tempoh lantikan adalah merujuk kepada tahun lantikan dan tempoh perkhidmatan ahli jawatankuasa audit dalam sesuatu syarikat atau organisasi. Lantikan jawatankuasa audit adalah dibuat oleh lembaga pengarah. Perkara yang sama juga berlaku dalam sektor koperasi iaitu lantikan jawatankuasa audit koperasi juga dibuat oleh ahli lembaga koperasi. Namun begitu terdapat beberapa pendapat berkenaan dengan tempoh lantikan jawatankuasa audit.

Menurut Knechel dan Vanstraelen (2007), tempoh lantikan jawatankuasa audit yang panjang akan memberi kecekapan dan pemahaman kepada jawatankuasa apabila menghadapi isu-isu yang kompleks. Selain itu, beliau juga membahaskan bahawa tempoh lantikan yang panjang juga dapat membantu syarikat menjaga kepentingan penyumbang modal atau pemegang saham agar laporan kewangan mematuhi peraturan dan bebas daripada unsur-unsur penipuan. Perkara ini telah disokong oleh Beasley (1996) yang menunjukkan bahawa tempoh perkhidmatan jawatankuasa audit yang panjang memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti penipuan dalam laporan kewangan. Hasil penemuan mereka, semakin panjang tempoh perkhidmatan jawatankuasa audit maka semakin rendah aktiviti-aktiviti penipuan dalam laporan kewangan.

Namun demikian, Vafeas (2005) melaporkan bahawa jika tempoh perkhidmatan jawatankuasa audit terlalu lama atau panjang jawatankuasa tersebut menjadi tidak begitu bebas. Ini disebabkan oleh rasa menghormati dan dihormati antara jawatankuasa audit dengan pengurusan semakin berkurangan apabila tempoh perkhidmatan yang lama. Selain itu juga, beliau menyatakan jika tempoh perkhidmatan yang lama, kecenderungan untuk berlaku manipulasi perolehan pendapatan adalah tinggi dan kesannya membawa kepatuhan piawaian perakaunan yang rendah. Penemuan yang sama juga dikongsi oleh Chan, Liu dan Sun (2013) yang menunjukkan hubungan negatif antara ahli jawatankuasa audit yang berkhidmat lama dengan kepatuhan laporan kewangan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Oleh yang demikian, berdasarkan huraian adalah dicadangkan hipotesis seperti berikut:


H3: Tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

4.3.4 Ke kerap an Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Tahap aktiviti jawatankuasa audit memainkan peranan yang penting dalam melakukan kerja-kerja pengawasan dan pemantauan bagi memastikan laporan kewangan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Song dan Windram (2004) membahaskan bahawa kekerapan mesyuarat merupakan faktor penentuan kepada keberkesanan penubuhan jawatankuasa audit. Penemuan ini telah disokong oleh Sharma *et al.* (2009), yang melaporkan kekerapan mesyuarat dapat menyelesaikan konflik yang berlaku antara pelabur dan pengurusan dengan cara membuat teguran terhadap pengurusan semasa mesyuarat dijalankan.

Penemuan oleh Collier dan Gregory (1999), Parker, Peters dan Raghunandan (2003), Méndez dan García (2007) dan Nuresa (2013) menyokong bahawa kekerapan mesyuarat boleh menyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan serta menyumbang laporan kewangan yang berkualiti. Kajian yang dilakukan oleh Bushman, Chen, Engel dan Smith (2004), Goh (2009) dan Akle (2011) terhadap syarikat bermasalah dan mereka melaporkan bahawa kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam mematuhi garis pemasaan yang ditetapkan dan pematuhan kepada piawai perakaunan.

Walaupun bagaimanapun kajian yang dilakukan di Malaysia oleh Rahmat *et al.* (2009) menunjukkan kekerapan mesyuarat mempunyai hubungan yang negatif dengan aktiviti manipulasi pendapatan dan pematuhan piawaian perakaunan. Manakala kajian yang dilakukan oleh Puasa dan Ahmad (2014), Apadore dan Mohd Noor (2013) dan Ismail *et al.* (2008) terhadap syarikat senaraian awam juga menunjukkan hubungan negatif antara kekerapan mesyuarat dengan tahap kepatuhan garis pemaasan. Sehubungan dengan itu adalah dicadangkan hipotesis seperti berikut:



H4: *Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemaasan dan piawaian perakaunan.*

4.3.5 Saiz Jawatankuasa Audit

Saiz jawatankuasa audit merupakan faktor yang penting bagi meningkatkan dan menambahkan lagi tahap kualiti dan kepatuhan laporan kewangan. Vafeas (1999) berpendapat semakin besar saiz jawatankuasa audit maka ianya dapat memberi kelebihan dari segi kepakaran dan pengalaman dalam menjalankan kerja-kerja pengawasan dan pemantauan laporan kewangan. Hoitash dan Hoitash

(2009) menyatakan bahawa kepentingan saiz jawatankuasa audit mempunyai hubung kait dengan tahap keberkesanan jawatankuasa tersebut. Saiz jawatankuasa audit yang besar dilaporkan dapat meningkatkan lagi tahap kecekapan jawatankuasa audit dan secara langsung dapat meningkatkan kepatuhan laporan kewangan. Penemuan ini adalah selari dengan Lin dan Hwang (2010) yang menyatakan bahawa jawatankuasa audit yang bersaiz besar dapat mengurangkan manipulasi pengurusan perolehan pendapatan dan seterusnya laporan perolehan yang dilaporkan lebih telus dan tepat.

Namun demikian menurut Yang dan Krishnan (2005) dan Kent, Routledge dan Stewart (2010) yang membuat kajian terhadap syarikat senarai awam mendapati saiz jawatankuasa audit mempengaruhi tahap kebebasan dalam menjalani tugas-tugas sebagai jawatankuasa audit. Mereka menyatakan saiz jawatankuasa audit yang terlalu besar menyebabkan jawatankuasa gagal untuk menjaga tahap kebebasan dan kerahsiaan mereka. Walau bagaimanapun, kajian-kajian di atas tidak menyebut saiz jawatankuasa audit yang optimum bagi mewujudkan jawatankuasa yang berkesan. Penemuan Anderson, Mansi dan Reeb (2004) dan Ghosh, Marra dan Moon (2010) menjelaskan lagi bahawa saiz jawatankuasa audit yang besar tidak dapat berfungsi dengan baik untuk memantau pengurusan agar kepatuhan garis pemasaan dapat dipatuhi. Kajian yang dilakukan oleh Boo dan Sharma (2008)

mendapati tahap pematuhan garis pemasaan laporan kewangan mempunyai hubungan yang negatif dengan saiz jawatankuasa audit. Saiz jawatankuasa tidak mempengaruhi pengurusan dalam menghantar laporan kewangan kepada pihak berkuasa. Oleh yang demikian adalah dicadangkan hipotesis seperti berikut:

H5: Saiz jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.



4.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian adalah salah satu langkah dan formulasi untuk menjawab soalan kajian bagi memastikan objektif kajian tercapai (Frankfort-Nachmias & Nachmias, 1992). Kaedah kajian adalah satu formulasi yang direka untuk mendapat bukti-bukti bagi menjawab persoalan kajian. Kothari (2012) menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah prosedur piawaian yang harus diikuti semasa penyelidikan dijalankan dan mengandungi kaedah-kaedah yang perlu dipatuhi untuk mendapat bukti kajian. Ghauri dan Grønhaug (2005) melaporkan kaedah-kaedah kajian untuk mendapatkan bukti kajian

adalah melalui temu ramah, soalan kaji selidik, pemerhatian, analisis data yang lepas dan lain-lain lagi.

Kajian ini menggunakan kaedah soalan kaji selidik kepada ahli jawatankuasa audit dalam sektor koperasi bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit yang efektif dan berkesan terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan. Kaedah ini digunakan kerana tidak ada data sekunder (*secondary data*) untuk sektor koperasi di Malaysia bagi mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit. Oleh yang demikian, kajian ini berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden iaitu ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman untuk mengenal pasti ciri-ciri yang diperlukan oleh jawatankuasa tersebut. Oleh itu, kajian ini adalah berbeza dengan kajian-kajian yang lepas yang menggunakan maklumat daripada laporan kewangan untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit. Oleh sebab itu kaedah analisis kajian ini juga menggunakan *Partial Least Squares – Structural Equation Modeling (PLS-SEM)* suatu analisis yang sesuai diguna pakai apabila menggunakan kaedah soalan kaji selidik (*Primary Data*) (Hair, Hult, Ringle, & Sarstedt, 2014). Analisis menggunakan *PLS-SEM* membolehkan soalan kaji selidik ditunjukkan tahap kerelevanan untuk menerangkan ketepatan pengukuran soalan tersebut dengan memastikan purata varians terekstrak (*AVE*) melebihi 0.50 (Hair *et al.*, 2014). Walau bagaimanapun penggunaan kaedah soalan kaji selidik ini

adalah selari dengan kajian yang dibuat oleh Iyer *et al.* (2012) kepada kumpulan jawatankuasa audit syarikat untuk mengkaji tahap kepakaran kewangan ahli jawatankuasa tersebut.

Tahap kepatuhan laporan kewangan pula diukur dengan menggunakan data sekunder (*secondary data*) yang diambil daripada Sistem Modul Laporan Kewangan Koperasi di Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan. Tahap kepatuhan laporan kewangan diukur dengan kepatuhan garis pemsasaan dan kepatuhan piawaian perakaunan. Kepatuhan garis pemsasaan diukur dari segi tempoh penghantaran laporan kewangan untuk diaudit, manakala laporan juruaudit luar akan digunakan bagi mengukur tahap kepatuhan kepada piawaian perakaunan. Kepatuhan garis pemsasaan diukur dari segi ketepatan masa koperasi menghantar laporan kewangan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tujuan auditan. Peraturan telah menetapkan bahawa setiap koperasi haruslah menghantar laporan kewangan dalam tempoh dua bulan selepas tamat tempoh perakaunan. Kajian yang lepas dijalankan oleh Owusu-Ansah (2000), Owusu-Ansah dan Leventis (2006) dan Ika dan Ghazali (2012) telah menggunakan kaedah pengukuran bilangan hari antara tamat tempoh perakaunan dan hari di mana syarikat melaporkan penyata kewangan teraudit. Oleh itu, pengukuran tahap kepatuhan ini akan dibuat mengikut bilangan hari yang diambil antara tarikh tamat tempoh

perakaunan dengan hari laporan kewangan dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk tujuan diaudit.

Tahap kepatuhan piawaian perakaunan pula diukur melalui laporan juruaudit luar terhadap laporan kewangan koperasi. Laporan juruaudit luar menggambarkan laporan kewangan secara tepat dan saksama sama ada koperasi tersebut mematuhi peraturan perakaunan yang telah ditetapkan. Kajian lepas yang dijalankan oleh Carcello dan Neal (2000) menggunakan laporan juruaudit luar terhadap kepatuhan laporan kewangan, manakala Agoglia *et al.* (2011) menggunakan piawaian perakaunan bagi mengesan keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa audit terhadap manipulasi dan aktiviti penipuan dalam syarikat.

4.5 Persampelan

Unit analisis kajian ini adalah terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa audit koperasi-koperasi yang berdaftar di negeri Kelantan. Pemilihan negeri Kelantan sebagai unit sampel adalah disebabkan oleh tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi di Kelantan adalah terendah. Sebanyak 52% koperasi di Kelantan tidak mematuhi garis pemaasan

dan 58% pula menyediakan rekod perakaunan tidak mematuhi piawaian perakaunan berbanding tahap ketidakpatuhan peringkat nasional iaitu 44% tidak patuh garis pemeasaan dan 48% untuk tidak patuh piawaian perakaunan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ika dan Ghazali (2012) dan Agoglia *et al.* (2011) mendapati ciri-ciri jawatankuasa audit seperti kepakaran perakaunan, pengalaman dalam bidang pengauditan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit adalah berhubungan dengan tahap kepatuhan garis pemeasaan dan piawaian perakaunan. Hasil kajian mereka mendapati, kepakaran perakaunan dan pengalaman dalam bidang pengauditan dalam kalangan ahli jawatankuasa mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kepatuhan. Oleh yang demikian, koperasi di negeri Kelantan dipilih sebagai unit untuk dianalisis bagi mengkaji ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi kerana disebabkan oleh faktor pencapaian kepatuhan yang rendah.

Koperasi di negeri Kelantan mempunyai RM1.33 bilion jumlah aset serta perolehan yang telah dijana daripada aktiviti koperasi sebanyak RM484.65 juta. Melalui statistik di laman sesawang Suruhanjaya Koperasi Malaysia terdapat kira-kira 335,835 orang ahli koperasi atau

23.4% daripada penduduk negeri Kelantan adalah ahli bagi setiap koperasi yang berdaftar. Menurut laporan yang dikeluarkan, terdapat 736 buah koperasi di Kelantan. Maklumat statistik adalah seperti berikut:

Jadual 4.1:
Bilangan Koperasi di Kelantan Berdasarkan Kluster

	Besar	Sederhana	Kecil	Mikro	Jumlah
Bilangan	14	24	106	592	736
Peratusan	2.0	3.2	14.4	80.4	100

(Sumber: Statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia)

Berdasarkan kepada Jadual 4.1, koperasi di negeri Kelantan memiliki 80.4% koperasi yang terdiri daripada kluster mikro. Sehubungan dengan itu, analisis lanjut haruslah dilakukan kerana mengikut Garis Panduan 4 (2009), pelantikan jawatankuasa audit hendaklah dilantik seorang sahaja, jika purata pendapatan setahun tidak melebihi RM200,000. Jadual 4.2 menunjukkan purata pendapatan setahun koperasi adalah seperti berikut:

Jadual 4.2
Purata Pendapatan Berdasarkan Kluster Koperasi di Kelantan

	Besar	Sederhana	Kecil	Mikro	Jumlah
Bilangan Koperasi	14	24	106	592	736
Jumlah Pendapatan (RM Juta)	385.98	43.2	38.79	16.68	484.65
Purata Pendapatan (RM)	27.57 juta	1.8 juta	365,943	28,176	-

(Sumber: Statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia)

Merujuk kepada Jadual 4.2, koperasi berkluster Mikro terpaksa di dibuang dalam menentukan saiz sampel. Perkara ini terpaksa dilakukan kerana koperasi berkluster Mikro mempunyai purata pendapatan kurang daripada RM200,000 setahun. Koperasi yang mempunyai hasil pendapatan kurang daripada RM200,000 hanya perlu melantik seorang sahaja ahli jawatankuasa audit (Garis Panduan, 2009) dan ini menyebabkan responden cenderung untuk memberi jawapan yang berat sebelah. Oleh yang demikian, koperasi yang berkluster Mikro dibuang dalam menentukan saiz sampel.



UUM

4.5.1 Saiz Sampel

Saiz sampel adalah merupakan unit yang digeneralisasi daripada populasi (Krejcie & Morgan, 1970). Oleh yang demikian penentuan saiz sampel adalah penting bagi mengelakkan ralat sampel berlaku. Sehubungan dengan itu, penentuan saiz sampel kajian ini adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jadual 4.3 menunjukkan populasi koperasi di negeri Kelantan bagi tujuan menentukan saiz sampel.

Jadual 4.3
Populasi Koperasi di negeri Kelantan

	Besar	Sederhana	Kecil
Bil. Koperasi Aktif	14	24	106
Bil. Koperasi Tidak Aktif	0	0	(37)
Jumlah Populasi Koperasi	14	24	69

(Sumber: Statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia)

Berdasarkan Jadual 4.3, jumlah populasi koperasi di negeri Kelantan yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 107 (saiz besar 14, saiz sederhana 24 dan saiz kecil 69) buah koperasi dalam proses menentukan saiz sampel. Berdasarkan Garis Panduan 4 (2009), setiap daripada koperasi mempunyai hasil pendapatan melebihi RM200,000 mestilah melantik minimum 3 orang pemegang saham sebagai ahli jawatankuasa audit. Jumlah minimum ahli jawatankuasa audit yang diperlukan berdasarkan kepada 107 buah koperasi adalah seramai 321 orang (iaitu 107 buah koperasi didarab dengan 3 ahli jawatankuasa audit). Oleh itu, dengan merujuk kepada Jadual Krejcie dan Morgan (1970), 321 orang ahli jawatankuasa audit adalah sebagai populasi kajian maka saiz sampel yang diperlukan adalah berjumlah 175 responden. Walau bagaimanapun, saiz sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 177 responden. Hal ini berlaku, jika menggunakan 175 responden maka bilangan koperasi tidak berada di nombor genap (175 dibahagi dengan 3 ahli jawatankuasa audit bersamaan dengan 58.3 buah koperasi), maka dengan menggunakan

177 responden maka bilangan koperasi yang dianalisis ialah sebanyak 59 buah koperasi.

Krejcie dan Morgan (1970) telah menetapkan sampel saiz melalui jadual yang telah dijana oleh mereka adalah sebanyak 175 responden apabila mempunyai saiz populasi sebanyak 321. Namun begitu, saiz yang lebih besar diperlukan bagi mengatasi masalah kemungkinan responden tidak mengembalikan soalan kaji selidik kepada penyelidik. Saiz tersebut juga menepati cadangan petua kasar (*rule of thumb*)(Sekaran, 2000) yang menetapkan ciri-ciri berikut bagi menentukan saiz sampel:

- i. Saiz sampel tidak kurang daripada 30 tetapi tidak melebihi 500 adalah sesuai bagi kebanyakan kajian.
- ii. Jika sampel akan dipecahkan kepada beberapa sub-sampel (baru/lama, besar/kecil) maka suatu saiz minimum 30 bagi setiap kategori adalah diperlukan.
- iii. Dalam penyelidikan multivariate (termasuk analisis regresi berganda), saiz sampel hendaklah melebihi dari jumlah saiz yang ditetapkan.

Kaedah pensampelan berdasarkan pemilihan secara rawak terhadap koperasi-koperasi yang berdaftar di negeri Kelantan digunakan

(Teddlie & Yu, 2007). Kaedah rawak persampelan digunakan kerana dapat memberi peluang kepada seluruh koperasi di negeri Kelantan menjadi responden tanpa mengikut kluster besar, sederhana dan kecil. Bagi mencapai objektif tersebut, teknik persampelan tidak sistematik diguna pakai. Sebanyak 177 responden yang terdiri ahli jawatankuasa audit sepertimana yang telah dijana daripada jadual Krejcie dan Morgan (1970).


4.6 Soalan Kaji Selidik

Pengumpulan data adalah menggunakan kaedah soalan kaji selidik. Kelebihan dan kelemahan menggunakan soalan kaji selidik menurut Roberson & Sundstrom (1990) adalah seperti berikut:

Jadual 4.4
Kelebihan dan Kekurangan Teknik Soalan Kaji Selidik


Teknik	Kelebihan	Kekurangan
Soalan Kaji Selidik	<ul style="list-style-type: none"> -Tidak melibatkan kos yang tinggi. - Memerlukan sampel saiz yang besar. - Dari segi masalah <i>bias</i> dapat dikurangkan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kadar mengambil bahagian dalam menjawab soalan adalah rendah - Responden tidak memahami soalan dengan baik dan jawapan mungkin tidak mewakili pendapat sebenar.

Oleh yang demikian, pemilihan menggunakan kaedah soal selidik adalah berdasarkan kelebihan dan kekurangan yang dinyatakan. Selain daripada itu menurut Felo, Krishnamurthy dan Solieri (2003) kaedah soal selidik merupakan kaedah yang sesuai untuk mengenalpasti ciri-ciri jawatankuasa audit kerana berpeluang mendapatkan jawapan soal selidik dari sampel yang besar. Oleh itu, penggunaan soalan kaji selidik adalah konsisten dengan pendapat Oppenheim (2000) yang menyatakan:

- 
- i. Dengan menggunakan kaedah soal selidik, pengagihan soalan kaji selidik kepada responden menjadi besar dan peluang mendapat kredibiliti pada data yang dikumpul.
 - ii. Sesuai kepada penyelidik yang mempunyai sumber kewangan terhad.
 - iii. Kaedah soal selidik adalah sesuai untuk kajian sains sosial kerana memberi peluang kepada responden menjawab dan memahami soalan yang ditanya dan boleh menyebabkan data lebih dipercayai.

4.6.1 Pembentukan Soalan Kaji Selidik

Menurut Saunders, Lewis dan Thornhill (2007), kaedah soalan kaji selidik adalah satu proses untuk menukarkan dari soalan berbentuk konsep kepada pengukuran pemboleh ubah. Dalam proses menyediakan soalan kaji selidik, Bourque dan Fielder (1995) mencadangkan agar soalan kaji yang selidik yang disediakan mestilah mudah difahami, pendek dan tepat bagi memastikan jawapan daripada responden mewakili pendapat sebenar mereka. Soalan kaji selidik dibentuk berdasarkan daripada kajian-kajian terdahulu sebagai asas iaitu Mohiuddin (2012), Iyer *et al.* (2012) dan peraturan yang berkuatkuasa seperti Akta Koperasi, 1993 serta Garis Panduan 4 (2009).



4.6.2 Keganjangan Soalan Kaji Selidik

Soalan kaji selidik yang disediakan mestilah tidak terlalu panjang kerana bagi mengelakkan responden tidak menjawab soalan tersebut, menjawab tapi bukan sepenuh hati atau soalan kaji selidik tidak dihantar kembali kerana faktor ketidakfahaman (Al-Moataz, 2003). Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan soalan kaji selidik yang sesuai iaitu soalan tertutup (*close-ended question*) bagi memastikan

responden memahami dan dapat merangkumi aspek-aspek yang penting dalam mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit.

4.6.3 Format Soalan Kaji Selidik

Soal kaji selidik merupakan teknik yang digunakan dalam proses mendapatkan data. Kaedah soal selidik merupakan kaedah yang popular dalam bidang sains sosial (Easterby-Smith, 2002). Kaedah soal kaji selidik adalah set soalan yang berstruktur bagi memastikan responden dapat memahami setiap soalan yang ditanya dan dapat dijawab tanpa tekanan.

Menurut Collis dan Hussey (2014) perbincangan antara penyelidik tentang penggunaan jenis soalan sering kali berlaku. Penggunaan jenis soalan tertutup (*close-ended question*) atau soalan terbuka (*open-ended question*) seringkali dipertikaikan. Soalan terbuka memberi peluang kepada responden menyatakan pendapat mereka kerana berbentuk karangan (Weisberg, Krosnick dan Bowen, 1996). Soalan terbuka lebih sesuai digunakan bagi kajian yang berbentuk kualitatif.

Kajian menggunakan soalan tertutup pula memberi alternatif jawapan kepada responden seperti pilihan jawapan dalam peperiksaan (Weisberg, Krosnick, & Bowen, 1996). Salah satu cara kawalan kepada responden, soalan tertutup dapat memberi kesenangan dan kemudahan kepada responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan kerana jawapan telah disediakan berbanding dengan soalan terbuka yang memerlukan responden untuk berfikir terlebih dahulu bagi menjawab soalan yang dikemukakan.

Soalan kaji selidik yang dibentuk adalah bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi dengan menjadikan model MCCG (2012) sebagai panduan. Oleh yang demikian, kajian ini mengguna pakai soalan tertutup (*close-ended question*) untuk mendapatkan maklumbalas dengan cepat dan mudah difahami dalam kalangan ahli jawatankuasa audit dalam sektor koperasi. Oleh itu, soalan selidik kajian ini dipadankan dengan *skel-likert* sepertimana kajian-kajian sebelum ini (Iyer *et al.*, 2012; Mohiuddin, 2012).

4.6.4 Sumber dan Struktur Soalan Kaji Selidik

Soalan kaji selidik dibangunkan dengan mengguna pakai soalan hasil kajian lepas iaitu (Iyer *et al.*, 2012; Mohiuddin, 2012) yang mengkaji keberkesanan jawatankuasa audit di syarikat senaraian awam. Namun begitu, pengubahsuaian terpaksa dilakukan kerana kajian lepas menggunakan jawatankuasa audit di syarikat senaraian awam, manakala kajian ini menggunakan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi sebagai responden. Antara pengubahsuaian yang dilakukan dengan membuang keahlian dalam mengukur kebebasan akibat dari limitasi undang-undang di Malaysia, pengalaman dalam sektor audit diambil kira walaupun tidak dinyatakan pada Garis Panduan 4 (2009), pelantikan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi. Selain itu, kajian lepas telah menggunakan skel-*likert* 5 mata manakala kajian ini mengguna pakai skel-*likert* 7 mata bagi memberikan responden lebih fleksibel dalam memberi maklum balas (Boone & Boone, 2012) dan juga dapat menambah baik kualiti data yang diperolehi kerana dapat memberi peluang pilihan jawapan yang lebih tepat (Presser *et al.*, 2004).

Struktur soalan kaji selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A adalah mengenai latar belakang responden termasuk dengan pendidikan, pendapatan dan agama. Bahagian B,

mengkehendaki responden memberi maklum balas terhadap 25 soalan mengenai amalan terbaik jawatankuasa audit dalam sektor koperasi. Jadual 4.5 memberi gambaran mengenai soalan kaji selidik kajian ini:

Jadual 4.5:
Jumlah Soalan Kaji Selidik

Ciri-ciri amalan terbaik jawatankuasa audit	Jumlah soalan	Jenis soalan
Kepakaran	5	Skel-likert 7 mata
Pengalaman	5	Skel-likert 7 mata
Kebebasan	5	Skel-likert 7 mata
Kekerapan mesyuarat	5	Skel-likert 7 mata
Saiz jawatankuasa	5	Skel-likert 7 mata

Menurut Bourque and Fielder (1995) soalan kaji selidik yang telah dikategorikan mengikut hipotesis menjadi lebih sistematik semasa analisis data dibuat serta mengelakkan soalan dari berulang. Oleh yang demikian, soalan kaji selidik ini telah diklasifikasi mengikut hipotesis kajian bagi memudahkan responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan dan mengelak soalan yang berulang kali. Soalan kaji selidik ini dilampirkan dengan surat rasmi universiti yang menyatakan segala maklumat adalah rahsia dan untuk tujuan kegunaan akademik sahaja bagi mengelak salah faham dan keengganan responden memberi maklum balas.

4.7 Pengukuran Pembolehubah

Instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah tahap kepatuhan dalam kajian ini ialah data sekunder (*secondary data*) yang diperolehi daripada Sistem Modul Laporan Kewangan Koperasi di Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan. Pengukuran tahap kepatuhan dibahagi dua iaitu kepatuhan garis pemasakan dan kepatuhan piawaian perakaunan. Manakala ciri-ciri jawatankuasa audit pula menggunakan data maklumat balas daripada responden. Responden adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa audit dalam sektor koperasi di negeri Kelantan.

4.7.1 Pengukuran Tahap Kepatuhan

Tahap kepatuhan laporan kewangan dalam kajian ini diukur dengan menggunakan data sekunder (*secondary data*) yang diperolehi berdasarkan Sistem Modul Laporan Kewangan Koperasi di Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan. Tahap kepatuhan diukur sama ada laporan kewangan mematuhi garis pemasakan dan tahap piawaian perakaunan. Kajian yang dibuat oleh Ika dan Ghazali (2012) dan Owusu-Ansah dan Leventis (2006) telah menggunakan indeks masa bagi mengkaji ciri-ciri jawatankuasa audit yang efektif terhadap kepatuhan garis pemasakan. Indeks masa ialah kaedah

pengukuran bilangan hari antara tarikh tamat tempoh perakaunan dan hari syarikat melaporkan penyata kewangan teraudit. Oleh yang demikian, indeks masa ialah kaedah mengukur tahap kepatuhan garis pemsasaan. Dalam kajian ini indeks masa merujuk bilangan hari yang diambil antara tarikh tamat tempoh perakaunan dengan hari laporan kewangan dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk tujuan diaudit. Jadual 4.6 menunjukkan skala pengukuran tahap kepatuhan garis pemsasaan:

Jadual 4.6
Skala Pengukuran Tahap Kepatuhan Garis Pemsasaan

Tahap Kepatuhan Pemsasaan Koperasi di negeri Kelantan	Skor
1. Tidak patuh antara 91 hari dan ke atas	1
2. Tidak patuh antara 1 hari sehingga 90 hari	2
3. Patuh antara 1 hingga 20 hari	3
4. Patuh antara 21 hingga 40 hari	4
5. Patuh antara 41 hingga 60 hari	5

Berdasarkan Jadual 4.6, skor 1 diberikan kepada koperasi yang gagal mematuhi garis pemsasaan selepas daripada tempoh yang dibenarkan. Koperasi ini mengambil masa antara 91 hari ke atas selepas tamat tempoh yang benarkan. Skor 2 pula diberikan kepada koperasi yang gagal mematuhi garis pemsasaan selepas tempoh yang dibenarkan tetapi terlewat antara masa 1 hari sehingga 90 hari. Manakala skor 3, 4 dan 5 adalah untuk koperasi yang mematuhi garis pemsasaan. Skor 3 diberikan kepada koperasi yang menghantar laporan kewangan antara tempoh 1 hari hingga 20 hari sebelum tamat tempoh yang ditetapkan.

Skor 4 pula diberikan kepada koperasi yang menghantar laporan kewangan antara tempoh 21 hari hingga 40 hari sebelum tamat tempoh yang dibenarkan. Manakala skor 5, diberikan kepada koperasi yang mampu menghantar laporan kewangan 41 hari dan sehingga 60 hari sebelum tamat tempoh sepertimana yang ditetapkan.

Manakala tahap kepatuhan piawaian perakaunan pula, laporan juruaudit luar digunakan sebagai asas untuk menentukan tahap kepatuhan. Jika laporan juruaudit luar berstatus bersyarat maka siasatan lanjut dilakukan bagi mengetahui penyebab kepada laporan bersyarat sama ada penyebab ketidakpatuhan kepada piawaian perakaunan atau sebaliknya. Kajian ini selaras dengan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh Carcello dan Neal (2000) dan Agoglia *et al.* (2011) untuk mengetahui ciri-ciri jawatankuasa audit yang berkesan menggunakan laporan juruaudit sebagai pengukur kepada tahap kepatuhan. Oleh yang demikian, kaedah mengukur tahap kepatuhan piawaian perakaunan adalah seperti berikut:

Jadual 4.7
Skala Pengukuran Tahap Kepatuhan
Piawaian Perakaunan

Tahap Kepatuhan Piawaian Perakaunan Koperasi di Kelantan	Skor
1. Tidak patuh penyimpanan rekod perakaunan	1
2. Tidak patuh piawaian perakaunan	2
3. Patuh	3

Jadual 4.7 menerangkan pengukuran tahap kepatuhan piawaian perakaunan. Skor 1 diberikan kepada koperasi yang gagal dan tidak membuat penyimpanan rekod perakaunan yang ditetapkan menyebabkan juruaudit luar terpaksa memberi laporan audit bersyarat. Skor 2 diberikan jika koperasi tersebut gagal mematuhi piawaian perakaunan yang ditetapkan dalam MFRS101 yang menyebabkan laporan juruaudit luar berstatus bersyarat. Manakala skor 3 diberikan kepada koperasi yang mematuhi piawaian perakaunan sepertimana yang ditetapkan.

4.7.2 Pengukuran Ciri-Ciri Jawatankuasa Audit

Kesemua ciri-ciri jawatankuasa audit koperasi diukur dengan mengguna pakai skel-*likert* 7 mata (Presser *et al.*, 2004). Kaedah pengukuran ciri-ciri jawatankuasa audit ini adalah sama dengan kajian Mohiuddin (2012) yang menggunakan skel-*likert* untuk mengkaji keberkesanan jawatankuasa audit syarikat senaraian awam di Bursa Saham Bangladesh. Selain daripada itu, kajian ini juga mengguna pakai sumber soalan selidik yang sama dari kajian lepas iaitu Iyer *et al.* (2012) dan Mohiuddin (2012). Skel-*likert* 7 mata adalah seperti berikut 1 untuk sangat-sangat tidak bersetuju, 2 sangat tidak bersetuju, 3 tidak bersetuju, 4 untuk sederhana, 5 bersetuju, 6 untuk sangat bersetuju dan 7 sangat-sangat bersetuju.

4.7.2.1 Kepakaran Jawatankuasa Audit

Ciri-ciri jawatankuasa yang diuji ialah tahap kompetensi ahli jawatankuasa audit koperasi. Kompetensi dikategorikan kepada kepakaran ahli jawatankuasa audit dalam menjalankan tugas secara berkesan (Mohiuddin, 2012). Kepakaran ahli jawatankuasa audit koperasi akan diukur dalam soalan kaji selidik menggunakan *skel-likert 7* mata. Sebanyak 5 item soalan digunakan bagi mengukur kepakaran dan dikemukakan kepada responden. Item-item soalan untuk kepakaran adalah mencerminkan tahap kepakaran. Berikut adalah item soalan yang digunakan bagi mengukur ciri-ciri kepakaran dalam jawatankuasa audit:

Jadual 4.8
Skala Pengukuran Kepakaran
Jawatankuasa Audit

Bil	Kepakaran:
1	Ahli jawatankuasa audit koperasi dikehendaki mempunyai kepakaran perakaunan dan kewangan dalam melaksanakan tanggungjawab.
2	Kursus perakaunan dan kewangan yang dianjurkan oleh SKM/MKM dapat meningkatkan kepakaran dalam bidang perakaunan dan kewangan.
3	Ahli jawatankuasa audit koperasi perlu mendapat pendidikan secara formal dalam bidang perakaunan dan kewangan bagi meningkat kepakaran.
4	Ahli jawatankuasa audit koperasi yang mendapat pendidikan secara formal mempunyai tahap kompetensi yang baik dalam menjalankan tugas.
5	Penyertaan dalam aktiviti keahlian badan profesional seperti <i>MIA</i> dapat menambahkan tahap kepakaran perakaunan dan kewangan.

4.7.2.2 Pengalaman Jawatankuasa Audit

Pengalaman juga merupakan salah satu ciri-ciri jawatankuasa audit bagi mengukur tahap kompetensi ahli jawatankuasa terhadap kepatuhan laporan kewangan (Nelson & Devi, 2013). Dimensi pengalaman ahli jawatankuasa audit koperasi diukur dalam soalan kaji selidik menggunakan *skel-likert 7* mata. Sebanyak 5 item soalan digunakan bagi mengukur pengalaman dan dikemukakan kepada responden. Item soalan untuk pengalaman adalah menggambarkan pengalaman ahli jawatankuasa audit terhadap pekerjaan mereka yang lepas. Pengukuran ini digunakan bagi mengetahui ciri-ciri pengalaman dalam menentukan tahap kompetensi jawatankuasa audit koperasi dalam menjalankan tugas bagi memastikan laporan kewangan yang disediakan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berikut adalah item soalan untuk mengukur pengalaman ahli jawatankuasa audit:

Jadual 4.9
Skala Pengukuran Pengalaman
Jawatankuasa Audit

Bil	Pengalaman:
1	Pengalaman memainkan peranan dalam menjalankan tugas sebagai pemantau kepada aktiviti dan laporan kewangan.
2	Ahli jawatankuasa audit koperasi adalah efektif jika mereka mempunyai pengalaman sebagai jawatankuasa audit di koperasi lain.
3	Ahli jawatankuasa audit koperasi adalah berkesan dalam melaksanakan tugas memantau laporan kewangan, jika pernah menganggotai ALK.
4	Pengalaman bekerja dalam sektor pengauditan memainkan peranan penting bagi meningkatkan tahap kecekapan ahli jawatankuasa audit koperasi.

5	Penyertaan dalam aktiviti keahlian badan profesional seperti MIA dapat memberi pengalaman kepada ahli jawatankuasa audit koperasi.
---	--

4.7.2.3 Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit

Ciri-ciri jawatankuasa yang seterusnya ialah kebebasan. Kebebasan merupakan ciri yang penting bagi memastikan tugas yang dijalankan oleh jawatankuasa audit koperasi lebih adil dan saksama serta tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak (Hamid *et al.*, 2015). Pengukuran bagi tahap kebebasan adalah dengan menggunakan tempoh lantikan ahli jawatankuasa menganggotai jawatankuasa tersebut (Sharma & Iselin, 2012). Diukur dalam soalan kaji selidik menggunakan skel-*likert* 7 mata. Sebanyak 5 item soalan digunakan bagi mengukur tempoh lantikan ahli jawatankuasa. Berikut adalah item yang digunakan untuk mengukur tempoh lantikan jawatankuasa audit:

Jadual 4.10
Skala Pengukuran Tempoh Lantikan
Jawatankuasa Audit

Bil	Tempoh Lantikan:
1	Pelantikan Ketua ahli jawatankuasa audit adalah diputuskan dalam kalangan ahli jawatankuasa audit dan tidak dipengaruhi oleh ahli lembaga koperasi.
2	Pelantikan semula ahli jawatankuasa audit yang telah tamat tempoh tidak mempengaruhi tahap kebebasan.
3	Pelantikan semula ahli jawatankuasa audit koperasi adalah berdasarkan prestasi.
4	Seseorang ahli jawatankuasa audit koperasi yang berkhidmat terlalu lama, ia tidak mempengaruhi tahap kebebasan.
5	Tempoh perkhidmatan jawatankuasa audit koperasi yang panjang dapat memberi kemahiran apabila menghadapi isu-isu yang kompleks.

4.7.2.4 Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Ciri-ciri jawatankuasa yang seterusnya diuji di dalam kajian ini ialah keaktifan jawatankuasa audit koperasi. Keaktifan didefinisikan sebagai aktiviti jawatankuasa audit yang dilakukan bagi memantapkan jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Salah satu dimensi bagi mengukur keaktifan adalah kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit dalam menjalankan tugas pengawasan dan pemantauan (Barua *et al.*, 2010). Sebanyak 5 item soalan digunakan bagi mengukur kekerapan mesyuarat. Kekerapan mesyuarat akan diukur dalam soalan kaji selidik menggunakan skel-*likert* 7 mata. Soal selidik ini menggambarkan kekerapan jawatankuasa audit bertemu dan bermesyuarat bagi memastikan kepatuhan laporan kewangan kepada garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Berikut adalah item yang digunakan untuk mengukur kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit:

Jadual 4.11
Skala Pengukuran Kekerapan Mesyuarat
Jawatankuasa Audit

Bil	Kekerapan Mesyuarat:
1	Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit koperasi adalah mencukupi untuk menjalankan tugas secara berkesan.
2	Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit dapat menyelesaikan isu dan teguran kepada perkara berbangkit.
3	Kekerapan mesyuarat merupakan faktor penyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan koperasi.
4	Kekerapan mesyuarat yang dicadangkan dalam arahan SKM adalah mencukupi.
5	Pematuhan syarat minimum mesyuarat yang ditetapkan oleh SKM dapat menyumbang kepada keberkesanan tugas jawatankuasa audit.

4.7.2.5 Saiz Jawatankuasa Audit

Saiz jawatankuasa audit adalah salah satu komponen dalam komposisi. Saiz jawatankuasa audit adalah mengukur tahap keaktifan dan kekuatan jawatankuasa audit (Mohiuddin, 2012). Saiz jawatankuasa audit diukur dengan menggunakan skala-*likert* 7 mata dan sebanyak 5 item soalan dibina bagi mengetahui sama ada saiz jawatankuasa audit dapat mempengaruhi tahap kepatuhan. Berikut adalah item yang digunakan untuk mengukur saiz jawatankuasa audit:

Jadual 4.12
*Skala Pengukuran Saiz
Jawatankuasa Audit*


Bil	Saiz jawatankuasa audit:
1	Saiz jawatankuasa audit koperasi yang dianggotai adalah sesuai dengan tugas-tugas pengawasan dan pemantauan.
2	Saiz jawatankuasa audit merupakan faktor penyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan.
3	Saiz jawatankuasa audit yang terlalu besar adalah tidak begitu efektif.
4	Saiz jawatankuasa audit yang terlalu besar boleh menjejaskan tahap kebebasan dan kerahsiaan.
5	Saiz jawatankuasa audit yang ditetapkan oleh SKM merupakan saiz yang ideal.

4.8 Pengumpulan Data

Terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan untuk mengutip data. Ini termasuk temuduga, soalan kaji selidik, pemerhatian dan lain-lain lagi. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah soalan kaji selidik bagi ciri-ciri jawatankuasa audit dan data sekunder untuk tahap kepatuhan. Soalan kaji selidik dikutip dalam kalangan ahli jawatankuasa audit semasa mereka menghadiri satu seminar yang bertajuk 'Pengenalan Pengauditan Berkomputer Sektor Koperasi' dilakukan pada 28 November 2015 pada jam 9.30 pagi dengan kerjasama antara penyelidik dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan bersama pegawai bertanggungjawab, Encik Mohamad Bin Ali (Pegawai Ekonomi, SKM Cawangan Kelantan no telefon: 09-7482090) dan penceramah jemputan Puan Che Rokiah Binti Mohamad (Pensyarah Kanan Pengauditan no telefon: 010-8032682). Seramai 195 ahli jawatankuasa audit yang hadir mewakili 65 buah koperasi (1 koperasi diwakili oleh 3 ahli jawatankuasa audit) semasa seminar tersebut dijalankan.

Namun demikian, agihan soalan kaji selidik terhad kepada 177 ahli jawatankuasa audit yang mewakili 59 buah koperasi. Segala maklum balas dalam kaji selidik tersebut disemak dengan teliti untuk mengelak kehilangan maklumat yang diperlukan. Ahli jawatankuasa

audit yang menjawab soalan kaji selidik tersebut dikehendaki menulis nama koperasi yang diwakili oleh mereka bagi mengenal pasti tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi tersebut. Setelah mengenal pasti 59 buah koperasi, maka pada jam 11.00 pagi bertarikh 30 November 2015, penyelidik telah menghadiri temujanji bersama pegawai ekonomi Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Kelantan untuk mendapatkan data tahap kepatuhan garis pemasaran dan piawai perakaunan. Penyelidik berjaya mendapatkan data tahap kepatuhan laporan kewangan (*secondary data*) setelah mendapat akses kepada Sistem Modul Laporan Kewangan Koperasi yang telah dibenarkan oleh pegawai ekonomi tersebut iaitu Encik Mohamad Bin Ali. Kesemua data kepatuhan untuk 59 buah koperasi tersebut berjaya diperolehi.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Kaedah Dyadic telah digunakan untuk membuat padanan antara responden ciri-ciri jawatankuasa audit dengan tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi. Maklum balas soalan kaji selidik yang diberikan oleh jawatankuasa audit akan dipadankan dengan tahap kepatuhan laporan kewangan. Proses ini menjadi licin kerana penyelidik telah mengenal pasti koperasi yang diwakili oleh ahli jawatankuasa tersebut berdasarkan nama koperasi yang tertera dalam soalan kaji selidik tersebut dan dipadankan dengan tahap kepatuhan koperasi. Oleh itu, 177 ahli jawatankuasa berjaya dipadankan dengan

59 buah koperasi yang diwakili oleh mereka, kaedah ini dikenali sebagai Kaedah Dyadic (A.Kenny, 2006).

4.9 Kajian Rintis


Kajian sains sosial amat memberi penekanan mengenai kajian rintis supaya soalan kaji selidik yang dibangunkan difahami dan sah dari segi statistik. Menurut Sudman (1996), walaupun kajian rintis ini mengambil masa, namun begitu ianya adalah satu keperluan untuk mengetahui tahap kualiti soalan kaji selidik. Harp dan Sayer (1986) pula berpendapat kajian rintis memberi peluang membuat penambahbaikan terhadap soalan kaji selidik.

Oleh yang demikian, soalan kaji selidik ini telah dihantar kepada tiga kategori bagi tujuan penambahbaikan kepada soalan tersebut. Kategori tersebut adalah akademik, jawatankuasa audit dan pelajar. Jadual di bawah menunjukkan kajian rintis dilakukan serta maklum balas sebelum menyediakan soalan kajian selidik yang sebenarnya.

Jadual 4.13
Kategori Responden Kajian Rintis

Kategori	Jumlah hantar	Maklum balas	Kadar maklum balas
Akademik	20	12	60%
Jawatankuasa audit	10	8	80%
Pelajar	10	10	100%

Kesemua soalan kaji selidik telah dihantar bersama surat iringan untuk memaklumkan kepada responden tentang objektif kajian rintis ini. Hasil yang diterima mencadangkan agar bahasa teknikal dibuang daripada soalan kaji selidik bagi memastikan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi lebih memahami soalan yang dikemukakan. Cadangan dan penambahbaikan telah diambil kira dalam penyediaan soalan kaji selidik yang sebenarnya.



4.9.1 Analisis Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merupakan perkara yang penting dalam kajian. Kebolehpercayaan adalah mengenai keputusan ujian yang dilakukan terhadap soalan kaji selidik pada setiap pemboleh ubah. Keputusan tersebut menggambarkan tahap kebolehpercayaan terhadap soalan kaji selidik pada setiap pemboleh ubah (Reda, 1992). Analisis kebolehpercayaan terhadap ukuran bagi sesuatu konstruk menentukan ketekalan atau konsistensi instrumen tersebut dengan konsep yang diukur (Murphy & De Shon, 2000).

Oleh yang demikian, bagi mengukur tahap kebolehpercayaan, maka bukti statistik digunakan. *Cronbach Alpha* boleh dikatakan petunjuk yang baik bagi mengukur kebolehpercayaan (Sekaran, 2000). Tahap kebolehpercayaan bergantung kepada tujuan kajian (Saunders *et al.*, 2007). Nilai *alpha* yang rendah boleh diterima jika ukurannya baru. Pada amnya, nilai *alpha* kurang daripada 0.6 dikira sebagai tidak baik, manakala nilai dalam lingkungan 0.61 sehingga 0.79 baik dan 0.8 dan ke atas dianggap sebagai sangat baik (Sekaran, 2000). Oleh yang demikian, minimum *cronbach alpha* untuk kajian ini adalah 0.77 dan dianggap sebagai kebolehpercayaan yang baik (Mohiuddin, 2012).

Keputusan ujian yang dilakukan terhadap kajian rintis yang dibuat dalam kalangan golongan akademik, jawatankuasa audit dan pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 4.14
Keputusan Ujian Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis (N=30)

Bil.	Konstruk	Cronbach Alpha
1.	Kepakaran jawatankuasa audit (PK)	0.88
2.	Pengalaman dalam bidang pengauditan (PG)	0.82
3.	Tempoh lantikan (KB)	0.77
4	Kekerapan mesyuarat dalam tempoh perakaunan (KM)	0.85
5.	Saiz jawatankuasa audit (SZ)	0.79

Berdasarkan Jadual 4.14, kebolehpercayaan soalan kaji selidik pada setiap pemboleh ubah adalah baik. *Cronbach Alpha* pada setiap pemboleh ubah melebihi nilai yang telah ditetapkan (Sekaran, 2000). Sehubungan dengan itu, kebolehpercayaan kepada item soalan kaji selidik adalah baik dan difahami. Namun demikian, tahap kepatuhan tidak dibuat analisa kebolehpercayaan kerana menggunakan data yang sebenar (*secondary data*), sehubungan dengan itu analisis tersebut tidak dilakukan.

4.10 Teknik Menganalisis Data

Langkah-langkah untuk membuat analisis data ialah mengkodkan responden, memeriksa dan memilih data yang dipercayai sebelum melakukan teknik-teknik penganalisan data (Sekaran, 2000). Pemeriksaan data harus dilakukan untuk memastikan data bebas daripada kesilapan dan juga agar data yang diperolehi sesuai dengan andaian statistik. Antara pemeriksaan data yang perlu dilakukan di dalam PLS-SEM adalah mengenal pasti nilai data hilang, membuat rawatan ke atas titik terencil (*outlier*) dan memeriksa kenormalan data (Hair, Hult, Ringle, & Sarstedt, 2014). Perisian statistik SPSS versi 22 telah digunakan untuk membuat kerja-kerja pemeriksaan data

ini, manakala bagi mengukur data untuk mendapat hasil kajian, perisian PLS-SEM versi 3 digunakan.

4.10.1 Pemeriksaan Data


Selepas maklumat diperolehi daripada responden, maka maklumat itu haruslah dikod secara sistematik sebelum dimasukkan ke dalam perisian statistik (Zikmund, Carr, Griffi, & Fuller-jacobsen, 2010).

Proses ini dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS versi 22.

Maklumat yang dikod dalam bentuk nombor akan dimasukkan ke dalam SPSS. Selesai proses memasukkan ke dalam SPSS, maka maklumat tersebut dipanggil data. Pemeriksaan data harus dilakukan untuk memastikan data yang diperolehi bebas daripada kesilapan dan kesalahan semasa proses memasukkan maklumat respoden ke dalam SPSS. Menurut Zikmund (2003) objektif membuat pemeriksaan data adalah untuk memastikan keputusan kajian adalah tepat dan konsisten dengan fenomena yang benar-benar berlaku. Penggunaan pemeriksaan data ini diterangkan pada bab yang seterusnya.

4.10.2 Ujian Nilai Data Hilang

Pemeriksaan data harus dilakukan bagi memastikan segala soalan kaji selidik dijawab oleh responden dengan sempurna. Jika terdapat soalan tidak dijawab, maka responden tersebut harus dihubungi dengan kadar segera untuk mengurangkan berlakunya kes-kes nilai data hilang (*missing value*) akibat daripada kegagalan responden menjawab soalan kaji selidik. Selepas daripada proses mengutip maklumat, maklumat tersebut akan dimasukkan ke dalam SPSS versi 22. Kaedah analisis statistik deskriptif digunakan untuk memastikan tidak ada nilai data hilang berlaku.



Menurut Hair, Black, Babin dan Anderson, (2009), jika kes nilai hilang tidak lebih daripada 15 peratus, maka responden tersebut boleh dibuang daripada analisis dengan syarat jumlah sampel masih mencukupi untuk dianalisis. Perkara sama juga dicadangkan oleh Tabachnick dan Fidell (2007). Walau bagaimanapun dalam kes sampel saiz yang tidak mencukupi, nilai data hilang tadi boleh digunakan dengan melakukan proses taburan nilai data hilang dan menukarnya kepada nilai normal (Tsikriktsis, 2005). Kajian ini mengguna pakai ujian nilai data hilang pada bab seterusnya.

4.10.3 Penilaian Titik Terpencil

Langkah seterusnya dalam pemeriksaan data ialah dengan membuat penilaian ke atas titik terpencil (*outliers*). Titik terpencil (*outliers*) ini berlaku adalah disebabkan oleh responden memberi jawapan yang terlalu eksterim (Sekaran, 2000). Hal ini boleh memberi kesan kepada data yang dianalisis dan menyebabkan hasil kajian menjadi tidak signifikan (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Sehubungan dengan itu, untuk menyelesaikan masalah tersebut, maka *Mahalanobis Distance* (D2) akan digunakan. Perisian SPSS boleh menjana nilai *Mahalanobis Distance* (D2). Nilai tersebut dibandingkan dengan menggunakan Jadual *Chi-Square*. Jika nilai *Mahalanobis Distance* (D2) melebihi nilai Jadual *Chi-Square* maka titik terpecil (*outliers*) tadi akan dibuang terus dari dianalisis untuk peringkat seterusnya.

4.10.4 Ujian Kenormalan Data

Walaupun perisian PLS-SEM adalah untuk data yang tidak normal dan kaedah statistik *non-parametric* digunakan, namun begitu kenormalan data juga haruslah diuji dengan kaedah *skewness* dan *kurtosis*. *Skewness* adalah proses penilaian yang mana taburan data berbentuk simetri manakala *kurtosis* pula adalah ukuran sama ada

agihan data berpuncak (agihan di antara responden adalah sama dan tidak menunjukkan jarak agihan yang jauh). Menurut Hair *et al.* (2014) nilai skewness dan kurtosis hendaklah dalam julat -1 dan +1. Peraturan umum ini penting bagi memastikan hasil kajian adalah signifikan.

4.11 Analisis Multivariat Permodelan Persamaan Struktur – PLS (SEM)

Analisis multivariat permodelan persamaan struktur (SEM) adalah merupakan teknik analisis generasi kedua. SEM merupakan teknik analisis statistik yang kompleks dan bertujuan untuk memaksimumkan penjelasan mengenai varian kepada pembolehubah *endogenous* (Hair, Ringle, & Sarstedt, 2011). Kaedah PLS-SEM digunakan untuk menganalisa data, kerana PLS-SEM membuat penilaian terhadap model pengukuran dan model struktur dengan mengambil kira kestabilan parameter dengan kata lain PLS-SEM mampu mengeluarkan model prediktif (Hair *et al.*, 2014).

4.11.1 Kenapakah Menggunakan PLS-SEM?

Pemahaman mengenai andaian statistik merupakan perkara asas yang perlu dimiliki oleh penyelidik sebelum memilih kaedah analisis yang sesuai bagi mencapai objektif kajian, pengukuran model yang dibuat dan ciri-ciri data yang diperolehi. Pemilihan PLS-SEM sebagai kaedah analisis statistik dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada berikut:

1. Data yang diperolehi dalam kajian ini adalah taburan tidak normal. Oleh yang demikian, menurut Hair *et al.* (2014) jika taburan data tidak normal maka menggunakan PLS-SEM adalah relevan. PLS-SEM menggunakan kaedah mekanisma kalibrasi (*bootstrapping*) iaitu cubaan menukarkan data tidak normal kepada data normal.
2. Objektif kajian adalah membentuk model ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi. Menurut Chin (1998), Wetzels, Odekerken-Schröder dan van Oppen (2009), analisis multivariat permodelan persamaan struktur akan mengukur penilaian model struktur antara konstruk, pekali laluan yang menentukan signifikan, pekali penentuan (R^2), saiz kesan (f^2), kerelevanan prediktif (Q^2) menjadikan pengukuran lebih tepat, walaupun dalam keadaan data tidak normal.

3. Signifikan antara pembolehubah (nilai $p = 0.05$) adalah ditunjuk melalui model (Sosik, Kahai, & Piovosio, 2009).
4. PLS-SEM telah diterima secara meluas oleh penyelidik-penyelidik daripada pelbagai bidang ilmu termasuklah dalam bidang gelagat manusia, pemasaran (Hair *et al.*, 2014), pengurusan sistem maklumat (Chin, Marcolin, & Newsted, 2003) dan strategi perniagaan (Capron & Hulland, 1999). Oleh itu PLS-SEM tidak mempunyai isu-isu teknikal apabila menggunakan pakai data taburan tidak normal dan sesuai bagi kajian ini.

4.11.2 Prosedur PLS-SEM

Terdapat 2 tahap analisis pengukuran dengan menggunakan kaedah PLS-SEM. **Tahap 1:** Penilaian kepada model pengukuran, bergantung kepada pelbagai analisis yang dibuat sama ada penilaian model dalam bentuk pengukuran reflektif, pengukuran formatif atau kedua-duanya. Jika penilaian kepada model pengukuran memenuhi kriteria yang ditetapkan, maka langkah-langkah pengukuran seterusnya akan dilakukan. **Tahap 2:** Penilaian kepada model struktur (Hair *et al.*, 2014). Tahap 2 merangkumi penilaian kepada teori model, iaitu mengukur hubungan antara konstruk sama ada mempunyai hubungan peramal yang kuat atau sebaliknya. Penilaian

pada tahap 2, akan menguji hipotesis sama ada signifikan atau tidak (Hair *et al.*, 2011).

4.11.3 Pengukuran Model Reflektif

Di dalam pengujian kepada ketekalan dalaman adalah dengan melihat kebolehpercayaan indikator dengan memeriksa pemuatan luar (*outer loading*), kesahihan pemusatan (*convergent validity*), kesahihan diskriminan (*discriminant validity*) dan kebolehpercayaan komposit (*composite reliability*) dianalisis.

4.11.3.1 Ujian Kebolehpercayaan Indikator

Kebolehpercayaan indikator adalah diukur dengan menggunakan pemuatan luar tinggi (*high outer loading*). Kesemua indikator pemuatan luar tinggi mestilah dibuktikan secara statistik. Peraturan umum pemuatan luar tinggi mestilah pada nilai 0.708 ataupun lebih tinggi (Hair *et al.*, 2014). Rasional kepada nilai tersebut ialah apabila pemuatan luar di kuasaduakan nilainya sama dengan atau melebihi 0.50. Jika nilai pemuatan luar tinggi kurang daripada 0.708 maka item soalan itu hendaklah dibuang daripada pengukuran. Walau bagaimanapun, menurut Hair, Ringle dan Sarstedt (2011) jika nilai

pemuatan luar tinggi kurang daripada 0.708 tetapi memenuhi kriteria nilai purata varian terekstrak iaitu 0.50, maka item soalan itu tidak perlu dibuang daripada pengukuran kerana mampu menerangkan indikator varian sebanyak 50 peratus.

4.11.3.2 Ujian Kesahihan Pemusatan

Kesahihan pemusatan (*convergent validity*) adalah mengukur sejauh mana setiap daripada konstruk dapat menjelaskan sesuatu varians.

Kesahihan pemusatan ini menggunakan nilai purata varian terekstrak (AVE) untuk menerangkan hubungan antara item soalan dengan setiap konstruk. Purata varians terekstrak adalah nilai purata besar kuasa dua pemuatan setiap indikator yang berkaitan dengan konstruk. Nilai purata varians terekstrak 0.50 atau lebih adalah diterima. Pada nilai tersebut, dapat menjelaskan bahawa secara purata sebanyak 50% konstruk dapat menerangkan varians tersebut.

4.11.3.3 Ujian Kesahihan Diskriminan

Kesahihan diskriminan (*discrimant validity*) adalah satu piawaian empirikal untuk mengetahui sejauh mana sesuatu konstruk itu berbeza dengan konstruk yang lain dalam satu model. Penilaian kesahihan diskriminan adalah dengan memeriksa pemuatan silang. Kaedah yang

terkenal untuk menguji kesahihan diskriminan adalah kriteria Fornell & Larcker (1981). Garis panduan yang disyorkan untuk memeriksa kesahihan diskriminan ialah pemuatan luar indikator pada konstruk yang berkaitan harus lebih besar daripada semua pemuatan ke atas konstruk lain. Jika pemuatan luar indikator pada konstruk mempunyai nilai yang besar secara konsisten, maka konstruk tersebut adalah mempunyai kesahihan diskriminan (Hair *et al.*, 2014).

4.11.3.4 Ujian Ketekalan Dalaman

Dalam menilai ketekalan dalaman, analisis kebolehpercayaan komposit adalah dirujuk (Jöreskog, 1971). Keputusan analisis kebolehpercayaan komposit di bawah 0.60 tidak boleh dipertimbangkan kerana ketekalan dalaman adalah lemah (Hair *et al.*, 2014). Nilai kebolehpercayaan komposit di antara 0.60 sehingga 0.70 adalah diterima untuk kajian penerokaan (Hair *et al.*, 2014). Manakala untuk nilai di antara 0.70 sehingga 0.90 adalah memuaskan dan baik (Nunally & Bernstein, 1994). Nilai kebolehpercayaan komposit melebihi 0.90 adalah bermasalah dan berlebihan. Nilai melebihi 0.90 menunjukkan semua indikator konstruk mengukur fenomena yang sama dan kolerasi yang melampau dalam kalangan indikator (Drolet & Morrison, 2001).

4.11.4 Penilaian Model Struktur

Proses menganalisis model struktur adalah termasuk dengan menguji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah dalam model yang dicadangkan serta memeriksa kolineariti dan pekali laluan. PLS-SEM tidak mempunyai indeks ketepatan (*goodness of fit*) terhadap sesuatu model penilaian, namun demikian sebagai alternatif kepada indeks ketepatan, PLS-SEM membuat pengukuran terhadap model penilaian adalah berdasarkan kepada keupayaan untuk menjangkakan pemboleh ubah *endogenous*. Berikut adalah kriteria untuk memudahkan pengukuran model struktur iaitu pekali penentuan (R^2), saiz kesan (f^2) dan kerelevanan prediktif (Q^2).

Oleh kerana data dalam PLS-SEM ini adalah tidak normal, maka penyelidik mestilah menggunakan kaedah *bootstrapping* untuk menentukan tahap signifikan setiap daripada indikator varian. *Bootstrapping* adalah satu teknik persampelan semula yang dibuat secara ralat sampel (*try and error*). *Bootstrapping* akan membuat sub-sampel dalam kuantiti yang banyak dan melebihi daripada saiz sampel yang sebenarnya bagi mendapat data yang normal.

4.11.4.1 Ujian Penilaian Kolineariti

Penilaian kolineneariti dalam PLS-SEM adalah dengan melihat kepada varian faktor melampau (*Variance inflated factor*). Jika VIF melebihi dari 5 maka kolineariti antara konstruk adalah wujud. Oleh yang demikian bagi mengatasi masalah tersebut, penyelidik harus membuang konstruk yang terlampau kolineariti, ataupun menggabungkan antara konstruk-konstruk ataupun mewujudkan konstruk arah tinggi agar masalah kolineariti tersebut dapat diselesaikan (Hair *et al.*, 2014).

4.11.4.2 Ujian Pekali Laluan

Selepas daripada proses *bootstrapping* dilakukan terhadap penilaian model, ujian hipotesis akan ditunjukkan bagi setiap varian. Pekali laluan adalah mengikut piawaian antara julat -1 dan +1, yakni pekali laluan yang menghampiri +1 menunjukkan hubungan positif yang kukuh manakala pekali laluan yang menghampiri -1 adalah hubungan negatif yang kukuh. Selepas daripada proses *bootstrapping* dilakukan, keputusan pekali laluan diberikan. Nilai t-stastistik akan ditunjukkan pada pekali laluan. Nilai t melebihi 1.96 dan manakala nilai p tidak melebihi 0.05 adalah signifikan dengan mengguna pakai ujian *two-tailed*.

4.11.4.3 Ujian Pekali Penentuan (R^2)

Pekali Penentuan (R^2) adalah untuk mengukur ketepatan prediktif penilaian model. Julat pekali penentuan adalah antara 0 hingga 1 bagi memberi petunjuk ketepatan prediktif. Oleh kerana R^2 adalah tidak spesifik kepada mana-mana peraturan dalam bidang kajian, maka penerimaan R^2 ini dalam bidang pemasaran adalah seperti berikut 0.75, 0.50 dan 0.25 yang menerangkan ketepatan prediktif besar, sederhana dan lemah (Hair *et al.*, 2011). Walau bagaimanapun menurut Hair *et al.* (2014), jika kajian dilakukan dalam bidang gelagat dan perangai manusia, nilai R^2 0.20 dikatakan tinggi dan besar ketepatan prediktif.

4.11.4.4 Ujian Saiz Kesan (f^2)

Saiz kesan setiap daripada pekali laluan dapat ditentukan melalui pengiraan dengan menggunakan pakai *Cohen's f²*. Saiz kesan f^2 adalah ukuran kesan prediktif konstruk tertentu pada pemboleh ubah *endogenous*. Saiz kesan dapat menerangkan perubahan pada R^2 jika salah satu pemboleh ubah *exogeneous* tertinggal atau terpotong daripada model.

Saiz kesan ini bertujuan untuk menjelaskan jika sesuatu peramal tertinggal dalam konstruk, adakah ianya memberi kesan kepada perubahan tersebut. Menurut Cohen (1988), nilai saiz kesan 0.02, 0.15 dan 0.35 masing-masing memberi kesan yang kecil, sederhana dan besar kepada pemboleh ubah *exogeneous* yang tertinggal atau terpotong dalam model.

4.11.4.5 Ujian Kerelevanan Prediktif

Kerelevanan prediktif diukur dengan menilai *cross validated redundancy*, menggunakan nilai Q^2 . Nilai Q^2 adalah petunjuk kepada model kerelevanan prediktif (Geisser, 1974). Pengukuran Q^2 adalah menggunakan teknik sampel semula terhadap bahagian data matrik yang tertinggal dan menggunakan model anggaran untuk meramal bahagian data yang tertinggal (Stone, 1974). Nilai Q^2 0.02, 0.15 dan 0.35 masing-masing memberi kesan kerelevanan prediktif kecil, sederhana dan besar. Nilai Q^2 kosong atau kecil menunjukkan kekurangan kerelevanan prediktif dan nilai sebaliknya menunjukkan kekuatan (Hair, Sarstedt, Hopkins, & Kuppelwieser, 2014).

BAB 5:

ANALISIS DAN PENEMUAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang teknik-teknik penganalisan data dan keputusan kajian. Teknik analisis data adalah menggunakan pakai PLS-SEM. Keputusan kajian ini dibincangkan sepertimana yang telah ditetapkan teknik penganalisan data dalam bab sebelum ini. Dalam bab ini juga dibincangkan kadar responden, statistik deskriptif digunakan bagi menerangkan responden profil. Teknik-teknik pemeriksaan data yang digunakan juga diterangkan untuk memastikan data tersebut boleh dipercayai untuk dianalisis. Antara teknik-teknik pemeriksaan data yang digunakan ialah menguji nilai data hilang, membuang titik terpencil (*outliers*) dan membuat ujian kenormalan dengan melihat kepada *skewness* dan *kurtosis*. Kemudiannya, sebaik mendapat data yang boleh dipercayai, maka analisis PLS-SEM dijalankan dengan membuat anggaran model pengukuran, penilaian pengukuran model reflektif. Akhirnya, penilaian model struktur pula dibuat untuk menguji hipotesis yang dibahas dalam bab yang lepas. Kerelevanan prediktif juga dibincangkan hasil daripada keputusan analisis deskriptif.

5.2 Kadar Responden

Sebanyak 177 soalan kaji selidik telah diagihkan kepada responden iaitu ahli jawatankuasa audit yang mewakili 59 buah koperasi semasa seminar Pengenalan Pengauditan Berkomputer berlangsung di Dewan Seminar Bangunan Persekutuan. Penceramah seminar ini ialah Puan Che Rokiah Binti Mohamad, merupakan Pensyarah Kanan bidang pengauditan dari Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awalan kepada teknik pengauditan berkomputer. Peserta-peserta seminar adalah terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa audit koperasi yang berdaftar di negeri Kelantan. Kebanyakan peserta adalah daripada ahli jawatankuasa audit koperasi yang berkluster sederhana dan kecil.

Sebelum seminar tersebut bermula, penyelidik mengagihkan soalan kaji selidik kepada peserta. Semasa seminar berlangsung, penyelidik mendapatkan maklum balas dan menyemak bagi memastikan segala soalan dijawab dengan lengkap. Jika maklumat tidak lengkap soalan kaji selidik akan dikembalikan semula kepada peserta semasa makan tengah hari. Hasil kerjasama yang diberikan oleh En Mohamad Bin Ali iaitu Pegawai Ekonomi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan menyebabkan keseluruhan jumlah tersebut dapat dikutip

sepenuhnya. Namun demikian sebanyak 7 responden masih gagal menjawab keseluruhan soalan kaji selidik. Oleh yang demikian hanya 170 sahaja yang dimasukkan ke dalam perisian SPSS. Manakala untuk data pematuhan garis masa dan piawai perakaunan, penyelidik telah berkunjung ke Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan, hasilnya penyelidik berjaya mendapat maklumat tersebut juga daripada Encik Mohamad Bin Ali, Pegawai Statistik, SKM Cawangan Kelantan.

5.3 Pemeriksaan Data

Kemasukan data yang salah sering kali berlaku, sehubungan dengan itu pemeriksaan data harus dilakukan bagi memastikan tiada nilai hilang berlaku, data yang sah dan bebas daripada jawapan yang berat sebelah oleh responden. Bagi melakukan pemeriksaan tersebut SPSS versi 22 digunakan agar ujian statistik dapat dilakukan dengan sempurna supaya data tersebut boleh dipercayai. Selepas mendapat data yang sah, PLS-SEM versi 3 digunakan untuk menganalisa data, seterusnya keputusan kajian diperolehi.

5.3.1 Analisis Nilai Data Hilang

Data yang tidak lengkap sering kali diperolehi kesan daripada kegagalan responden menjawab soalan kaji selidik selengkapnya. Berdasarkan kajian Cavana, Delahaye dan Sekaran (2001), nilai hilang merupakan satu kebimbangan jika menjalani kajian secara kuantitatif kerana boleh mempengaruhi keputusan kajian secara negatif. Oleh yang demikian, dengan mengguna fungsi *expectation maximization* di dalam SPSS, keputusan selepas menjalani ujian hilang nilai adalah seperti berikut:

Jadual 5.1

Keputusan Analisis Data Hilang

There are no missing values. MPATTERN is not produced.
There are no missing values. TPATTERN is not produced.

Berdasarkan Jadual 5.1, tidak ada nilai data hilang, responden-responden menjawab soalan kajian dengan baik selepas pemantauan rapi dibuat.

5.3.2 Penilaian Titik Terpencil

Menurut Hair *et al.* (2010) wujudnya titik terpencil (*outliers*) adalah disebabkan oleh responden cenderung untuk memberi maklum balas secara eksterim menyebabkan nilai yang diberikan terlalu tinggi antara

responden. Pelbagai cara boleh digunakan untuk mengenal pasti titik terpencil (*outliers*) ini, sama ada menggunakan *boxplots* di dalam SPSS ataupun dengan menggunakan kaedah *Mahalanobis distance*. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan kaedah *Mahalanobis distance* untuk mengenal pasti titik terpencil (*outliers*).

Kaedah *Mahalanobis distance* ini diperolehi dengan membuat proses *regression* di dalam SPSS, dan nilai D^2 akan dijana melalui proses tersebut. Asas kepada mengenal pasti titik terpencil (*outliers*) adalah dengan membuat bandingan di antara nilai D^2 dengan nilai *chi-square* (χ^2). Nilai *chi-square* (χ^2) diperolehi hasil daripada jadual statistik berdasarkan jumlah item-item dalam kajian.

Terdapat dua belas (12) responden terpaksa dibuang akibat daripada memperoleh nilai *Mahalanobis distance* melebihi nilai *chi-square* (χ^2) = 40.11. Oleh itu, responden bernombor 8,13,23,33,50,51,56,59,62,75,112 dan 117 dikenali sebagai titik terpencil (*outliers*). Oleh sebab itu, responden-responden berikut terpaksa dibuang daripada analisa pada peringkat seterusnya. Akhirnya, jumlah data telah berkurangan kepada 158 responden untuk dianalisa.

5.3.3 Kenormalan Data

Data normal tidak diperlukan di dalam PLS-SEM kerana analisa statistik dibuat berdasarkan kepada kaedah *non-parametric*. Nilai *skewness* dan *kurtosis* bukan merupakan isu yang besar, namun begitu nilai yang diterima pakai adalah *skewness* dan *kurtosis* pada tahap -1 dan +1 (Hair *et al.*, 2014). Jadual 5.2 menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis*

Jadual 5.2
Nilai Skewness dan Kurtosis

Item Soalan	Skewness	Kurtosis
PK1	-0.337	-0.840
PK2	-0.416	-0.522
PK3	-0.446	-0.482
PK4	-0.515	-0.031
PK5	-0.317	-0.598
PG1	-0.349	-0.681
PG2	-0.157	-0.624
PG3	-0.116	-0.249
PG4	-0.145	-0.625
PG5	-0.278	-0.545
KB1	-0.169	-0.484
KB2	-0.320	0.192
KB3	-0.044	-0.900
KB4	-0.385	-0.008
KB5	-0.065	-0.326
KM1	-0.158	-0.076
KM2	0.219	0.619
KM3	0.118	-0.405
KM4	-0.191	-0.222
KM5	-0.341	0.342
SZ1	-0.133	-0.398
SZ2	0.198	-0.233
SZ3	-0.052	-0.017

sambungan...

SZ4	0.078	-0.771
SZ5	0.089	-0.517
GP1	0.991	-0.508
PP1	0.992	-0.592

PK = Kepakaran, PG = Pengalaman, KB = Tempoh Lantikan, KM = Kekerapan Mesyuarat, SZ = Saiz Jawatankuasa dan Patuh = Tahap Kepatuhan

Nilai *skewness* dan *kurtosis* yang dijana dari SPSS versi 22 di dalam kajian ini adalah mengikut jumlah nilai yang telah ditetapkan.

5.4 Profil Tahap Kepatuhan Koperasi

Jadual 5.3 menunjukkan profil koperasi yang digunakan dalam kajian ini. Tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi disemak secara terperinci dengan menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada Sistem Modul Kewangan Koperasi di pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Kelantan. Sebanyak 59 buah koperasi telah dibuat analisis tahap kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan. Saiz koperasi adalah daripada kluster bersaiz besar, sederhana dan kecil. Justifikasi pemilihan koperasi sebanyak 59 buah kerana ahli jawatankuasa audit yang menjadi responden dalam kajian ini adalah sebanyak 177 maka setelah dibahagi dengan 3 (setiap koperasi dianggotai 3 orang) jumlah koperasi yang diperlukan adalah 59 buah.

Kaedah Dyadic telah digunakan bagi membuat padanan setiap responden (ahli jawatankuasa audit) kepada tahap kepatuhan koperasi yang diwakili oleh mereka. Oleh kerana terdapat 7 responden yang gagal menjawab soalan kaji selidik dengan baik serta 12 responden terlalu eksterim maka jumlah responden yang tinggal adalah seramai 158 sahaja.


Jadual 5.3
Profil Tahap Kepatuhan Koperasi

Tahap Kepatuhan	Kekerapan	Peratus(%)
Patuh Garis Pemasaan		
Tidak Patuh 91 hari dan ke atas	24	15.2
Tidak Patuh 1 hari hingga 90 hari	21	13.3
Patuh 1 hari hingga 20 hari	98	62.0
Patuh 21 hari hingga 40 hari	9	5.7
Patuh 41 hingga 60 hari	6	3.8
Jumlah	158	100
Patuh Piawaian Perakaunan		
Tidak Patuh Penyimpanan Rekod Perakaunan	27	17.1
Tidak Patuh Piawaian Perakaunan	32	20.3
Patuh	99	62.6
Jumlah	158	100

Berdasarkan Jadual 5.3, 158 responden yang terdiri daripada ahli jawatankuasa audit yang mewakili 59 buah koperasi. Kaedah Dyadic digunakan untuk membuat padanan antara tahap kepatuhan dengan ciri-ciri jawatankuasa audit (responden). Namun demikian, 158 responden tersebut adalah selepas mengambil kira *outliers* dan maklumat tidak lengkap.

5.5 Responden Profil

Jadual 5.4 menerangkan responden profil ahli jawatankuasa audit koperasi di negeri Kelantan. Maklumat tersebut diperolehi daripada statistik deskriptif yang dijana melalui SPSS. Responden yang diperolehi adalah sebanyak 177. Namun demikian, 7 responden terpaksa ditolak kerana gagal menjawab soalan kaji selidik dengan sempurna. Selepas melalui proses pemeriksaan data dan menjalankan teknik penilaian titik terpencil (*outliers*). Sebanyak 12 responden terpaksa dibuang kerana memiliki D2 yang terlalu eksterim. Sehubungan dengan itu jumlah responden yang tinggal adalah seramai 158 sahaja.



Jadual 5.4
Responden Profil

Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	110	69.6
Perempuan	48	30.4
Jumlah	158	100
Pendidikan		
Lepasan Ijazah	17	10.8
Profesional	1	0.6
Ijazah	20	12.7
Diploma	46	29.1
SPM	74	46.8
Jumlah	158	100
Agama		
Islam	149	94.3
Buddha	4	2.5
Hindu	5	3.2

sambungan responden profil

Lain-lain	0	0
Jumlah	158	100
Umur		
25 tahun hingga 35 tahun	23	14.6
36 tahun hingga 45 tahun	39	24.7
46 tahun hingga 55 tahun	56	35.4
56 tahun ke atas	40	25.3
Jumlah	158	100
Keahlian koperasi		
1 tahun hingga 3 tahun	11	7
4 tahun hingga 6 tahun	33	20.9
7 tahun hingga 9 tahun	62	39.2
Melebihi 10 tahun	52	32.9
Jumlah	158	100
Pekerjaan		
Sektor Kerajaan	62	39.3
Sektor Swasta	34	21.5
Bekerja Sendiri	50	31.6
Tidak Bekerja / Pencen	12	7.6
Jumlah	158	100
Pendapatan		
Kurang dari RM1,000	16	10.1
RM1,001 hingga RM2,500	8	5.2
RM2,501 hingga RM4,000	47	29.7
RM4,001 hingga RM5,500	50	31.6
Melebihi RM5,001	37	23.4
Jumlah	158	100


Berdasarkan Jadual 5.4, separuh ahli jawatankuasa audit sektor koperasi adalah dikuasai oleh lelaki berbanding perempuan yang hanya terdiri daripada 30.4 peratus sahaja. Oleh kerana kajian ini dibuat di negeri Kelantan, taraf pendidikan ahli jawatankuasa audit adalah majoriti terdiri daripada Sijil Pelajaran Malaysia sahaja. Oleh itu, jika dilihat dari segi ahli jawatankuasa audit yang mendapat

pendidikan tinggi, hanya diwakili sebanyak 24.1 peratus sahaja. Oleh yang demikian, daripada jumlah itu seramai 38 orang ahli jawatankuasa audit sahaja yang mempunyai taraf pendidikan sama atau melebihi peringkat Ijazah.

Majoriti responden adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam sahaja, manakala jika responden yang terdiri daripada agama Buddha dan Hindu mereka adalah ahli jawatankuasa audit sektor koperasi yang memiliki saham dalam koperasi sekolah ataupun koperasi yang berbentuk pertanian dan perladangan sahaja. Ahli jawatankuasa audit yang belum bersara daripada bekerja merupakan majoriti utama, iaitu sebanyak 118 responden yang berumur kurang daripada 55 tahun. Fenomena ini terjadi kerana kebanyakan ahli jawatankuasa audit masih aktif dalam sektor pekerjaan dan masih belum berada pada peringkat umur persaraan lagi.

Keahlian dalam koperasi pula merujuk kepada tempoh ahli jawatankuasa memiliki saham dalam koperasi tersebut. Majoriti ahli jawatankuasa audit yang dilantik telah memiliki saham melebihi tempoh 6 tahun iaitu sebanyak 114 responden mewakili kumpulan tersebut. Manakala untuk pekerjaan pula, hampir majoriti ahli jawatankuasa audit yang berkhidmat dalam sektor kerajaan adalah

terdiri daripada guru-guru sekolah sama ada pada peringkat menengah ataupun rendah. Berdasarkan laporan *Economy Planning Unit* (2015), majoriti ahli jawatankuasa audit sektor koperasi mempunyai pendapatan melebihi pendapatan di bawah garis kemiskinan di Kelantan iaitu RM2,500. Hanya 16 responden sahaja, memiliki pendapatan di bawah RM1,000. Namun demikian, responden-responden ini adalah terdiri daripada mereka yang telah pun bersara iaitu 12 orang daripada responden tersebut merupakan pesara kakitangan kerajaan. Walaupun pendapatan mereka rendah, tetapi mereka mempunyai pengalaman bekerja sektor kerajaan dan sebagai ahli jawatankuasa audit. Sehubungan dengan itu, tidak ada keraguan yang timbul dalam maklum balas yang diberikan.




5.6 Penilaian Model Pengukuran

Kajian ini akan menggunakan perisian PLS-SEM versi 3 (Hair *et al.*, 2014). Menurut Hair *et al.* (2011), PLS menganalisa model dan mentafsirkan keputusan dalam dua tahap. Tahap pertama ialah mengukur model reflektif untuk memastikan pengujian dibuat terhadap kesahihan pemusatan, kesahihan diskriminan dan ujian ketekalan dilakukan dengan menjalankan analisa faktor pengesahan (CFA). Manakala bagi tahap kedua, mengukur model struktur.

Pengukuran model struktur dibuat dengan menyiasat penilaian kolineariti, pekali laluan untuk menguji hipotesis, pekali penentuan (R^2), kesan saiz (f^2) dan kerelevanan prediktif (Q^2).

Rajah 5.1
Model Asal Kajian



Berdasarkan Rajah 5.1, model asal kajian terdiri daripada lima (5) pemboleh ubah *exogenous* dan satu (1) pemboleh ubah *endogeneous* dan sebanyak dua puluh tujuh (27) item pengukuran reflektif. Hipotesis yang dibentuk adalah sebanyak lima (5) untuk diuji tahap signifikan.

5.7 Penilaian Model Reflektif

Pada dasarnya penilaian model reflektif adalah untuk menguji tahap kebolehpercayaan dan kesahihan item konstruk terhadap varian. Oleh itu empat ujian kebolehpercayaan dan kesahihan yang perlu dipenuhi dalam pengukuran model reflektif. Antara ujian tersebut ialah kebolehpercayaan indikator (*indicator reliability*), kesahihan pemusatan (*convergent validity*), kesahihan diskriminan (*discriminant validity*) dan ketekalan dalaman (*internal consistency*).

5.7.1 Kebolehpercayaan Indikator

Tujuan ujian ini dilakukan adalah untuk menguji setiap daripada pemuatan luar mencapai nilai 0.708, jika pemuatan luar tersebut gagal mencapai nilai tersebut maka item konstruk mestilah dibuang. Objektif utama kepada ujian ini, adalah untuk memastikan nilai purata varian terekstrak (*AVE*) adalah 0.50. Purata varian terekstrak 0.50 menerangkan bahawa secara purata 50 peratus konstruk tersebut dapat memberi penjelasan ke atas varian. Namun demikian, menurut Hair *et al.* (2014) jika pemuatan luar kurang daripada 0.708 tetapi nilai purata varian terekstrak mampu mencapai 0.50 maka item konstruk tersebut tidak perlu dibuang dan dianalisis ke peringkat yang seterusnya.

Jadual 5.5
Pemuatan Luar dan Silang (Sebelum Buang)

	PK	PG	KB	KM	SZ	Patuh
PK1	0.561	0.399	0.137	0.076	0.198	0.052
PK2	0.527	0.243	0.164	0.133	0.088	0.114
PK3	0.697	0.514	0.264	0.135	0.200	0.074
PK4	0.817	0.517	0.253	0.218	0.276	0.160
PK5	0.787	0.529	0.262	0.185	0.212	0.144
PG1	0.354	0.736	0.281	0.293	0.324	0.235
PG2	0.517	0.819	0.342	0.233	0.283	0.290
PG3	0.488	0.618	0.352	0.329	0.254	0.134
PG4	0.387	0.619	0.266	0.205	0.214	0.056
PG5	0.486	0.600	0.266	0.265	0.207	0.158
KB1	0.335	0.315	0.709	0.411	0.439	0.302
KB2	0.097	0.245	0.659	0.376	0.412	0.186
KB3	0.298	0.425	0.569	0.324	0.246	0.210
KB4	0.186	0.173	0.749	0.360	0.440	0.341
KB5	0.191	0.378	0.748	0.501	0.360	0.352
KM1	0.153	0.324	0.493	0.571	0.365	0.167
KM2	0.167	0.416	0.356	0.724	0.504	0.210
KM3	0.170	0.270	0.332	0.640	0.365	0.166
KM4	0.155	0.110	0.436	0.782	0.406	0.219
KM5	0.177	0.202	0.387	0.726	0.483	0.185
SZ1	0.257	0.381	0.554	0.531	0.757	0.255
SZ2	0.107	0.283	0.369	0.410	0.720	0.278
SZ3	0.261	0.227	0.402	0.419	0.795	0.345
SZ4	0.246	0.251	0.345	0.449	0.727	0.214
SZ5	0.141	0.254	0.297	0.461	0.568	0.147
GP1	0.126	0.204	0.352	0.258	0.357	0.857
PP1	0.175	0.307	0.371	0.217	0.267	0.863

PK = Kepakaran, PG = Pengalaman, KB = Tempoh Lantikan, KM = Kekerapan Mesyuarat, SZ = Saiz Jawatankuasa dan Patuh = Tahap Kepatuhan

Berdasarkan Jadual 5.5 di atas, menunjukkan pemuatan luar yang kurang daripada 0.708 dan menyebabkan nilai purata varians terekstrak (AVE) kurang daripada 0.50. Sehubungan dengan itu, untuk mencapai objektif tersebut, terdapat item konstruk yang perlu dibuang.

Jadual 5.6
Pemuatan Luar dan Silang(Selepas Buang)

	PK	PG	KB	KM	SZ	Patuh
PK1	0.665	0.391	0.101	0.157	0.207	0.052
PK3	0.718	0.503	0.236	0.154	0.204	0.073
PK5	0.901	0.507	0.244	0.162	0.186	0.144
PG1	0.382	0.787	0.249	0.413	0.304	0.234
PG2	0.521	0.834	0.306	0.290	0.292	0.290
PG5	0.446	0.584	0.236	0.268	0.183	0.158
KB1	0.303	0.289	0.718	0.342	0.424	0.302
KB4	0.205	0.152	0.804	0.322	0.462	0.341
KB5	0.116	0.373	0.764	0.465	0.365	0.352
KM1	0.150	0.293	0.493	0.682	0.320	0.167
KM2	0.143	0.403	0.341	0.870	0.455	0.210
KM3	0.150	0.245	0.283	0.651	0.341	0.166
SZ1	0.234	0.371	0.536	0.468	0.775	0.255
SZ2	0.103	0.291	0.356	0.374	0.767	0.278
SZ3	0.230	0.208	0.413	0.374	0.821	0.345
GP1	0.103	0.223	0.384	0.233	0.373	0.859
PP1	0.126	0.320	0.367	0.191	0.275	0.861

PK = Kepakaran, PG = Pengalaman, KB = Tempoh Lantikan, KM = Kekerapan Mesyuarat, SZ = Saiz Jawatankuasa dan Patuh = Tahap Kepatuhan

Berdasarkan Jadual 5.6 terdapat item-item konstruk yang telah dibuang kerana gagal mencapai nilai 0.708 dan tidak memenuhi nilai purata varian terekstrak 0.50. Terdapat 10 item konstruk yang telah dibuang daripada analisa ke peringkat seterusnya. Antara item konstruk tersebut ialah PK2, PK4, PG3, PG4, KB2, KB3, KM4, KM5, SZ4 dan SZ5. Selepas daripada membuang item-item konstruk di atas, keseluruhan varian telah mencapai nilai purata varian terekstrak 0.50. Oleh itu, analisis seterusnya adalah ujian kesahihan pemusatan bagi mengesahkan kesemua varians telah mencapai AVE 0.50.

5.7.2 Kesahihan Pemusatan

Kesahihan pemusatan menerangkan tentang pengukuran sejauh mana setiap daripada konstruk dapat menjelaskan sesuatu varians. Setiap daripada item konstruk berkongsi petunjuk kepada varian tersebut (Hair *et al.*, 2014). Bagi memastikan kesahihan pemusatan memenuhi kriteria yang ditetapkan nilai pemuatan luar (*outer loading*) mestilah melebihi 0.708 dan nilai purata varian terekstrak (AVE) melebihi 0.50. Jika nilai purata varian kurang daripada 0.50, nilai tersebut mempunyai kesilapan pada item konstruk dan tidak mampu menerangkan varian secara purata sebanyak 50 peratus (Hair, Sarstedt, Ringle, & Mena, 2011). Jadual 5.7 menerangkan keputusan ujian kesahihan pemusatan terhadap model penilaian.

Jadual 5.7 Keputusan Ujian Kesahihan Pemusatan


Konstruk	Items	Loading	AVE
PK	PK1	0.665	0.590
	PK3	0.718	
	PK5	0.901	
PG	PG1	0.787	0.552
	PG2	0.834	
	PG5	0.584	
KB	KB1	0.718	0.581
	KB4	0.804	
	KB5	0.764	
KM	KM1	0.682	0.549
	KM2	0.870	
	KM3	0.651	

sambungan....

SZ	SZ1	0.775	0.621
	SZ2	0.767	
	SZ3	0.821	
Patuh	GP1	0.859	0.739
	PP1	0.861	

PK = Kepakaran, PG = Pengalaman, KB = Tempoh Lantikan, KM = Kekerapan Mesyuarat, SZ = Saiz Jawatankuasa, Patuh = Tahap Kepatuhan, Loadings = Pemuatan Luar dan AVE = Purata Varian Terekstrak.

Walau bagaimanapun masih terdapat pemuatan luar yang kurang daripada 0.708 iaitu KM1, KM3, PG5 dan PK1 tetapi tidak mengganggu nilai purata varian terekstrak kerana telah memenuhi syarat 0.50. Oleh itu, item-item tersebut tidak akan dibuang dan dianalisis ke peringkat yang selanjutnya (Hair *et al.*, 2014).



UUM
Universiti Utara Malaysia

5.7.3 Kesahihan Diskriminan

Kesahihan diskriminan (*discrimant validity*) adalah satu ujian empirikal untuk mengetahui sejauh mana sesuatu konstruk itu berbeza dengan konstruk yang lain dalam satu model sama. Penilaian kesahihan diskriminan adalah dengan memeriksa pemuatan silang. Kaedah untuk menguji kesahihan diskriminan adalah dengan mematuhi kriteria Fornell & Larcker (1981). Pemuatan luar indikator

pada konstruk yang berkaitan harus lebih besar daripada semua pemuatan terhadap konstruk lain.

Jadual 5.8
Keputusan Ujian Kesahihan Diskriminan

	PK	PG	KB	KM	SZ	Patuh
Kepakaran	0.768					
Pengalaman	0.600	0.743				
Tempoh Lantikan	0.266	0.356	0.762			
Kekerapan Mesyuarat	0.197	0.430	0.496	0.741		
Saiz Jawatankuasa	0.242	0.356	0.545	0.508	0.788	
Tahap Kepatuhan	0.133	0.316	0.436	0.246	0.377	0.860

PK = Kepakaran, PG = Pengalaman, KB = Tempoh Lantikan, KM = Kekerapan Mesyuarat, SZ = Saiz Jawatankuasa, Patuh = Tahap Kepatuhan

Bagi memeriksa kesahihan diskriminan ialah dengan memastikan pemuatan luar indikator pada konstruk yang berkaitan harus lebih besar daripada semua pemuatan ke atas konstruk lain (Hair *et al.*, 2011). Jika pemuatan luar indikator pada konstruk mempunyai nilai yang besar secara konsisten, maka konstruk tersebut mempunyai kesahihan diskriminan (Hair *et al.*, 2014).

5.7.4 Ketekalan Dalaman

Menurut Jöreskog (1971), ketekalan dalaman (*internal consistency*) adalah kebolehpercayaan secara konsisten untuk satu model penilaian. Hair *et al.* (2014) menggunakan kebolehpercayaan komposit untuk

mengukur ketekalan dalaman sesuatu model penilaian. Nilai kebolehpercayaan komposit pada 0.70 sehingga 0.90 adalah dianggap baik dan diterima pakai (Nunnally & Bernstein, 1994). Oleh yang demikian, jika nilai kurang daripada 0.70 maka dianggap sebagai tiada ketekalan dalaman, manakala untuk nilai melebihi 0.90 dikatakan item konstruk mengukur fenomena yang sama dan dianggap sebagai pengukuran yang bertindih (Hair *et al.*, 2014). Jadual 5.9 menerangkan ketekalan dalaman model penilaian dalam kajian ini.

Jadual 5.9
Keputusan Ujian Pengukuran Model Reflektif

	Items	Loading	IR	CR	AVE	Kesahihan Diskriminan
Kepakaran	PK1	0.665	0.442	0.809	0.590	Ya
	PK3	0.718	0.516			
	PK5	0.901	0.812			
Pengalaman	PG1	0.787	0.619	0.783	0.552	Ya
	PG2	0.834	0.696			
	PG5	0.584	0.341			
Tempoh Lantikan	KB1	0.718	0.516	0.806	0.581	Ya
	KB4	0.804	0.646			
	KB5	0.764	0.584			
Kekerapan Mesyuarat	KM1	0.682	0.465	0.782	0.549	Ya
	KM2	0.870	0.757			
	KM3	0.651	0.424			
Saiz Jawatankuasa	SZ1	0.775	0.601	0.831	0.621	Ya
	SZ2	0.767	0.588			
	SZ3	0.821	0.674			
Tahap Kepatuhan	GP1	0.859	0.738	0.850	0.739	Ya
	PP1	0.861	0.741			

PK = Kepakaran, PG = Pengalaman, KB = Tempoh Lantikan, KM = Kekerapan Mesyuarat, SZ = Saiz Jawatankuasa, Patuh = Tahap Kepatuhan, Loadings = Pemuatan Luar, IR = Pemuatan Luar Dikuasa Dua, CR = Kepercayaan Komposit, AVE = Purata Varian Terekstrak dan Kesahihan Diskrimininan = Keputusan Ujian Kesahihan Diskriminan.

Berdasarkan Jadual 5.9 analisa ketekalan dalaman adalah merujuk kepada kebolehpercayaan komposit. Kebolehpercayaan komposit, nilai purata varian terekstrak dan kesahihan diskriminan telah memenuhi kriteria sepertimana yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, analisa penilaian model reflektif ini telah memenuhi kriteria dengan kebolehpercayaan tekal berada pada tahap yang baik (Reinartz, Haenlein, & Henseler, 2009) dan (Hair *et al.*, 2014). Sehubungan dengan itu, penilaian model struktur pula akan dijalankan.

5.8 Penilaian Model Struktur

Penilaian model struktur adalah proses mengukur keupayaan model untuk membuat ramalan serta menguji kekuatan hubungan antara konstruk. Oleh itu terdapat lima (5) ujian yang perlu dilakukan bagi mengetahui kekuatan model struktur ini. Antara ujian-ujian tersebut adalah memeriksa kolineariti, menguji tahap signifikan hubungan

antara pemboleh ubah *exogenous* dan pemboleh ubah *endogenous*, menilai tahap prediktif R^2 , saiz kesan f^2 antara varian dan yang terakhir kerelevanan prediktif akan dilakukan.

5.8.1 Penilaian Kolineariti

Sarstedt, Ringle, Smith, Reams dan Hair (2014) mencadangkan sebelum analisis untuk mengetahui tahap signifikan hubungan antara *exogenous* dan *endogenous* dijalankan, maka penilaian kolineariti perlu dilakukan bagi mengelak keputusan yang tidak tepat. Penilaian kolineariti perlu dibuat dengan menyamak varian faktor melampau (*VIF*). Oleh yang demikian, nilai *VIF* mestilah tidak melebihi 5 (Hair *et al.*, 2014). Jika nilai tersebut melebihi daripada kriteria yang ditetapkan, maka konstruk tersebut perlu dibuang ataupun dengan menggabungkan konstruk-construct yang lain. Jadual 5.10 menunjukkan keputusan penilaian kolineariti bagi model struktur.

Jadual 5.10
Keputusan VIF

	PATUH
Kekerapan Mesyuarat (KM)	1.625
Kepakaran (PK)	1.597
Pengalaman (PG)	1.879
Saiz Jawatankuasa (SZ)	1.618
Tempoh Lantikan (KB)	1.605

Berdasarkan Jadual 5.10 tidak ada varian yang *VIF* kerana kesemua daripada varian berikut kurang daripada 5. Oleh itu, analisa ke tahap yang seterusnya akan dijalankan memandangkan konstruk-konstruk antara varian memenuhi kriteria yang ditetapkan.

5.8.2 Pekali Laluan

Setelah melakukan ujian kebolehpercayaan (*reliability*), kesahihan (*validity*) dan penilaian kolineariti (*collinearity assessment*) dibuat, maka ujian pekali laluan dijalankan untuk mengetahui hubungan pemboleh ubah dalam model struktur. Ujian hipotesis dilakukan adalah untuk mengetahui tahap signifikan antara pemboleh ubah. Dalam perisian PLS-SEM, kaedah *bootstrapping* digunakan bagi mendapat nilai-*t* statistik dan juga nilai-*p* (Hair *et al.*, 2014). Nilai-*t* menunjukkan kekuatan signifikan antara pembolehubah. Nilai-*t* yang besar menunjukkan hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah (Gill, 2010).

5.8.2.1 Pekali Laluan dan Model Kepatuhan Diasingkan

Kajian ini mempunyai lima (5) hipotesis untuk diuji tahap signifikan. Lima pemboleh ubah *exogenous* iaitu kepakaran, pengalaman, tempoh

lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit dihipotesiskan mempunyai hubungan antara pemboleh ubah *endogenous* iaitu tahap kepatuhan. Jadual 5.11 dan Jadual 5.12 menjawab soalan kajian yang pertama, iaitu apakah ciri-ciri yang dominan antara kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit yang dapat mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan dalam model yang berbeza diantara model kepatuhan garis pemaasaan dan model kepatuhan piawaian perakaunan yang ditetapkan?

Jadual 5.11
Keputusan Hubungan Pembolehubah Model Tahap Kepatuhan
Garis Pemaasaan

Hipotesis	Pemboleh- ubah Exogenous		Pemboleh- ubah Endogenous	Pekali Laluan	Nilai - t	Nilai-p	Result
H1	PK	-->	GP	-0.045	0.401	0.689	NS
H2	PG	-->	GP	0.094	1.156	0.248	NS
H3	KB	-->	GP	0.262	3.147	0.002***	Signifikan
H4	KM	-->	GP	-0.042	0.491	0.624	NS
H5	SZ	-->	GP	0.227	2.732	0.007***	Signifikan

NS = Tidak Signifikan. p<0.10* p<0.05** p<0.01***

Jadual 5.12
Keputusan Hubungan Pembolehubah Model Tahap Kepatuhan
Piawaian Perakaunan

Hipotesis	Pemboleh- ubah Exogenous		Pemboleh- ubah Endogenous	Pekali Laluan	Nilai - t	Nilai-p	Result
H1	PK	-->	PP	-0.151	1.622	0.110	NS
H2	PG	-->	PP	0.318	4.478	0.000***	Signifikan
H3	KB	-->	PP	0.296	3.794	0.000***	Signifikan
H4	KM	-->	PP	-0.123	1.493	0.139	NS
H5	SZ	-->	PP	0.119	1.301	0.196	NS


NS = Tidak Signifikan. p<0.10* p<0.05** p<0.01***

Berdasarkan Jadual 5.11 dan 5.12, tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit merupakan pemboleh ubah yang dominan terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan. Tempoh lantikan memainkan peranan yang penting dalam ciri-ciri jawatankuasa audit dalam sektor koperasi. Penemuan ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Knechel dan Vanstraelen (2007) tempoh lantikan juruaudit dapat menyumbang kepada kecekapan dan pemahaman seterusnya meningkatkan kepatuhan laporan kewangan. Menurut Beasley (1996) tempoh lantikan juruaudit dapat memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti penipuan yang boleh menyumbang kepada ketidakpatuhan laporan kewangan. Oleh yang demikian, tempoh lantikan memberi kesan yang signifikan bagi kedua-dua model kepatuhan. Manakala saiz jawatankuasa audit pula adalah memberi kesan signifikan kepada pematuhan garis pemeasaan. Kajian yang dijalankan oleh Puasa dan Ahmad (2014) menyokong penemuan ini. Mereka berpendapat saiz jawatankuasa berperanan sebagai pemantauan kepada syarikat bagi mematuhi garis pemeasaan. Saiz jawatankuasa audit yang optimum dapat membantu syarikat. Oleh yang demikian, saiz jawatankuasa audit dapat memberi kesan yang signifikan kepada kepatuhan garis pemeasaan. Manakala pengalaman ahli jawatankuasa audit dalam bidang perakaunan dapat membantu koperasi mematuhi piawaian perakaunan. Penemuan ini adalah selari dengan penemuan Knapp dan Knapp, (2001). Mereka berpendapat, pengalaman jawatankuasa audit

dalam bidang pengauditan dan perakaunan dapat memberi kesan yang negatif kepada aktiviti manipulasi piawaian perakaunan. Ahli jawatankuasa audit yang berpengalaman boleh memberi kesan yang signifikan kepada tahap kepatuhan piawaian perakaunan.

5.8.2.2 Pekali Laluan dan Model Kepatuhan Disatukan

Jadual 5.13 menjawab soalan kajian yang kedua, iaitu apakah ciri-ciri kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa audit dapat mempengaruhi tahap kepatuhan laporan kewangan dalam model yang disatukan antara model kepatuhan garis pemasaan dan model kepatuhan piawaian perakaunan yang ditetapkan?



UUM
Universiti Utara Malaysia

Jadual 5.13

Keputusan Hubungan Pembolehubah Model Kepatuhan Disatukan

Hipotesis	Pembolehubah Exogenous		Pembolehubah Endogenous	Pekali Laluan	Nilai - t	Nilai-p	Result
H1	PK	-->	PATUH	-0.133	1.418	0.157	NS
H2	PG	-->	PATUH	0.253	2.840	0.005***	Signifikan
H3	KB	-->	PATUH	0.315	3.745	0.000***	Signifikan
H4	KM	-->	PATUH	-0.094	1.089	0.276	NS
H5	SZ	-->	PATUH	0.190	2.179	0.030**	Signifikan

NS = Tidak Signifikan. p<0.10* p<0.05** p<0.01***

H1: Kepakaran ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Berdasarkan kepada keputusan ujian di atas, kepakaran ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap kepatuhan ($nilai-p = 0.157$ $\beta = -0.133$). Oleh itu, H1 tidak disokong. Perbincangan lebih lanjut mengenai penemuan ini pada bab seterusnya.

H2: Pengalaman ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemaasan dan piawaian perakaunan.

Keputusan menunjukkan pengalaman ahli jawatankuasa audit berhubung secara positif dan signifikan dengan tahap kepatuhan ($nilai-p = 0.005$ $\beta = 0.253$). Oleh itu, H2 disokong. Perbincangan lebih lanjut mengenai penemuan ini pada bab seterusnya.

H3: Tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemaasan dan piawaian perakaunan.

Tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap kepatuhan laporan kewangan ($nilai-p = 0.000$ $\beta = 0.315$). H3 disokong. Perbincangan lebih lanjut mengenai penemuan ini pada bab seterusnya.

H4: Kekurangan mesyuarat jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Berdasarkan kepada keputusan ujian di atas, kekurangan mesyuarat jawatankuasa audit mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap kepatuhan laporan kewangan ($nilai-p = 0.276$ $\beta = -0.094$). Oleh itu, H4 tidak disokong. Perbincangan lebih lanjut mengenai penemuan ini pada bab seterusnya.

H5: Saiz jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap kepatuhan garis pemasaan dan piawaian perakaunan.

Keputusan menunjukkan saiz jawatankuasa berhubung secara positif dan signifikan dengan tahap kepatuhan ($nilai-p = 0.030$ $\beta = 0.190$). Oleh yang demikian, H5 disokong. Perbincangan lebih lanjut mengenai penemuan ini pada bab seterusnya.


5.8.3 Pekali Penentuan (R^2)

Kualiti model struktur boleh dinilai dengan menggunakan pekali penentuan R^2 , saiz kesan dan kerelevanan prediktif. Kriteria utama


untuk membuat penilaian kepada model struktur adalah pekali penentuan R^2 , untuk menerangkan kekuatan setiap pembolehubah. Menurut Hair *et al.* (2011) pekali penentuan mempunyai pelbagai nilai, dalam bidang pemasaran nilai R^2 0.75, 0.50 dan 0.25 menerangkan bahawa struktur model pembolehubah *endogenous* tersebut besar, sederhana dan lemah.

5.8.3.1 Pekali Penentuan(R^2) dan Perbezaan Model Kepatuhan


Rajah 5.2 dan Rajah 5.3 menerangkan berkenaan pekali penentuan antara kedua-dua model kepatuhan garis pemsaraan dan kepatuhan piawaian perakaunan.



Rajah 5.2
Pekali Penentuan (R^2) Model Kepatuhan Garis Pemsaraan



Rajah 5.3
Pekali Penentuan (R^2) Model Kepatuhan Piawaian Perakaunan




Berdasarkan Rajah 5.2 dan Rajah 5.3, pekali penentuan antara kedua-dua model kepatuhan garis pemeasaan dan kepatuhan piawaian perakaunan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Model kepatuhan garis pemeasaan mempunyai 19% impak kepada pemboleh ubah *endogenous*, manakala model kepatuhan kepatuhan piawaian perakaunan mempunyai 20% impak kepada pemboleh ubah *endogenous*. Penemuan ini adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Ika dan Ghazali (2012) dan Ismail *et al.*(2008), dimana pekali penentuan dalam kajian-kajian yang berkaitan dalam bidang pengauditan dan kepatuhan nilai R^2 adalah di bawah 25%.

5.8.3.1 Pekali Penentuan(R^2) Model Disatukan

Rajah 5.4 menunjukkan keputusan pekali penentuan model disatukan antara model kepatuhan garis pemaasaan dan piawaian perakaunan.

Rajah 5.4
Pekali Penentuan (R^2) Model Disatukan



Rajah 5.4 menunjukkan ciri-ciri jawatankuasa audit seperti kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa dapat memberi impak sebanyak 25% terhadap kepatuhan laporan kewangan. Menurut Hair *et al.*(2014), jika kajian yang dibuat berdasarkan gelagat dan tingkah laku manusia, maka nilai R^2 0.20 telah dikira memberi impak yang besar kepada pemboleh ubah *endogenuos*. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah mengkaji ciri-ciri jawatankuasa audit dikira sebahagian daripada gelagat manusia (Ika & Ghazali, 2012).

5.8.4 Saiz Kesan (f^2)

Menurut Chin (2010), adalah baik untuk menentukan saiz kesan pemboleh ubah tertentu yang memberi impak kepada pemboleh ubah *endogeneous*. Pengukuran saiz kesan f^2 adalah analisa pelengkap R^2 . Dalam perisian PLS-SEM versi 3, saiz kesan f^2 dijana secara automatik. Berdasarkan Cohen (1988), nilai saiz kesan 0.02, 0.15 dan 0.35 masing-masing memberi kesan yang kecil, sederhana dan besar kepada prediktif pemboleh ubah.

Jadual 5.14
Saiz Kesan terhadap Pembolehubah Model Kepatuhan Disatukan

	R^2	f^2	Saiz Kesan
Tahap Kepatuhan	0.252		
Kekerapan Mesyuarat	-	0.007	Kesan kecil
Kepakaran	-	0.015	Kesan kecil
Pengalaman	-	0.046	Kesan kecil
Saiz Jawatankuasa	-	0.030	Kesan kecil
Tempoh Lantikan	-	0.088	Kesan kecil

Berdasarkan Jadual 5.14, kekerapan mesyuarat (0.007), kepakaran (0.015), pengalaman (0.046), saiz jawatankuasa (0.030) dan tempoh lantikan (0.088) memberi saiz kesan yang kecil kepada tahap kepatuhan.

5.8.5 Kerelevanan Prediktif

Kerelevanan prediktif Q^2 adalah salah satu kriteria untuk mengukur model struktur. Kerelevanan prediktif adalah untuk mengukur sejauh mana nilai Q^2 memberi kesan kepada konstruk model (Chin, 2010). Hair *et al.* (2011) menggunakan *cross validated redundancy* untuk menentukan nilai Q^2 . Perisian PLS-SEM versi 3, menggunakan teknik *Blindfolding* bagi memperolehi nilai Q^2 (Hair *et al.*, 2014). Berdasarkan Cohen (1988), nilai kerelevanan prediktif 0.02, 0.15 dan 0.35 masing-masing memberi kesan yang kecil, sederhana dan besar kepada pemboleh ubah *endogeneous*.

Jadual 5.15
Kerelevanan Prediktif Model Kepatuhan Disatukan

	SSO	SSE	Q^2
Tahap Kepatuhan	316.000	268.107	0.152

Menurut Hair *et al.* (2011), model struktur mempunyai kualiti prediktif jika nilai *cross validated redundancy* melebihi 0 kerana nilai 0 menerangkan kerelevanan prediktif tidak boleh disimpulkan. Oleh yang demikian, nilai Q^2 ialah 0.152 yang memberi makna kerelevanan prediktif adalah mencukupi. Berdasarkan keputusan nilai Q^2 0.152 menunjukkan konstruk *endogeneous* memberi kesan kerelevanan prediktif yang sederhana.

BAB 6:

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Hasil analisis yang diperolehi daripada bab lepas dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan kepada penemuan-penemuan empirikal terhadap hipotesis-hipotesis yang diandaikan, seterusnya dibahaskan secara terperinci berdasarkan kepada kajian-kajian lepas dan juga peraturan yang sedang berkuatkuasa. Penjelasan terhadap prediktif model (R^2) juga dibahaskan. Perbincangan dan kesimpulan dalam bab ini hanya mengambil kira kepada model disatukan sahaja tanpa mengambil perbezaan model kepatuhan. Model disatukan telah mewakili antara kedua-dua model kepatuhan garis pemsasaan dan kepatuhan piawaiian perakaunan. Pada bahagian akhir bab ini, kesimpulan dan limitasi kepada kajian dinyatakan.

6.2 Perbincangan Ciri-Ciri Jawatankuasa Audit

Ciri-ciri jawatankuasa audit yang dikaji dalam kajian ini ialah kepakaran dan pengalaman yang menerangkan tahap kompetensi, tempoh lantikan yang menerangkan kebebasan, kekerapan mesyuarat

menerangkan keaktifan dan saiz jawatankuasa audit pula menerangkan komposisi. Objektif kepada kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit yang efektif dan berkesan supaya koperasi di negeri Kelantan dapat diperbaiki pencapaiannya terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan dari segi garis pemasaran dan piawaian perakaunan. Oleh itu, penemuan-penemuan empirikal mengenai ciri-ciri jawatankuasa tersebut dijustifikasi serta cadangan penambahbaikan kepada penemuan tersebut dibincangkan secara terperinci.



6.2.1 Kepakaran Jawatankuasa Audit

Selepas keputusan ujian empirikal diperolehi, didapati kepakaran ahli jawatankuasa audit mempunyai hubungan yang negatif dan tidak signifikan ($nilai-p = 0.157$ $\beta = -0.133$). Penemuan ini menunjukkan kepakaran jawatankuasa audit tidak menyokong tahap kepatuhan laporan kewangan. Walaupun kajian ini menggunakan sampel ahli jawatankuasa audit di negeri Kelantan, namun penemuan ini adalah konsisten dengan Garis Panduan 4 (2009), yang hanya memerlukan ahli jawatankuasa audit yang dilantik, arif dalam bidang perakaunan dan kewangan sahaja tanpa mengambil kira tahap kepakaran. Selari dengan peraturan tersebut, maka responden ahli jawatankuasa audit koperasi negeri Kelantan adalah majoriti mempunyai pendidikan

peringkat menengah iaitu sebanyak 46.8 peratus dan Diploma sebanyak 29.1 menjadikan 75.1 peratus responden tidak memiliki pendidikan tinggi serta tidak pakar dalam bidang perakaunan dan kewangan. Pihak luar yang berkepakaran pula tidak boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa audit kerana tertakluk di bawah undang-undang seksyen 42A, Akta Koperasi 1993.

Sehubungan dengan itu, sebagai cadangan bagi memastikan tahap kepatuhan garis pemeasaan dan piawaian perakaunan koperasi dapat dipertingkatkan pencapaiannya, ialah dengan memantapkan bentuk-bentuk latihan untuk ahli jawatankuasa audit supaya menjadi berpengetahuan serta pakar dan juga memberi penambahbaikan kepada Garis Panduan 4.

Bentuk latihan kepada ahli jawatankuasa audit harus diperkukuhkan dengan mengadakan kerjasama antara badan-badan profesional Malaysia seperti MIA, MASB dan IIAM bagi memastikan latihan yang diberikan mengikut perkembangan semasa. Manakala Maktab Koperasi Malaysia, perlu merangka kursus yang dapat mempertingkatkan kepakaran ahli jawatankuasa audit contohnya dengan memperkenalkan teknik pengauditan berkomputer (CAAT). Selain itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) selaku badan

penguatkuasa harus memperkenalkan bentuk latihan pembelajaran sepanjang hayat (CPE). Setiap ahli jawatankuasa audit diberi mata merit setiap kali mengikut latihan *CPE* bagi memastikan ahli jawatankuasa audit yang bakal dilantik semula mencukupi mata merit yang ditetapkan.

Garis Panduan 4 (2009) harus ditambah baik dengan melantik pemegang saham yang memiliki kepakaran dalam bidang perakaunan dan kewangan atau pemegang saham yang terdiri daripada akauntan bertauliah. Jika Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merasakan cadangan tersebut sukar untuk dilaksanakan, maka sebagai alternatif kepada kepakaran, SKM perlu melihat kepada pengalaman yang dimiliki oleh pemegang-pemegang saham sebelum dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit. Menurut Apadore dan Mohd Noor (2013), pengalaman merupakan tahap pendidikan secara tidak formal yang dimiliki oleh individu dan merupakan alternatif kepada kepakaran.


6.2.2 Pengalaman Jawatankuasa Audit

Pengalaman jawatankuasa audit menyokong tahap kepatuhan laporan kewangan ($nilai-p = 0.005$ $\beta = 0.253$). Penemuan ini adalah konsisten dengan DeZoort (1998) yang menyatakan jika seseorang ahli

jawatankuasa audit mempunyai pengalaman sebelum dilantik menganggotai jawatankuasa, maka pengalaman tersebut boleh memberi sumbangan bagi memastikan laporan kewangan yang berkualiti dan mematuhi peraturan. Di Malaysia pula setakat pengetahuan penyelidik, tidak ada kajian yang mengkaji secara spesifik pengalaman ahli jawatankuasa audit, kecuali kepakaran ahli jawatankuasa audit (Baatwah *et al.*, 2013) dan pengalaman ahli lembaga pengarah sahaja (Johari, Saleh, Jaffar, & Hassan, 2009). Oleh yang demikian, tidak ada kajian-kajian di Malaysia yang boleh dirujuk. Walau bagaimanapun, penemuan ini adalah selari dengan penemuan Ika dan Ghazali (2012) dan Knapp dan Knapp (2001) yang menyatakan pengalaman dapat menyumbang kepada keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa audit dalam memastikan kepatuhan garis pemasaan.

Oleh itu, sebagai alternatif kepada kepakaran maka pengalaman ahli perlu dititikberatkan dalam pelantikan ahli jawatankuasa audit. Namun begitu Garis Panduan 4 (2009), tidak meletakkan sebarang syarat kepada pemegang-pemegang saham yang dilantik untuk menganggotai jawatankuasa audit terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman. Sehubungan dengan penemuan empirikal dalam kajian ini, maka dicadangkan agar SKM dapat melihat kembali tentang keperluan ahli jawatankuasa audit yang dilantik supaya mempunyai

pengalaman yang berkaitan dengan perakaunan dan juga pengurusan koperasi sebagai alternatif kepada kepakaran. Berdasarkan keputusan di atas, ahli jawatankuasa audit yang mempunyai pengalaman mampu untuk memastikan laporan kewangan koperasi memenuhi peraturan garis pemaasan dan piawaian perakaunan seterusnya menyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan. Oleh itu tempoh lantikan ahli jawatankuasa audit merupakan faktor penting kerana semakin panjang tempoh lantikan dibuat, maka semakin banyak pengalaman yang diperolehi oleh ahli jawatankuasa audit dalam menjalankan tugas supaya lebih berkesan dan cekap agar tahap kepatuhan laporan kewangan sektor koperasi dapat dipertingkatkan.



6.2.3 Tempoh Lantikan Jawatankuasa Audit

Tempoh lantikan jawatankuasa audit dalam sektor koperasi menjadi perbincangan kerana menjadi petunjuk kepada kebebasan ahli jawatankuasa audit tersebut. Berdasarkan penemuan empirikal, tempoh jawatankuasa audit sektor koperasi menyokong kepada tahap kepatuhan laporan kewangan ($nilai-p = 0.000$ $\beta = 0.315$). Oleh itu, penemuan ini konsisten dengan Knechel dan Vanstraelen (2007) tempoh lantikan jawatankuasa audit yang panjang akan memberi kecekapan dan pemahaman kepada jawatankuasa apabila menghadapi isu-isu yang kompleks. Oleh yang demikian, penemuan ini menolak

dakwaan bahawa tempoh perlantikan jawatankuasa audit yang terlalu panjang boleh menyebabkan jawatankuasa tersebut tidak bebas seperti yang dipertanyakan oleh Vafeas (2005).

Berdasarkan penemuan empirikal di atas, maka tempoh lantikan adalah konsisten dengan pengalaman. Jika ahli-ahli jawatankuasa audit yang berkhidmat dalam tempoh yang panjang maka mereka juga mempunyai pengalaman dalam koperasi tersebut seterusnya dapat menyumbang kepada tahap kepatuhan laporan kewangan. Garis Panduan 4 (2009), Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah perkara 6, menyatakan bahawa ahli jawatankuasa audit koperasi mempunyai tempoh lantikan selama satu (1) tahun sahaja. Oleh yang demikian, dengan adanya penemuan empirikal ini dicadangkan agar pihak SKM dapat melihat kembali tentang keperluan ahli jawatankuasa audit untuk berkhidmat dalam tempoh yang lebih panjang supaya membolehkan ahli jawatankuasa audit mendapat pengalaman, seterusnya dapat meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan.

6.2.4 Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit sektor koperasi tidak menyokong dan mempunyai hubungan negatif terhadap tahap kepatuhan ($nilai-p = 0.276$ $\beta = -0.094$). Menurut Apadore dan Mohd Noor (2013) kekerapan mesyuarat audit tidak menyokong kepada kepatuhan kerana apabila menemui isu-isu kepatuhan laporan kewangan maka jawatankuasa audit mengambil masa yang panjang dalam menyelesaikan isu tersebut dan boleh menyebabkan kegagalan dalam mematuhi garis pemasaan. Hashim dan Rahman (2011) berpendapat bahawa kekerapan mesyuarat bukanlah satu komponen pemantauan yang baik terhadap kepatuhan laporan kewangan. Manakala kajian yang dilakukan Greco (2011), keaktifan jawatankuasa audit adalah dalam syarikat-syarikat yang bersaiz besar sahaja, manakala syarikat yang bersaiz kecil kurang aktif dalam mengadakan aktiviti bermesyuarat. Oleh itu, kekerapan mesyuarat jawatankuasa audit tidak memberi kesan kepada tahap kepatuhan laporan kewangan kerana koperasi yang dikaji tidak mengambil kira faktor saiz.

Keputusan empirikal ini adalah konsisten dengan penemuan Ismail *et al.* (2008) dan Puasa dan Ahmad (2014) sepertimana yang dinyatakan semasa pembentukan hipotesis. Oleh yang demikian, dicadangkan agar kajian lanjut dapat dilakukan terlebih dahulu sebelum Garis Panduan 4

(2009) dibuat penambahbaikan. Oleh kerana kajian ini tidak mengambil kira faktor saiz koperasi, maka kajian lanjut perlu dibuat dengan mengambil kira faktor saiz koperasi (Greco, 2011).

6.2.5 Saiz Jawatankuasa Audit

Berdasarkan penemuan empirikal, saiz jawatankuasa audit menyokong kepada tahap kepatuhan laporan kewangan ($nilai-p = 0.030\beta = 0.190$). Penemuan ini konsisten dengan Abdullah (2006), saiz yang seimbang membolehkan setiap ahli menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk membantu syarikat melaksanakan sesuatu tugas agar menjadi lebih baik dan menyumbang kepada kepatuhan laporan kewangan. Penemuan ini juga selari dengan kajian Shukeri dan Islam (2012), saiz jawatankuasa audit mengukuhkan lagi aktiviti-aktiviti kawalan dalaman secara langsung dapat mempertingkatkan lagi tahap kepatuhan laporan kewangan. Bilangan ahli jawatankuasa audit yang mencukupi adalah perlu bagi memastikan semua peranan dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut dapat digalas dengan baik (Pucheta-Martínez & De Fuentes, 2007).

6.3 Perbincangan Model Kajian

Model dalam kajian ini terdiri daripada lima (5) pembolehubah *exogenous* dan satu (1) pembolehubah *endogenous*. Model kajian ini akan diukur berdasarkan kepada nilai pekali penentuan (R^2), kesan saiz (f^2) dan kerelevanan prediktif (Q^2). Nilai pekali penentuan dalam kajian ini ialah 0.252. Oleh yang demikian, 25 peratus pembolehubah *exogenous* mampu membuat prediktif kepada pembolehubah *endogeneous*.

Menurut Hair *et al.* (2014) nilai pekali penentuan melebihi 0.20 adalah baik dan mampu memberi impak prediktif apabila membuat kajian berkaitan dengan gelagat dan tingkah laku manusia. Menurut Rahmat *et al.* (2009), adalah menjadi penemuan yang biasa apabila nilai pekali penentuan rendah, jika kajian yang dilakukan adalah mengenai ciri-ciri tadbir urus korporat. Oleh itu, mereka melaporkan nilai R^2 dalam kajian mereka ialah 0.052. Manakala bagi nilai R^2 yang diselaraskan dalam kajian ini ialah 0.228 atau 23 peratus lebih tinggi daripada penemuan Mohamad-Nor, Rohami dan Wan-Hussin (2010) dengan nilai R^2 diselaraskan ialah sebanyak 16 peratus.

Manakala bagi kesan saiz (f^2), kesemua pembolehubah *exogenous* mempunyai kesan saiz yang kecil terhadap pembolehubah *endogenous*. Kesan saiz ini menerangkan jika berlaku perubahan pada konstruk atau varian maka hanya memberi kesan yang bersaiz kecil sahaja terhadap pemboleh ubah *endogenous* (Cohen, 1988). Kerelevanan prediktif pula menerangkan kekuatan model struktur secara keseluruhan. Menurut Hair et al. (2011), jika nilai Q^2 ialah 0, maka model tersebut tidak mempunyai kerelevanan prediktif. Sehubungan dengan itu, nilai Q^2 dalam kajian ini ialah 0.152 yakni model kajian ini mampu membuat kerelevanan prediktif sebanyak 15 peratus.



UUM

Berdasarkan perbincangan di atas, model kajian ini mampu menerangkan dengan baik setiap pembolehubah *exogenous* terhadap pembolehubah *endogenous*. Oleh yang demikian, model ini mampu membuat peramalan nilai yang baik terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan (Rahmat *et al.*, 2009) dan (Hair *et al.* 2014).

6.4 Kesimpulan

Keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa audit merupakan satu kajian yang masih kekal relevan (Gendron & Bédard, 2006). Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit yang mempengaruhi tahap kepatuhan garis pemasaan dan piawaiian perakaunan. Ciri-ciri jawatankuasa audit yang dipilih adalah berdasarkan sorotan literatur di Bab 3. Ciri-ciri tersebut adalah kepakaran, pengalaman, tempoh lantikan, kekerapan mesyuarat dan saiz jawatankuasa. Manakala tahap kepatuhan pula diukur dari sudut garis pemasaan dan piawaiian perakaunan.

Berdasarkan penemuan kajian empirikal yang dibuat, ciri-ciri jawatankuasa audit pengalaman, tempoh lantikan dan saiz jawatankuasa audit dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada tahap kepatuhan laporan kewangan. Ciri-ciri jawatankuasa audit seperti kepakaran dan kekerapan mesyuarat tidak menyokong kepada tahap kepatuhan laporan kewangan. Oleh yang demikian, cadangan penambahbaikan kepada badan penguasa telah diberikan agar proses tambah baik kepada peraturan yang sedia ada dapat dilakukan bagi memastikan tahap kepatuhan laporan kewangan dapat ditingkatkan. Oleh itu, seperti mana yang dibincangkan dalam Bab 1, dapat disimpulkan bahawa kompetensi jawatankuasa audit merujuk kepada

pengalaman ahli jawatankuasa sebagai alternatif kepada kepakaran. Tempoh lantikan pula merupakan penunjuk kepada kebebasan dan komposisi jawatankuasa audit pula berdasarkan kepada saiz jawatankuasa audit. Oleh itu kompetensi, kebebasan dan komposisi dalam jawatankuasa audit sektor koperasi masih lagi relevan dengan model yang dinyatakan di dalam MCCG (2012). Oleh yang demikian, objektif kajian ini dapat dijawab dengan baik.

Oleh itu ciri-ciri jawatankuasa audit pengalaman, tempoh lantikan dan saiz jawatankuasa audit adalah signifikan terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan kepada garis pemasangan dan piawaian perakaunan koperasi di negeri Kelantan. Manakala bagi ciri-ciri kepakaran dan kekerapan mesyuarat ahli jawatankuasa audit memerlukan perubahan yang signifikan supaya kepakaran dan kekerapan mesyuarat juga dapat menyokong kepada mempertingkatkan lagi tahap kepatuhan laporan kewangan koperasi di negeri Kelantan. Oleh yang demikian, dengan mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit adalah diharapkan keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa dapat diperkukuhkan bagi memastikan sasaran dalam dasar koperasi negara dicapai.

Dengan terbentuknya model kajian ini, maka diharapkan koperasi-koperasi di negeri Kelantan dapat menggunakannya sebagai model

peramalan terhadap tahap kepatuhan laporan kewangan. Seterusnya dapat menyelesaikan masalah koperasi untuk mengenal pasti ciri-ciri jawatankuasa audit yang efektif sebelum perlantikan ahli jawatankuasa audit dibuat.

Kesimpulannya, kajian ini mampu memenuhi objektif yang telah ditetapkan dan mampu menjawab kepada soalan kajian yang diterangkan dalam Bab 1. Walaubagaimanapun kajian ini juga terdapat limitasi-limitasi tertentu. Antaranya ialah kajian ini dibuat di negeri Kelantan. Oleh yang demikian, responden-responden yang diperolehi mungkin berbeza dari segi tahap pendidikan dengan negeri-negeri lain. Kedua kesukaran untuk mendapatkan data. Data yang diperolehi perlu dibuat pemeriksaan rapi kerana kecenderungan responden untuk tidak menjawab dengan sempurna adalah terlalu tinggi, oleh itu kos yang lebih terpaksa dibelanjakan kerana memerlukan empat (4) orang pemantau sewaktu data dikutip. Limitasi yang seterusnya ialah tahap pematuan garis pemsaraan dan piawaian perakaunan hanya disemak selama satu (1) tahun sahaja dan kajian dibuat tidak mengikut *trend* tahunan. Dicadangkan agar kajian akan datang mengambil kira koperasi-koperasi seluruh Malaysia. Selain itu juga, pembolehubah kawalan dimasukkan seperti pengurusan koperasi bagi mengambil kira tentang kawalan dalaman yang ada dalam koperasi.

RUJUKAN

- A.Kenny, D. (2006). Dyadic Data Analysis. *American Journal of Evaluation*, 53(9), 1689–1699. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Abbott, L. J., Park, Y., & Parker, S. (2000). The effects of audit committee activity and independence on corporate fraud. *Managerial Finance*, 26(11), 55–68. <http://doi.org/10.1108/03074350010766990>
- Abbott, L. J., Parker, S., & Peters, G. F. (2004). Audit committee characteristics and restatements. *Auditing*, 23(1), 69–87. <http://doi.org/10.2308/aud.2004.23.1.69>
- Abbott, L. J., Parker, S., Peters, G. F., & Raghunandan, K. (2003). The association between audit committee characteristics and audit fees. *Managerial Auditing Journal*.
- Abdelsalam, O. H., & Street, D. L. (2007). Corporate governance and the timeliness of corporate internet reporting by U.K. listed companies. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 16(2), 111–130. <http://doi.org/10.1016/j.intaccaudtax.2007.06.001>
- Abdul Hamid, F. Z., Shafie, R., Othman, Z., Wan Hussin, W. N., & Fadzil, F. H. (2013). Cooking the Books : The Case of Malaysian Listed Companies. *International Journal of Business and Social Science*, 4(13), 179–186.
- Abdullah, N. M. (2006). *The Characteristics of Audit Committee & the Quality of Financial Reporting in Malaysia. Tesis.*
- Abdullah, S. N. (2006). Board composition, audit committee and timeliness of corporate financial reports in Malaysia. *Corporate Ownership and Control*, 4(2 A), 33–45.
- Abernathy, J. L., Beyer, B., Masli, A., & Stefaniak, C. (2014). The association between characteristics of audit committee accounting experts , audit committee chairs , and financial reporting timeliness. *Advances in Accounting*, 30(2), 283–297.
- Aboody, D., & Lev, B. (2000). Information Asymmetry, R&D, and Insider Gains. *The Journal of Finance*, 55(6), 2747–2766.
- Adams, M. B. (1994). Agency Theory and the Internal Audit. *Managerial Auditing Journal*. <http://doi.org/10.1108/02686909410071133>
- Adelopo, I. (2010). *The Impact of Corporate Governance on Auditor Independence: A Study of Audit Committee in U. K. Listed Companies. (Unpublished Doctorate's Thesis).*

- Afify, H. A. E. (2009). Determinants of audit report lag: Does implementing corporate governance have any impact? Empirical evidence from Egypt. *Journal of Applied Accounting Research*, 10(1), 56–86.
- Agoglia, C. P., Doupnik, T. S., & Tsakumis, G. T. (2011). Principles-based versus rules-based accounting standards: The influence of standard precision and audit committee strength on financial reporting decisions. *Accounting Review*, 86(3), 747–767. <http://doi.org/10.2308/accr.00000045>
- Akle, Y. H. (2011). The Relationship Between Corporate Governance and Financial Reporting Timeliness For Companies Listed on Egyptian Stock Exchange: An Emprical Study. *Internal Auditing & Risk Management*, 6(2), 81–90. Retrieved from <http://ezproxy.lib.monash.edu.au/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=bth&AN=77709541&site=ehost-live&scope=site>
- Aktaş, R., & Karğın, M. (2011). Timeliness of reporting and the quality of financial information. *International Research Journal of Finance and Economics*, 63, 71–77.
- Al-Ajmi, J. (2008). Audit and reporting delays: Evidence from an emerging market. *Advances in Accounting*, 24(2), 217–226. <http://doi.org/10.1016/j.adiac.2008.08.002>
- Alba, J. W., & Hutchinson, J. W. (1987). Dimensions of Consumer Expertise. *Journal of Consumer Research*.
- Aldamen, H., Duncan, K., Kelly, S., McNamara, R., & Nagel, S. (2012). Audit committee characteristics and firm performance during the global financial crisis. *Accounting & Finance*, 52(4), 971–1000. Retrieved from http://resolver.scholarsportal.info/resolve/08105391/v52i0004/971_accapdtgfc
- Al-Moataz, E. . (2003). *The Effectiveness of Audit Committees within Saudi Corporations: An Empirical Investigation*. Loughbrough University.
